



MAKLUM BALAS KERAJAAN

TERHADAP LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011





MAKLUM BALAS KERAJAAN

TERHADAP LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011

MUKADIMAH

Dewasa ini, isu-isu hak asasi manusia semakin mendapat perhatian tidak kira daripada golongan profesional mahupun masyarakat Malaysia secara amnya. Di Malaysia, isu-isu hak asasi manusia dipantau oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang telah diberi mandat antara lain untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia, menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan, mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia dan menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia.

Selaras dengan Seksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597], SUHAKAM perlu mengemukakan Laporan Tahunannya kepada Parlimen pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun. Laporan Tahunan SUHAKAM 2011 telah diedarkan di Parlimen pada 26 Mac 2012 yang lalu.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2011 akan diteliti dan diselaraskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri iaitu sebuah agensi yang membantu Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyelaras maklum balas berkaitan isu-isu yang dibangkitkan SUHAKAM dan menguruskan pelantikan anggota SUHAKAM.

Isu-isu, pemerhatian dan syor yang diterima daripada SUHAKAM meliputi isu-isu hak asasi manusia yang merangkumi aspek hak asasi manusia di dalam dan luar negara. Melalui maklum balas yang diterima daripada Jabatan/Agensi Kerajaan, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan hak asasi rakyat adalah terjamin.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Laporan Kumpulan Kerja Promosi dan Pendidikan	5
2.	Laporan Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan	19
3.	Laporan Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-Undang dan Titi Antarabangsa	31
4.	Laporan Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan	47
5.	Laporan Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa	95
6.	Laporan Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli	99
7.	Laporan Pejabat Sabah	111
8.	Laporan Pejabat Sarawak	125
9.	Senarai Singkatan	130
10.	Lampiran 1	133
11.	Lampiran 2	139



LAPORAN KUMPULAN KERJA PROMOSI DAN PENDIDIKAN



MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011

ISU-ISU
LAPORAN KUMPULAN KERJA PROMOSI DAN PENDIDIKAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Program Di Sekolah-Sekolah	8
2.	Kajian Formatif Oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	8
3.	Hak Kepada Pendidikan Untuk Kanak-Kanak Orang Asal/Asli	9
4.	Hak Kepada Air Yang Bersih	10
5.	Bekalan Elektrik	11
6.	Kemudahan Asrama	12
7.	Makanan	12
8.	Penolong Pengurusan Pelajar (SMA)	13
9.	Kurikulum Alternatif Untuk Kanak-Kanak Orang Asli	14
10.	Kanak-Kanak Tidak Bersekolah	15
11.	Hal-Hal Lain Berkaitan Pendidikan	16
12.	Hak Orang Kurang Upaya (OKU)	17

ISU DAN ULASAN

PROGRAM DI SEKOLAH-SEKOLAH

Pada 19-21 April dan 20-22 Jun, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa buah bengkel melalui Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di sekolah (ATHAM) bagi mendedahkan beberapa sekolah tersebut kepada prinsip dan konsep asas hak asasi manusia. Lima buah sekolah di bawah projek perintis telah meningkatkan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif ATHAM. Walaupun Suruhanjaya melihat ini sebagai satu langkah ke hadapan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Usaha perlu digandakan untuk menjadikan hak asasi manusia satu cara hidup dalam persekitaran sekolah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sedia meneliti untuk mendapatkan penjelasan daripada sekolah rintis dan pihak SUHAKAM berkaitan dengan amalan ini. Untuk itu, Mesyuarat bersama dengan Guru Besar Sekolah Orang Asli yang akan diadakan sebanyak 2 kali setahun boleh dijadikan platform bagi memperjelaskan kepada semua Guru Besar tersebut.

KAJIAN FORMATIF OLEH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan ATHAM, Suruhanjaya telah melantik satu pasukan penyelidik dari UPSI untuk menjalankan kajian ke atas projek perintis tersebut. Secara amnya, kajian itu mendapati bahawa projek ini telah memberi manfaat kepada sekolah-sekolah berkenaan dan mencadangkan bahawa Suruhanjaya mengekalkan program dan objektif program tersebut.

Sekolah-sekolah berkenaan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk Suruhanjaya, Jabatan Pelajaran Negeri, ibu bapa dan masyarakat sivil bagi memastikan kejayaan program tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kajian ATHAM yang telah dijalankan oleh UPSI mendapati bahawa ke semua sekolah yang mengamalkan ATHAM telah melaksanakan amalan hak asasi manusia menepati artikel *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) dan *Convention on the Rights of the Child* (CRC).

Kerajaan amat mengalu-alukan amalan baik yang diterapkan kepada murid dan warga pendidikan selagi ia tidak mengganggu urusan pembelajaran murid di

ISU DAN ULASAN

sekolah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan menyusul sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri yang terlibat bagi mendapatkan input dan maklum balas berkaitan dengan pelaksanaan Projek Rintis ATHAM ini.

HAK KEPADA PENDIDIKAN UNTUK KANAK-KANAK ORANG ASAL/ASLI

Walaupun pendidikan rendah adalah wajib untuk semua kanak-kanak, tidak banyak peningkatan dalam kehadiran ke sekolah di kalangan kanak-kanak Orang Asli terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Pada masa yang sama, Suruhanjaya membuat pemerhatian bahawa kanak-kanak Orang Asli yang hadir ke sekolah dinafikan pendidikan berkualiti.

Satu punca utama kepada ketidakhadiran kanak-kanak Orang Asli ke sekolah adalah kekurangan pengangkutan ke sekolah. Suruhanjaya mendapati bahawa bilangan kenderaan tidak mencukupi, seterusnya menyumbang kepada kesesakan di dalam kenderaan tersebut. Mereka yang terlibat adalah pelajar SK Satak, Raub di Pahang, SK Batu 7 dan SK Batu 14, Batang Padang di Perak, dan SK Pos Brooke di Gua Musang, Kelantan.

Agensi-agensi yang berkenaan seharusnya mengkaji keadaan jalan raya, contohnya laluan yang digunakan untuk ke SK Pos Musuh di Perak, SK Bihai dan SK Tohoi di Gua Musang, Kelantan, dan SK Kg Peta, dan SK Kudung di Johor.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan mengambil maklum dan telah melakukan penyiasatan terhadap laporan tersebut.

SK POS Musuh, Perak

Sekolah ini terletak di dalam perkampungan Orang Asli dan berhampiran Empangan Hidroelektrik TNB Batu 7. Keadaan terkini jalan menunjukkan terdapat tanah runtuh berlaku dan menyebabkan rangkaian jalan raya tersebut telah terputus sepenuhnya dari jalan utama. Memandangkan kejadian tersebut berlaku dalam kawasan Empangan Hidroelektrik, pihak TNB telah bersetuju untuk memperbaiki keadaan jalan tersebut.

SK Bihai dan SK Tohoi di Gua Musang, Kelantan

Jalan menuju ke SK Bihai merupakan jalan tanah, manakala jalan yang menghubungkan SK Tohoi adalah jalan batu (*crusher run*). Kedua-dua jalan ini merupakan jalan keluar/masuk balak. Pada bulan Mac 2012, Kerajaan telah

ISU DAN ULASAN

menyediakan permohonan peruntukan untuk kerja-kerja menaik taraf dan penyenggaraan jalan tersebut.

SK Kg. Peta, Endau Rompin, Mersing, Johor

Penduduk Orang Asli Kg. Peta dihubungkan melalui jalan tanah merah sejauh 40km sehingga ke jalan negeri Mersing-Kluang. Jalan tersebut sedang dinaiktaraf di bawah program *East Coast Economic Region* (ECER) dan merupakan jalan masuk utama yang sering dikunjungi pelawat untuk ke Taman Negara.

SK Kg. Kudung, Bekok, Segamat, Johor

Sekolah Kebangsaan Kudung, Bekok terletak di dalam daerah Segamat, Johor dan dihubungkan dengan Jalan Bekok (J150) di Segamat. Sekolah tersebut terletak di penempatan orang asli Kg. Kudung dan Kg. Sri Temayan, Bekok. Jalan perhubungan utama di kawasan ini ialah sebuah jalan kampung di bawah seliaan Pejabat Daerah. Pihak Pejabat Daerah Segamat telah memohon peruntukan daripada KKLW untuk kerja-kerja pembaikan jalan tersebut.

HAK KEPADA AIR YANG BERSIH

Suruhanjaya berpendapat bahawa sesetengah sekolah masih bergantung kepada air daripada sumber semula jadi yang tidak dirawat. Antaranya ialah SK Pos Betau di Kuala Lipis, Pahang dan asrama di SK Bidor di Bidor, Perak.

Suruhanjaya telah dua kali memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan secara bertulis tentang masalah tersebut, tetapi tiada sebarang jawapan yang diberikan sehingga kini.

Dalam maklum balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2010, ia telah menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah dimaklumkan berkenaan hal tersebut dan akan menaik taraf sistem perairan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Walaupun mengalu-alukan langkah itu, namun Suruhanjaya tetap ingin menekankan bahawa air bersih adalah hak asasi manusia, dan dengan itu, Kementerian Pendidikan haruslah mempercepatkan proses peningkatan sistem perairan tersebut.

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa bekalan air yang tidak mencukupi telah menyumbang kepada ketidakhadiran di sekolah-sekolah. Selain itu, penggunaan air yang tidak dirawat telah mendedahkan warga sekolah kepada *leptospirosis* dan pelbagai penyakit bawaan air yang berpunca daripada pencemaran.

ISU DAN ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Isu bekalan air bersih ke Sekolah Asli telah dibincangkan dalam Mesyuarat *Task Force* Sekolah Orang Asli. Susulan itu, masalah bekalan air bersih ke SK RPS Batau, Kuala Lipis telah diatasi di mana mesin *Rossington Water* telah diubah sistem pendawaiannya menggunakan bekalan elektrik TNB 24 jam. Sebelum ini mesin ini tidak berfungsi kerana pihak sekolah menggunakan *generator* untuk membekalkan elektrik secara berkala. Pihak kontraktor telah melaksanakan ujian bagi memastikan mesin *Rossington Water* itu berfungsi sepenuhnya.

Pihak kontraktor yang terlibat telah dihubungi bagi menyelenggara dan memastikan mesin *Rossington Water* yang membekalkan air bersih di kebanyakan Sekolah Orang Asli dapat berfungsi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan di mana mesin ini hanya boleh beroperasi sepenuhnya jika mendapat bekalan elektrik 24 jam, sedangkan masih terdapat Sekolah Orang Asli yang menggunakan *generator* bagi membekalkan elektrik secara berkala.

KPM telah membentangkan isu ini kepada YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di dalam sesi pembentangan Pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan di dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) Kali Ke 9 Bilangan 1/2012 pada 3 Julai 2012 di Kuala Lumpur. Pihak KPM akan bekerjasama dengan pihak KKLW di dalam usaha menyelesaikan masalah bekalan air bersih ke perkampungan Orang Asli, khususnya di Sekolah Orang Asli.

BEKALAN ELEKTRIK

Semasa lawatan ke SK Pos Batau di Kuala Lipis, Pahang, Suruhanjaya mendapati bahawa sekolah tidak mempunyai bekalan elektrik yang berterusan sepanjang hari. Penjana yang dibekalkan ke sekolah telah rosak dan masih tidak dibaiki walaupun terdapat permintaan oleh pihak pengurusan beberapa kali. Ini telah menjejaskan kesejahteraan kesemua 581 orang pelajar sekolah tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Isu bekalan elektrik ke SK RPS Batau, Kuala Lipis telah selesai kerana sekolah tersebut telah menerima bekalan elektrik TNB 24 jam.

ISU DAN ULASAN

KEMUDAHAN ASRAMA

Suruhanjaya telah melawat asrama di SK Bidor di Bidor, Perak, pada 15 Ogos selepas menghantar dua pucuk surat kepada Kementerian Pendidikan tentang keadaan yang tidak memuaskan. Suruhanjaya menyatakan bahawa masih tiada bekalan air bersih, dan tangki air masih belum digantikan bagi menampung keperluan 150 orang pelajar. Penginapan di asrama juga tidak disediakan untuk warden. Selain itu, asrama ini diuruskan oleh sekolah rendah (SK Bidor) walaupun pelajar bersekolah menengah.

Suruhanjaya memandang serius keadaan tersebut yang telah mengabaikan hak anak-anak Orang Asli kepada pendidikan berkualiti dalam persekitaran yang selamat dan selesa. Maklum balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengambil perhatian tentang masalah tersebut dan siasatan sedang dijalankan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan memandang serius akan permasalahan ini dan telah mengarahkan Jabatan Pelajaran Negeri Perak untuk melakukan penyiasatan dan tindakan susulan bagi mengatasi masalah tersebut. Langkah serta-merta yang diambil ialah pihak sekolah diminta menyediakan jadual tugas guru bagi mengawal tindak-tanduk pelajar-pelajar sekolah menengah yang menumpang di asrama tersebut.

MAKANAN

Semasa lawatan ke asrama di Kelantan, Perak dan Pahang, Suruhanjaya telah diberitahu bahawa kanak-kanak Orang Asli tidak menggemari beberapa jenis makanan yang disenaraikan di dalam menu yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, termasuk buah-buahan. Hasilnya, kanak-kanak tersebut tidak akan memakan makanan yang disediakan ini. Walaupun Suruhanjaya menghargai hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyediakan makanan yang berkhasiat, ia harus mengambil kira keperluan khas kanak-kanak Orang Asli. Seperti yang dinyatakan dalam Perkara 12 Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), pandangan kanak-kanak mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam membuat sebarang keputusan.

ISU DAN ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pelajaran telah menyediakan senarai menu makanan untuk Bantuan Makanan Asrama (BMA) kepada pembekal makanan bermasak di asrama. Harga kontrak juga berbeza berdasarkan kedudukan dan lokasi sekolah.

Menu makanan yang disediakan mengambil kira penyediaan makanan yang seimbang dan berkhasiat kepada murid-murid. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana makanan yang disediakan oleh pembekal berdasarkan menu yang ditetapkan kurang digemari oleh murid-murid Orang Asli berdasarkan amalan tradisi atau pengaruh budaya sesuatu kaum.

Sehubungan itu, satu Mesyuarat Teknikal Pembentukan dan Pemantauan Menu Asrama dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk murid Sekolah Rendah Orang Asli Bilangan 1/2011 telah diadakan pada 9 dan 10 Jun 2011 oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan dan memutuskan menu makanan di asrama dan RMT murid Orang Asli.

Menu asrama yang dibentuk adalah untuk kitaran 2 minggu (5 kali waktu makan) dengan jumlah anggaran kalori sehari bagi setiap murid adalah 2000 kcal dan ia adalah memenuhi keperluan murid-murid tersebut. Manakala Menu RMT yang dibentuk adalah untuk kitaran 2 minggu (2 kali makan iaitu sarapan pagi dan minum pagi) dengan jumlah pengambilan kalori murid adalah 700 kcal iaitu menyumbang kepada 1/3 pengambilan kalori harian murid-murid tersebut. Perubahan kepada jenis menu makan di asrama dan menu RMT adalah mengambil kira kepada kegemaran dan memenuhi selera murid Orang Asli.

PENOLONG PENGURUSAN PELAJAR (SMA)

Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan jawatan SMA untuk membantu penjagaan pelajar sekolah rendah, terutamanya kanak-kanak Orang Asli yang menetap di asrama. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa para SMA perlu melalui kursus latihan yang singkat sebelum mereka mula bertugas.

Suruhanjaya berpendapat bahawa latihan bagi tenaga SMA haruslah merangkumi kemahiran keibubapaan, psikologi kanak-kanak dan perkembangan kanak-kanak. Ini adalah penting kerana terdapat aduan bahawa tenaga SMA bersikap terlalu kasar dalam mendisiplinkan pelajar.

ISU DAN ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan perjawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) bagi membantu penjagaan dan mendidik anak-anak Orang Asli mengurus diri semasa tinggal di asrama. Sehingga kini, seramai 13,792 orang PPM telah dilantik dimana seramai 1,972 daripadanya telah ditempatkan di asrama di seluruh negara.

Bagi tahun 2011, sebanyak 4 siri Kursus Peningkatan Kemahiran Pembantu Pengurusan Murid telah diadakan di seluruh negara melibatkan seramai 224 orang peserta. Manakala sehingga Jun 2012, sebanyak 7 siri kursus telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 1,029 orang peserta.

KURIKULUM ALTERNATIF UNTUK KANAK-KANAK ORANG ASLI

Maklum balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah membangunkan Kurikulum Bersepadu Pelajar Sekolah Rendah Orang Asli dan Penan (Kurikulum Asli Penan, KAP). Kementerian Pendidikan akan bertanggungjawab untuk merancang penilaian melalui Penilaian Sektor Pembangunan Alternatif dalam Lembaga Peperiksaan. Suruhanjaya telah menerima jawapan yang sama daripada Kementerian Pendidikan pada tahun 2010 apabila ia membangkitkan isu berkenaan melalui surat.

Walau bagaimanapun, semasa lawatan dan perbincangan dengan pengurusan sekolah dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Kementerian telah berhenti melaksanakan KAP dan sebagai ganti sekolah-sekolah telah diarahkan untuk menggunakan program LINUS. Pelajar akan menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2012 dan bukannya menjalani penilaian alternatif seperti yang dirancang. Suruhanjaya amat prihatin kerana hal ini akan memberi kesan kepada kanak-kanak Orang Asli, terutamanya mereka yang mempunyai masalah pembelajaran.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang mengkaji Kurikulum Bersepadu Pelajar Sekolah Rendah Orang Asli dan Penan (Kurikulum Asli Penan, KAP) untuk menyediakan dokumen standard prestasi yang akan digunakan oleh guru yang mengajar murid Asli dan Penan dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) kepada murid Tahap Dua (2) mulai tahun 2014.

ISU DAN ULASAN

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) dilaksanakan dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di 14 buah sekolah Murid Orang Asli dan di 6 buah sekolah murid Penan.

Program LINUS yang dijalankan di sekolah KAP merupakan program yang berstruktur untuk memastikan pencapaian semua murid menguasai 3M. Walau bagaimanapun, KPM telah menerapkan pengajaran berasaskan perspektif peribumi dalam LINUS untuk pembelajaran yang lebih bermakna dan menarik minat murid untuk belajar.

Sektor Pembinaan Pentaksiran Alternatif (SPPA) yang diwujudkan khas di Lembaga Peperiksaan, KPM berperanan membangunkan instrumen pentaksiran alternatif bagi calon-calon khas yang melibatkan masalah pendengaran dan penglihatan. SPPA juga telah diberi tanggungjawab menyediakan penilaian bagi KAP. Oleh kerana KAP lebih merupakan program yang bertujuan untuk menggalakkan murid ke sekolah (Mari ke Sekolah) dan menyesuaikan diri dengan persekitaran dan suasana persekolahan serta terhad kepada murid dari Tahun 1 – 3 (Tahap 1), maka instrumen khas UPSR untuk KAP tidak dibina. Ini adalah kerana UPSR merupakan ujian pencapaian bagi murid yang melalui keseluruhan proses pembelajaran di sekolah rendah, sedangkan KAP tidak mencakupi keseluruhan proses tersebut. Oleh sebab itu, murid yang berada di Tahap 2 (tahun 4 – 6) menggunakan kurikulum arus perdana dan menduduki UPSR.

KANAK-KANAK TIDAK BERSEKOLAH

Disebabkan oleh semua faktor yang dinyatakan, sebilangan kanak-kanak Orang Asli tidak menghadiri sekolah rendah walaupun dasar pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1996 mewajibkan pendidikan sekolah rendah. Pada tahun 2010, terdapat peningkatan sebanyak 784 kanak-kanak berumur 7-12 tahun yang tidak menghadiri sekolah, berbanding dengan 2007. Semasa lawatan ke penempatan Orang Asli di Kg Pos GOP di Gua Musang, Kelantan, dan Kg Selaoh dan Kg Sungai Kejar di Grik, Perak, Suruhanjaya telah mendapati bahawa tidak ada sekolah di kawasan penempatan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pelaksanaan Pendidikan Wajib selaras dengan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Sebagai langkah permulaan bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan menerusi Jabatan Pelajaran Negeri Perak

ISU DAN ULASAN

telah melaksanakan projek rintis kelas Cawangan SK Sungai Tiang di Perkampungan Orang Asli Sungai Kejar, Hulu Perak bermula pada 3 April 2012. Hasil daripada bancian yang telah dibuat, seramai 59 kanak-kanak Orang Asli yang berada di usia persekolah tidak bersekolah. Sehubungan itu pelaksanaan projek rintis berfokus kepada pendidikan asas 3M kepada kanak-kanak tersebut, telah diadakan sebanyak 3 kali seminggu dengan 3 orang guru yang mengajar. Kerajaan akan meneliti dan mengikut perkembangan pelaksanaan projek rintis ini untuk dikemukakan sebagai cadangan bagi mengatasi isu kanak-kanak Orang Asli yang tidak bersekolah di lokasi yang dinyatakan oleh pihak SUHAKAM.

HAL-HAL LAIN BERKAITAN PENDIDIKAN

Suruhanjaya telah melawat dua buah sekolah agama (Islam) di Perlis. Ia telah dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah tersebut menghadapi kesukaran untuk didaftarkan kerana dasar dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri. Selain itu, sekolah-sekolah tersebut tidak menerima bantuan seperti guru-guru terlatih, kemudahan untuk mengajar mata pelajaran sains, atau keperluan asas seperti kerusi, meja dan buku teks. Kementerian Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri harus mencari jalan penyelesaian bagi membantu sekolah-sekolah yang menyediakan pendidikan alternatif ini. Pihak berkuasa sepatutnya mengambil kira prinsip utama UDHR dan CRC yang menekankan tiada diskriminasi dan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian akan pendidikan kepada kanak-kanak dalam Negara, terutamanya anak warganegara. Dalam konteks sekolah agama, Kerajaan perlu meneliti sama ada sekolah tersebut di bawah Kerajaan Negeri atau pun milik persendirian yang ditadbir oleh Lembaga Pentadbir Sekolah tersebut. Kerajaan sentiasa menggalakkan sekolah-sekolah agama untuk berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membolehkan murid mendapatkan akses, ekuiti dan kualiti pembelajaran yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, keputusan mendaftar adalah bergantung kepada Lembaga Pentadbir Sekolah berkenaan yang perlu akur dengan syarat yang ditetapkan Kementerian Pelajaran Malaysia seperti menggunakan Kurikulum Kebangsaan dan bangunan sekolah menepati syarat kelulusan oleh pihak berkuasa tempatan. Dalam kes ini, Jabatan Agama Islam Perlis telah selesai mendaftarkan dua buah sekolah tersebut setelah memenuhi syarat ditetapkan.

ISU DAN ULASAN

HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Perbincangan Meja Bulat (RTD) bersama pihak berkuasa tempatan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak dan Pulau Pinang telah diadakan. Terdapat penyalahgunaan ruang letak kereta yang dikhaskan untuk kenderaan OKU. Golongan OKU mencadangkan diberikan pelekat yang seragam untuk dipaparkan pada kenderaan mereka, serta undang-undang bagi menghukum pemandu bukan OKU yang meletakkan kenderaan di ruang khas tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sebanyak 10,000 pelekat motosikal dan kereta telah siap dicetak oleh Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam pada 29 Mac 2012, JPJ akan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menentukan syarat dan kategori OKU yang layak menggunakan pelekat kenderaan OKU tersebut dan pengeluarannya juga kelak akan diselaraskan oleh kedua-dua agensi berkenaan. Bagi memastikan pelaksanaannya di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) pula, perkara ini akan dibawa untuk keputusan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang akan datang oleh Jabatan Kerajaan Tempatan.

Pada masa ini, tiada perundangan khusus yang memperuntukkan sebarang kuasa kepada mana-mana agensi Kerajaan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang menyalahgunakan ruang tempat letak kereta bagi OKU. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan dan pengenaan denda ke atas kesalahan menyalah guna tempat letak kereta OKU boleh diwartakan melalui kuasa Menteri Pengangkutan.

Dalam hal ini, semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam pada 29 Mac 2012, adalah dipersetujui supaya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengkaji cadangan pewartaan penguatkuasaan dan pengenaan denda salah guna tempat letak kereta OKU. Selain itu, agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan juga telah diminta sekiranya perlu untuk meminda garis panduan atau undang-undang berkenaan (sekiranya ada) untuk menambah baik pengurusan dan penguatkuasaan tempat letak kereta OKU. KPWKM dan JKM juga akan mengadakan program/aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab awam mengenai hak OKU termasuk kemudahan tempat letak kereta OKU.



LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN



ISU-ISU
LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pelaksanaan Kuasa Polis	22
2.	Setiap Tahanan Perlu Diperiksa Oleh Pegawai Perubatan Terlebih Dahulu Sebelum Diambil Keterangan Atau Disoal Siasat. Hasil Setiap Pemeriksaan Perlu Direkodkan.	22
3.	Setiap Laporan Polis Berkenaan Dakwaan Kekasaran Melampau Oleh Pihak Polis Perlu Disiasat Oleh Ibu Pejabat Polis Persekutuan Atau Ibu Pejabat Polis Kontinjen Untuk Mengelakkan Laporan Yang Berat Sebelah.	23
4.	Penyampaian Perkhidmatan Untuk Orang Asli	23
5.	Penggunaan Undang-Undang Penahanan Pencegahan	25
6.	Hak Berhimpun Secara Aman	25
7.	Kebajikan Kanak-Kanak	26
8.	Hak Pekerja Migran	27

ISU & ULASAN

PELAKSANAAN KUASA POLIS

Suruhanjaya menerima 113 aduan berkaitan penyalahgunaan kuasa oleh polis, kelewatan tindakan polis dan penggunaan kekasaran yang melampau untuk mendapatkan maklumat atau semasa sesi temu ramah untuk mendapatkan maklumat atau semasa sesi soal siasat ke atas tahanan. Kamera litar tertutup perlu ditempatkan di setiap bilik soal siasat; tahanan hanya boleh disoal siasat di dalam bilik yang mempunyai kamera litar tertutup dan rakaman suara perlu dibuat sepanjang proses soal siasat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bersedia untuk melaksanakan yang terbaik untuk rakyat dan juga penugasan PDRM itu sendiri. Sememangnya PDRM telah melaksanakan transformasi dalam memastikan bilik-bilik soal siasat dipasang dengan sistem CCTV bagi tujuan rakaman visual dan audio, bukan sahaja untuk memastikan ketelusan tetapi juga sebagai langkah menangkis dakwaan saspek/pesalah yang membuat tuduhan palsu dipukul oleh pihak polis semasa ditemubual/soal siasat sebagai usaha untuk menyelamatkan diri mereka. Buat masa ini, sebahagian besar bilik soal siasat telahpun dipasang dengan CCTV namun jumlah bilik soal siasat yang disediakan dengan CCTV masih kecil berbanding dengan jumlah keperluan di peringkat kontinjen/daerah. PDRM akan terus berusaha untuk membuat penambahbaikan kepada bilik soal siasat yang sedia ada dilengkapi dengan sistem dan peralatan CCTV di seluruh Negara namun ia akan melibatkan penambahan kos perbelanjaannya (seperti di Lampiran 1).

SETIAP TAHANAN PERLU DIPERIKSA OLEH PEGAWAI PERUBATAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM DIAMBIL KETERANGAN ATAU DISOAL SIASAT. HASIL SETIAP PEMERIKSAAN PERLU DIREKODKAN.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

PDRM sentiasa bekerjasama dengan pihak hospital dalam perkara ini. Walau demikian, kekangan di pihak Kementerian Kesihatan untuk menyediakan Pegawai Perubatan bagi pemeriksaan di setiap IPK/IPD seluruh negara juga perlu diambil kira, khususnya IPD/Balai yang kedudukannya jauh daripada mana-mana hospital. Kelewatan menjalankan soal siasat juga mampu menjejaskan kejayaan siasatan dan boleh menyebabkan nyawa seseorang mangsa itu hilang (contohnya kes perculikan).

ISU & ULASAN

SETIAP LAPORAN POLIS BERKENAAN DAKWAAN KEKASARAN MELAMPAU OLEH PIHAK POLIS PERLU DISIASAT OLEH IBU PEJABAT POLIS PERSEKUTUAN ATAU IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN UNTUK MENGELAKKAN LAPORAN YANG BERAT SEBELAH.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Bagi setiap laporan polis mengenai kekasaran melampau oleh polis, siasatan akan dijalankan oleh Pegawai Penyiasat dari Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) atau Pegawai Penyiasat dari daerah yang berlainan bagi kes-kes yang menarik perhatian umum pegawai penyiasat daripada kontijen berlainan juga pernah dilantik bagi menyiasat kes kekasaran bagi tujuan menjamin ketelusan. Perkara ini telah dilaksanakan dalam penyiasatan kes kematian Aminur Rasyid yang melibatkan anggota MPV Shah Alam dan siasatan dijalankan oleh Pegawai Penyiasat dari IPK Selangor.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN UNTUK ORANG ASLI

Kaunter aduan telah dibuka bersempena Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia. Kebanyakan aduan yang diterima telah direkodkan, antara aduan tersebut adalah:

- Kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik
- Kesukaran mendapatkan Mykad
- Pendidikan

Masyarakat Orang Asli memohon supaya Hospital Gombak diurus oleh Kementerian Kesihatan atau, sebagai alternatif, memberi penambahbaikan kepada perkhidmatan pengurusan yang sedia ada.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil inisiatif dengan memohon keperluan bajet setiap tahun kepada agensi yang terlibat bagi mengatasi kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik untuk kemudahan masyarakat Orang Asli. JAKOA juga turut mewujudkan portal serta sistem e-aduan yang terbuka kepada masyarakat Orang Asli untuk membuat aduan secara atas talian.

ISU & ULASAN

Terdapat program-program khas atau "*outreach*" yang telah dianjurkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memudahkan masyarakat Orang Asli mendapatkan Dokumen Pengenalan Diri. Dari tahun 2010 sehingga April 2012, JPN telah menerima 1189 permohonan dengan pecahan seperti jadual berikut:

BIL.	JPN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	JPN Ibu Pejabat	536
2.	JPN Pahang	283
3.	JPN Johor	131
4.	JPN Selangor	110
5.	JPN Kelantan	86
6.	JPN Terengganu	43

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam memastikan pendidikan kanak-kanak orang asli diberi hak yang sama rata seperti kanak-kanak lain di Malaysia. Setiap aduan yang dipanjangkan oleh JAKOA akan ditangani secara bersama-sama dengan sebaik mungkin.

Bermula dari 1 Januari 2012, Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan bagi masyarakat Orang Asli telah diserahkan secara rasminya oleh JAKOA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyerahan perkhidmatan ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Julai 2011 yang bersetuju akan cadangan KKM untuk mengambil alih pengurusan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan oleh JAKOA. Antara fasiliti yang terlibat dengan penyerahan tersebut adalah:

- (i) sebuah hospital berserta pusat transit (Hospital Orang Asli, Gombak) (hal kebajikan pesakit dan keluarga pesakit masih di bawah tanggungjawab JAKOA) bermula 1 Jan 2012; dan
- (ii) tiga (3) buah Klinik Kesihatan telah diambil alih oleh KKM dari JAKOA iaitu:
 - Klinik Kesihatan Betau, Kuala Lipis, Pahang;

ISU & ULASAN
• Klinik Kesihatan Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan; dan • Klinik Kesihatan Kemar, Gerik, Perak.
PENGGUNAAN UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN Undang-undang penahanan pencegahan juga telah digunakan terhadap kanak-kanak dan golongan muda. Daripada aduan yang diterima dan lawatan ke Pusat Pemulihan Dadah Machang di Kelantan, Suruhanjaya mendapati mereka yang di bawah umur dan golongan muda masih ditahan kerana disyaki mencuri atau terlibat dalam kegiatan kongsi gelap. Suruhanjaya berpendapat bahawa kesalahan-kesalahan yang didakwa dilakukan oleh golongan ini boleh diuruskan di bawah undang-undang yang berlainan seperti Kanun Keseksaan. Ini untuk memastikan bahawa hak kanak-kanak ini dilindungi sejajar dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), yang telah diratifikasi oleh Malaysia. MAKLUM BALAS KERAJAAN: Semua tahanan di bawah umur 21 tahun ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), Muar, Johor. Mereka ini diasingkan daripada tahanan dewasa. Terdapat sekolah Integriti khusus membolehkan tahanan yang masih bersekolah untuk meneruskan persekolahan dan menduduki peperiksaan seperti mana pelajar sekolah yang lain. Selain itu, modul pemulihan yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri dirangka supaya bersesuaian dengan umur tahanan bagi memulihkan dan menghindarkan mereka daripada terlibat dengan kesalahan-kesalahan jenayah atau dadah. Sehingga 27 April 2012, semua tahanan muda di bawah Ordinan Darurat (KAMJ) 1969 yang ditahan di PPA Muar, Johor telah dibebaskan selaras dengan pemansuhan tiga proklamasi Darurat oleh Parlimen pada 20 Disember 2011. Bagi tahanan muda di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985, terdapat sebanyak 37 orang tahanan di PPA Muar yang berumur dari 19 hingga 21 tahun.
HAK BERHIMPUN SECARA AMAN Suruhanjaya juga mengalu-alukan aspek-aspek tertentu di dalam Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011, yang diluluskan oleh Parlimen pada 20 Disember. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa perbincangan lebih lanjut perlu diadakan bersama orang awam, kerana Rang Undang-Undang

ISU & ULASAN

tersebut tidak mungkin mencerminkan maksud yang mereka hendak sampaikan untuk masyarakat yang lebih terbuka dan bebas serta demokrasi yang lebih kukuh.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah diminta oleh NGO, kumpulan-kumpulan yang mewakili para pelajar dan persatuan-persatuan lain untuk memantau perhimpunan awam yang mereka anjurkan. Suruhanjaya telah memutuskan bahawa satu pasukan yang terdiri daripada Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai akan ditugaskan di perhimpunan yang dianjurkan. Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan akan bertindak sebagai urusetia untuk aktiviti-aktiviti pemantauan.

Sebelum ini Suruhanjaya telah mencadangkan bahawa, sekiranya pihak polis mendapati terdapat keperluan untuk mengawal atau menyuraikan orang ramai, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diguna pakai dan bukanlah melalui kekerasan. Adalah diharapkan agar cadangan tersebut dapat dilaksanakan untuk pembangunan hak asasi manusia di Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Jika dikaji dari segi kronologinya, Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2012 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 29 November 2011 dan seterusnya pada 20 Disember 2011 telah diluluskan di Dewan Negara. Pada 9 Februari 2012 Akta Perhimpunan Aman 2012 telah diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara. Ini membuktikan bahawa rang undang-undang tersebut telah melalui semua peringkat dalam menggubal dasar sebelum ia diluluskan untuk menjadi sesuatu undang-undang. Oleh yang demikian, merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam rang undang-undang tersebut, ia telah pun dibentangkan di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan telah pun dibahaskan oleh wakil-wakil rakyat serta diluluskan.

KEBAJIKAN KANAK-KANAK

Pada bulan Mei, media telah melaporkan bahawa kanak-kanak di sebuah sekolah agama di Kedah telah digunakan untuk mengutip derma di stesen-stesen minyak dan Pusat Rehat dan Rekreasi di seluruh Malaysia. Isu ini menarik perhatian Suruhanjaya kerana ia melanggar Perkara 32 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang mewajibkan Negara-negara untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi ekonomi yang boleh mengganggu pelajaran mereka.

Pada 9 Mei, Suruhanjaya telah melawat sekolah berkenaan bersama wakil-wakil

ISU & ULASAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah, Jabatan Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Kemajuan Islam.

Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya dan agensi-agensi lain menasihatkan pihak pengurusan sekolah supaya mematuhi undang-undang, terutamanya Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001. Berikutan lawatan itu, Suruhanjaya telah menulis kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkenaan hasil lawatan, serta mencadangkan bahawa tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan kanak-kanak ini tidak dieksploitasikan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa perihatin dengan kebajikan murid-murid yang berada di sekolah KPM. Sekolah yang mengambil inisiatif untuk mengutip dana daripada agensi swasta atau orang perseorangan perlu mendapat kebenaran daripada pihak pendaftar terlebih dahulu. Kutipan dana sumbangan tidak boleh dibuat oleh murid, tetapi melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah tersebut. Dalam hal ini, KPM sentiasa memastikan keselamatan dan kebajikan murid sentiasa dijaga. Oleh itu, sehingga kini tiada kelulusan diberikan untuk membenarkan murid sekolah KPM membuat kutipan derma bagi pihak sekolah. KPM menyambut baik sebarang langkah kawalan penjagaan keselamatan dan kebajikan terhadap kanak-kanak diambil dan dikuatkuasakan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah bersama-sama SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke sekolah tersebut pada bulan Mei 2011 bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai perkara tersebut. Melalui siasatan yang dilakukan, JKM Negeri Kedah dan SUHAKAM mendapati laporan media adalah benar. Justeru, kes ini telah dirujuk oleh JKM Negeri Kedah kepada pihak Polis dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) untuk tindakan sewajarnya.

HAK PEKERJA MIGRAN

Pekerja asing Asahi Kosei mendakwa Asahi Kosei telah gagal untuk mematuhi kontrak mengenai isu gaji dan cuti tanpa gaji. Beberapa pekerja telah membantah dan dua daripada mereka telah dihantar pulang ke negara asal manakala pekerja lain memilih untuk meneruskan pekerjaan mereka. Apabila siasatan dijalankan, didapati bahawa pekerja-pekerja tersebut sebenarnya adalah pekerja asing yang digajikan oleh sebuah syarikat sub-kontraktor kepada Asahi Kosei dan masalah ini telah dimaklumkan kepada Jabatan Buruh.

ISU & ULASAN

Suruhanjaya berpendapat bahawa, dalam pertikaian berkaitan kontrak, pekerja-pekerja asing perlu diberikan peluang untuk membawa pertikaian tersebut ke Mahkamah Perusahaan atau Mahkamah Buruh. Menteri yang bertanggungjawab di Jabatan Buruh harus memutuskan sama ada perkara ini perlu campur tangan dari beliau dan dirujuk ke saluran yang seterusnya. Turut dicadangkan bahawa pekerja asing dibekalkan dengan pas khas bagi membolehkan mereka kekal bekerja sehingga kes diputuskan dan pas tersebut perlu diberi secara percuma.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini telah diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang perlu diperbaharui pada setiap tahun selepas pembayaran levi dibuat. Oleh itu, tiada pas khas lain yang perlu dikeluarkan kepada pekerja asing sekiranya mereka ingin terus bekerja sementara menunggu kes mereka diputuskan. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah menyiasat aduan ini pada bulan November 2011 dan sub-kontraktor Asahi Kosei, Asas Pertini Sdn Bhd telah dikenakan kompaun sebanyak RM3,000.00 atas kesalahan pemotongan gaji pekerja tanpa permit.

Jabatan Tenaga Kerja mempunyai kuasa untuk menyiasat dan mengesahkan kesahihan aduan sekiranya dilaporkan. Sekiranya pekerja asing ini diperlukan untuk prosiding kes Mahkamah Buruh, pekerja tersebut boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pas khas kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pas kerja telah dibatalkan ataupun tamat.

Jabatan ini hanya boleh mengeluarkan surat pemakluman "kepada sesiapa yang berkenaan" bahawa pekerja asing ini telah memfailkan tuntutan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955 dan prosiding kes sedang berjalan. Surat pemakluman ini akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen yang mempunyai bidang kuasa dalam perkara ini.

Mahkamah Perusahaan hanya mendengar kes-kes pembuangan kerja dan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia. Remedi yang diberi oleh Mahkamah Perusahaan tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Kes-kes yang melibatkan pekerja asing yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan kesemuanya adalah terdiri daripada Pegawai Dagang (*Expatriate*) dan Mahkamah Perusahaan memberi keutamaan bagi kes yang melibatkan pekerja asing ini dengan menetapkan penyelesaian kes dalam tempoh sembilan (9) bulan. Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan/ mengeluarkan pas khas kepada pekerja asing yang terlibat dengan kes untuk menetap di Malaysia

ISU & ULASAN

sehingga kes mereka selesai.

Kes Mahkamah Perusahaan hanya melibatkan isu menuntut semula kerja, selepas ditamatkan. Pekerja perlu memfailkan tuntutan di Jabatan Perhubungan Perusahaan dalam tempoh 60 hari dan dalam masa yang sama memohon pas khas daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Sekiranya kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, pekerja perlu meneruskan permohonan untuk mendapatkan pas khas bagi tujuan supaya mereka dapat hadir sehingga kes selesai.



**LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG
DAN TRITI ANTARABANGSA**



ISU-ISU
LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI
ANTARABANGSA

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Hak Orang Pelarian	34
2.	Hukuman Mati	37
3.	Hak Kanak-Kanak	38
4.	Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah (CAT)	42
5.	Undang-Undang Penahanan Pencegahan	42
6.	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD)	43
7.	Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011	44

ISU & ULASAN

HAK ORANG PELARIAN

Suruhanjaya telah menghantar satu kertas kerja mengenai hak-hak orang pelarian kepada Majlis Keselamatan Negara Malaysia, menggariskan cadangan-cadangan bagi Kerajaan untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menyediakan bantuan kepada orang pelarian. Kerajaan masih belum memberikan maklum balas kepada cadangan-cadangan yang dibuat, yang termasuk:

(i) Aspek kesihatan

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat memberikan sumbangan dan membantu dalam kos perubatan orang pelarian supaya mereka dapat menikmati rawatan percuma di hospital-hospital Kerajaan; walaupun diskaun 50% telah diberikan, kebanyakan orang pelarian masih tidak mampu mendapatkan rawatan.
- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menawarkan perkhidmatan doktor-doktor sukarela bagi menyediakan rawatan perubatan kepada orang pelarian.

(ii) Aspek kerja

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menggaji orang pelarian.
- Untuk lebih bertolak ansur kepada orang pelarian yang mempunyai kad UNHCR, sekiranya mereka ditangkap kerana bekerja tanpa permit.

(iii) Aspek pendidikan

- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat membina atau menyokong penubuhan lebih banyak sekolah komuniti bagi anak-anak orang pelarian supaya mereka dapat menikmati masa depan yang lebih baik.
- Untuk membenarkan NGO dan badan-badan korporat menderma bahan-bahan pendidikan seperti komputer, buku-buku dan alat tulis kepada sekolah-sekolah komuniti.
- Untuk mempertimbangkan kemasukan anak-anak orang pelarian ke sekolah-sekolah Kerajaan.

(iv) Garis panduan untuk NGO dan Badan-badan Korporat

- Untuk menyediakan garis panduan bagi NGO dan badan-badan korporat yang berminat dalam membantu orang pelarian supaya mereka mampu menjalankan projek-projek yang bersesuaian dengan dasar-dasar Kerajaan

ISU & ULASAN

- (v) Untuk melaksanakan projek perintis pada tarikh yang ditetapkan bagi NGO dan badan-badan korporat yang berminat dalam memperluaskan bantuan kepada orang pelarian

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Malaysia tidak menjadi negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951 (*Convention on the Status of Refugees 1951*) dan Protokol 1961 (*Protocol on the Status of Refugees 1961*) dan oleh yang demikian terminologi 'pelarian' tidak terpakai di Malaysia. Terminologi yang lebih tepat untuk digunakan terhadap golongan ini adalah 'Pendatang Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR' dan jika perkataan 'pelarian' digunakan, ia hendaklah digunakan dengan '*inverted comma*' seperti berikut; "pelarian". Langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi negara daripada dibebani dengan obligasi-obligasi yang termaktub di dalam Konvensyen dan Protokol berkenaan sekiranya penggunaan terminologi tersebut disalah tafsir sebagai penerimaan negara kepada terma-terma konvensyen dan protokol berkenaan.

Prinsip negara dalam memberi apa-apa bentuk bantuan kemanusiaan adalah berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) memberi keutamaan kepada rakyat dan warganegaranya;
- (ii) apa-apa bantuan yang diberi adalah tertakluk kepada kemampuan negara; dan
- (iii) bantuan-bantuan tidak merupakan sesuatu yang kekal.

Sehingga kini, pihak UNHCR telah mendaftar lebih daripada 100,000 orang PATI Yang Memegang Kad UNHCR, *Persons of Concern* dan lain-lain kategori pendatang. Daripada jumlah tersebut, 90% adalah dari Myanmar dan bakinya adalah daripada negara-negara Sri Lanka, Somalia, Iraq, Afghanistan dan sebagainya. Kehadiran sejumlah besar "pelarian" di samping pekerja dan PATI warga asing telah menimbulkan pelbagai masalah sosial di negara ini serta menimbulkan perasaan ketakutan di kalangan rakyat tempatan. Jika diambil kira jumlah keseluruhan warga asing di negara ini (tanpa mengira status) angkanya berada sekitar 2.5 hingga 3 juta dan ini meletakkan jumlah kumpulan pendatang sebanyak 10% daripada penduduk negara ini. Ia sudah pasti memerlukan kemudahan-kemudahan asas dan berupaya meletakkan infrastruktur kemudahan asas tersebut pada tahap kritikal terutama sekali ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi subsidi yang tinggi oleh kerajaan.

ISU & ULASAN

Kerajaan mengalu-alukan cadangan oleh badan-badan korporat NGO untuk membantu dalam menyumbang kepada pembiayaan kesihatan dan pendidikan “pelarian” seperti yang dikemukakan oleh SUHAKAM. Umumnya, dalam bidang kesihatan, kerajaan tidak menghalang badan-badan korporat dan pihak swasta menghulur bantuan kepada PATI Yang Memegang Kad UNHCR secara *direct*. Pada masa yang sama, Kerajaan pada dasarnya memberi diskaun 50% kepada “pelarian” adalah salah satu pendekatan yang mampu dibuat oleh Kerajaan untuk membantu PATI Yang Memegang Kad UNHCR. Kerajaan bimbang sekiranya kos perubatan “pelarian” ini ditanggung sepenuhnya, ia akan menjadi satu isu di kalangan warganegara kerana ada rawatan-rawatan di hospital Kerajaan yang kosnya terpaksa dtanggung oleh warganegara sama ada sebahagiannya ataupun sepenuhnya. Dan rawatan perubatan merupakan satu-satunya perkhidmatan asas yang diberi subsidi yang tinggi oleh Kerajaan. Dalam hal ini juga, Kerajaan tidak menghalang golongan ini daripada mendapat rawatan kesihatan di hospital-hospital dan klinik swasta.

Walaupun undang-undang dan peraturan imigresen tidak membenarkan PATI Yang Memegang Kad UNHCR untuk bekerja di negara ini, namun di dalam penguatkuasaannya, agensi-agensi keselamatan mengambil pendekatan yang bersesuaian kepada PATI Yang Memegang Kad UNHCR seperti mana yang digariskan di dalam Arahan Nombor 23 Majlis Keselamatan Negara berkaitan Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR.

Seperti mana yang diketahui umum, sistem persekolahan negara menghadapi tekanan untuk menampung pelajar-pelajar warganegara di sekolah-sekolah sedia ada. Apatah lagi keupayaan Kerajaan untuk memberi pendidikan kepada PATI Yang Memegang Kad UNHCR. Kekurangan bilik-bilik darjah, guru-guru dan lain-lain kemudahan merupakan kekangan utama Kerajaan untuk menerima memasukkan anak-anak bukan warga negara ke dalam sistem pendidikan negara. Kerajaan sedar dan mengetahui bahawa wujud sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh golongan-golongan “pelarian” dengan bantuan badan-badan swasta, NGO dan korporat. Di dalam hal ini, Kerajaan tidak bertindak untuk menghalang perjalanan sekolah-sekolah berkenaan malahan MKN sendiri memberi sumbangan kepada beberapa buah sekolah “pelarian” Filipina di Sabah.

Majlis Keselamatan Negara mengambil maklum cadangan untuk membenarkan NGO dan badan-badan membantu dalam pengendalian sekolah untuk anak-anak “pelarian”. Namun begitu, MKN berpendapat penglibatan NGO dan badan korporat dalam aktiviti-aktiviti ini harus diselaras oleh badan yang khusus agar ia memenuhi agenda Kerajaan. Bagi cadangan agar Kerajaan mempertimbangkan

ISU & ULASAN

kemasukkan anak-anak "pelarian" ke sekolah-sekolah kebangsaan, ia memerlukan satu keputusan dasar daripada Kerajaan.

Bagi perkara (iv) dan (v), MKN berpendapat supaya satu perbincangan diadakan antara NGO-NGO dan badan korporat yang berminat membantu "pelarian" melalui projek-projek yang bersesuaian. Dalam konteks ini, pihak SUHAKAM dapat membantu dalam mengenalpasti NGO/Badan Korporat yang ingin terlibat untuk berbincang bagi mendapatkan strategi "win-win" bagi semua pihak. Seterusnya perkara-perkara yang dibangkit dalam laporan ini telah dibawa dan terus dibincangkan dalam mesyuarat berjadual di bawah Arahan MKN No. 23 untuk mencari jalan penyelesaian serta mendapatkan mandat daripada Kerajaan sekiranya perkara-perkara tersebut memerlukan keputusan dasar bagi pelaksanaannya.

Di samping itu, MKN telah mengeluarkan Arahan No.23 – Mekanisma Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR khusus menyediakan garis panduan, mewujudkan keseragaman dan memberi dasar dalam pengurusan "pelarian". Ia juga menggariskan peranan dan tanggung jawab agensi dalam mengambil tindakan yang perlu diambil terhadap PATI Yang Memegang Kad UNHCR serta dasar negara terhadap "pelarian" dan kedudukan pejabat UNHCR di Malaysia.

HUKUMAN MATI

Suruhanjaya telah menyeru pemansuhan hukuman mati yang dianggap zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Sementara menunggu pemansuhan secara rasmi, adalah disyorkan agar Kerajaan menimbangkan penangguhan hukuman mati atau penukaran hukuman kepada penjara seumur hidup terutamanya bagi mereka yang telah dikenakan hukuman mati selama lebih daripada lima tahun.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Dalam tempoh hampir dua tahun hukuman mati telah tidak dilaksanakan oleh Jabatan Penjara kerana tiada perintah dan waran kepada jabatan ini untuk melaksanakan hukuman tersebut. Sebaliknya dalam tempoh yang sama seramai 10 orang banduan hukuman mati telah diberikan pengampunan dengan diringankan hukuman mereka kepada hukuman lain oleh Lembaga Pengampunan Negeri. Jabatan Penjara hanya melaksanakan hukuman yang sah di sisi undang-undang negara ini. Layanan dan hak banduan berkenaan termasuklah hak untuk merayu diberi dan dibantu oleh pihak penjara seperti

ISU & ULASAN

mana yang diberikan kepada banduan lain.

Cadangan dan pertimbangan terhadap pemansuhan hukuman mati dan cadangan penggantian hukuman tersebut dengan hukuman lain perlu mengambil kira semua aspek termasuklah bentuk jenayah yang dilakukan, cadangan gantian hukuman yang sesuai dengan kesalahan, kesan pemansuhan terhadap mangsa, keselamatan awam dan lain-lain pihak termasuklah penjara.

Fungsi Mahkamah adalah untuk mendengar dan memutuskan sesuatu perkara sama ada sivil atau jenayah yang telah ditetapkan oleh pihak legislatif. Mahkamah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk membuat atau meminda sebarang peruntukan undang-undang. Tugas mahkamah adalah untuk mentafsir undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen. Oleh yang demikian, mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk meminda peruntukan hukuman mati seperti mana yang disyorkan oleh pihak SUHAKAM.

HAK KANAK-KANAK

Suruhanjaya menegaskan semula bahawa penarikan balik reservasi kepada peruntukan-peruntukan Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC akan dapat merealisasikan sepenuhnya objektif CRC bagi menjamin hak kanak-kanak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Artikel 2:

Kerajaan telah membuat reservasi ke atas Artikel 2 CRC pada tahun 1995 memandangkan Artikel ini mengkehendaki negara pihak menguatkuasakan prinsip tiada diskriminasi kepada semua kanak-kanak atau ibu bapa/penjaga sah tanpa mengambil kira keturunan, kewarganegaraan dan status mereka. Hal ini adalah sukar untuk dilaksanakan kerana bercanggah dengan:

- (i) dasar-dasar Kerajaan mengenai hak-hak dan keistimewaan kaum Bumiputera;
- (ii) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan mengenai perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak;
- (iii) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan istimewa

ISU & ULASAN

anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak;

- (iv) kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan;
- (v) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966;
- (vi) kedudukan Agama Islam sebagai agama Persekutuan; dan
- (vii) perbezaan dalam hak-hak dan tanggungjawab orang Islam berbanding dengan orang bukan Islam di Malaysia.

Sehubungan itu, adalah dicadangkan supaya reservasi terhadap Artikel 2 ini dikekalkan buat masa ini memandangkan adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk melaksanakan prinsip “tiada diskriminasi” di Malaysia terutamanya dalam konteks peruntukan hak-hak istimewa kaum bumiputera seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Artikel 7:

Reservasi yang dibuat ke atas Artikel 7 pada tahun 1995 adalah berdasarkan kepada dasar Kerajaan mengenai pemberian taraf kewarganegaraan di mana pengecualian hanya boleh diberikan dalam hal-hal tertentu melalui permohonan.

Kanak-kanak di Malaysia mempunyai hak untuk didaftarkan kelahirannya, hak terhadap suatu nama dan seboleh-bolehnya hak untuk mengetahui serta dijagai oleh ibu bapanya. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan hak untuk mendapatkan kerakyatan, Kerajaan perlu berhati-hati memandangkan Malaysia merupakan negara tumpuan bagi pendatang asing tanpa izin di rantau Asia Tenggara. Sekiranya setiap kanak-kanak yang berada di negara ini berhak mendapatkan kerakyatan tanpa mengira status dan asal usul negara mereka, maka negara mungkin berhadapan dengan risiko banjir kanak-kanak dari luar negara dan anak pendatang asing tanpa izin. Kerajaan juga mungkin menghadapi masalah untuk menyelesaikan isu kerakyatan kanak-kanak warganegara asing tanpa dokumen yang sudah pun berada di negara ini seperti kanak-kanak pelarian Rohingya, anak kepada pemegang kad IMM13 dan kanak-kanak pemegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR). Sehubungan itu, reservasi ke atas Artikel 7 dikekalkan pada masa ini.

Artikel 14:

Reservasi yang dibuat ke atas Artikel 14 CRC pada tahun 1995 adalah berdasarkan kepada peruntukan bahawa Islam adalah agama Persekutuan di

ISU & ULASAN

bawah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Undang-Undang Negeri dan Undang-Undang Persekutuan (berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Perlembagaan Persekutuan seterusnya memperuntukkan bahawa di bawah Perkara 12(4), agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Selain itu, berdasarkan hukum Syarak, seseorang kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga yang mana ibu atau bapanya beragama Islam, maka kanak-kanak tersebut secara automatik menganut agama Islam. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 memperuntukkan salah satu takrif bagi "muslim" ialah seseorang yang sewaktu dilahirkan, ibu atau bapanya atau kedua-duanya adalah seorang muslim.

Artikel ini juga memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk menentukan agama mereka sendiri tertakluk kepada umur dan kematangannya. Ini jelas bertentangan dengan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, adalah wajar reservasi ke atas Artikel 14 ini dikekalkan.

Artikel 28(1)(a):

Reservasi telah dibuat ke atas Artikel 28(1)(a) pada tahun 1995 memandangkan pendidikan rendah di negara ini pada ketika itu tidak diwajibkan dan tidak diberikan secara percuma kepada semua kanak-kanak.

Berikutan itu, pada tahun 2002, Pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah mewajibkan semua kanak-kanak warganegara Malaysia menghadiri sekolah peringkat rendah. Selaras dengan usaha untuk menyediakan pendidikan percuma, pihak Kerajaan telah memansuhkan yuran persekolahan pada tahun 2008. Manakala yuran ko-kurikulum, kertas ujian dalaman dan Majlis Sukan Sekolah Malaysia pula dimansuhkan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, yuran-yuran lain seperti yuran persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), persatuan dan badan beruniform masih dikenakan. Selain itu, pihak Kerajaan turut menyediakan buku teks percuma kepada semua murid warganegara Malaysia tanpa mengira tahap pendapatan ibu bapa mereka.

Namun, hak untuk pendidikan wajib dan percuma di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan hanya terpakai kepada kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja. Ia tidak meliputi kanak-kanak pelarian, kanak-kanak pendatang asing tanpa izin serta kanak-kanak yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah. Akses

ISU & ULASAN

kepada pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan untuk kanak-kanak warganegara asing hanya dibenarkan kepada mereka yang mempunyai dokumen sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, dengan dikenakan yuran tahunan bagi pendidikan rendah.

Selain itu, memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian (*The Convention Relating to the Status of Refugees*), maka Malaysia tidak mempunyai obligasi untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak pelarian dan *asylum seekers* yang berada di negara ini. Walau bagaimanapun, kanak-kanak golongan ini tidak dinafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Beberapa tindakan telah diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak NGO bagi menyediakan kemudahan pendidikan secara tidak formal kepada kanak-kanak warganegara asing, kanak-kanak tanpa dokumen dan kanak-kanak pelarian. Ini bagi membolehkan mereka turut mendapat hak kepada pendidikan asas.

Sekiranya pihak Kerajaan ingin menarik balik reservasi Artikel 28(1)(a) CRC, Kerajaan perlu mengambil kira beberapa implikasi, antaranya kapasiti dan kemampuan Kementerian Pelajaran untuk menyediakan pendidikan wajib dan percuma kepada semua kanak-kanak. Hal ini adalah kerana ia melibatkan semua kanak-kanak termasuklah kanak-kanak jalanan, kanak-kanak pendatang asing tanpa izin dan kanak-kanak pelarian. Kemasukan semua kanak-kanak tanpa mengira status sudah pasti memerlukan penglibatan semua agensi yang berkaitan dan sekolah-sekolah Kerajaan di seluruh negara. Selain itu, pindaan juga perlu dibuat ke atas undang-undang berkaitan pendidikan khususnya peraturan-peraturan pendaftaran di bawah Akta Pendidikan, 1996 (Akta 550). Sehubungan itu, reservasi ke atas Artikel 28(1)(a) dikekalkan pada masa ini.

Artikel 37:

Malaysia telah membuat reservasi ke atas Artikel 37 CRC pada tahun 1995 disebabkan terdapat percanggahan peruntukan undang-undang di negara ini dengan artikel tersebut, seperti hukuman penjara seumur hidup dan hukuman mati ke atas pesalah kanak-kanak. Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Seksyen 121, 121B, 121C, 122, 128 dan 130 (Bab VI: Kesalahan terhadap negara) Kanun Keseksaan;
- (ii) Seksyen 4, 5, dan 7 (i) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), 1971;
- (iii) Seksyen 32(1) Akta Senjata, 1960; dan

ISU & ULASAN

- (iv) Seksyen 58, 59 dan 61 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibaca bersama dengan Essential (Security Cases) Regulations 1975.

Walau bagaimanapun, kajian lanjut dari segi implikasi ke atas keselamatan negara perlu dijalankan untuk menghapuskan peruntukan hukuman mati dan pemenjaraan seumur hidup terhadap kanak-kanak yang terdapat dalam mana-mana undang-undang sedia ada negara ini. Sehubungan itu, reservasi ke atas Artikel 37 dikekalkan pada masa ini.

KONVENSYEN MENENTANG PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN MARUAH (CAT)

Suruhanjaya mengulangi bahawa Malaysia perlu menerima pakai CAT secepat mungkin dan menyeru Kerajaan supaya memenuhi komitmennya seperti yang dinyatakan dalam Penilaian Penggalan Sejagat yang menyatakan bahawa langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil untuk menerima pakai CAT.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sebagai agensi penahanan dan pelaksanaan hukuman, Jabatan Penjara akan memastikan setiap hukuman yang diarahkan oleh mahkamah dilaksanakan dengan sempurna berasaskan ketetapan undang-undang.

UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

Berkenaan dengan ISA, cadangan untuk pemansuhan dan isu-isu yang berkaitan telah diketengahkan di dalam laporan Suruhanjaya bertajuk *The Review of the Internal Security Act 1960* (Laporan ISA 1960).

Berdasarkan keputusan Kerajaan untuk menggantikan ISA dengan undang-undang baru, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya, seperti yang ditekankan dalam Laporan ISA 1960, bahawa mana-mana undang-undang perlu mengambil pendirian tegas terhadap ancaman kepada keselamatan Negara, termasuk keganasan, tanpa menjejaskan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia.

Sehubungan itu, Suruhanjaya memandang berat tentang pengumuman Kerajaan bahawa penahanan tanpa perbicaraan akan dikekalkan dalam undang-undang baru. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk membatalkan keputusannya

ISU & ULASAN

memandangkan pelanggaran hak asasi manusia yang mungkin akan berlaku jika penahanan tanpa perbicaraan dikekalkan.

Adalah diharapkan cadangan-cadangan Suruhanjaya, berdasarkan Laporan ISA 1960, akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Akta baru yang menggantikan ISA iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (2012) tidak mempunyai peruntukan untuk tahanan tanpa bicara. Kesemua kes yang melibatkan ancaman keselamatan terhadap negara akan dikenakan pertuduhan di mahkamah serta dibicarakan dan hukuman akan dijatuhkan sekiranya sabit kesalahan. Orang yang disabitkan kesalahan di mahkamah boleh mengemukakan rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi.

KONVENSYEN ANTARABANGSA TENTANG PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI PERKAUMAN (ICERD)

Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada Kerajaan untuk menerima pakai ICERD. Adalah amat mengecewakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, merupakan antara 16 negara di dunia yang masih belum menerima pakai Konvensyen berkenaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Satu Jawatankuasa Penyelarasan Antara Kementerian dan Agensi telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri bagi mengkaji dan menimbang kemungkinan penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia termasuk ICERD. Jawatankuasa berkenaan telah menubuhkan tiga Jawatankuasa Teknikal untuk mengkaji dan menimbang kemungkinan kesertaaan Malaysia bagi empat (4) instrumen antarabangsa hak asasi manusia yang utama iaitu ICCPR, ICESCR, ICERD dan CAT, di mana setiap Jawatankuasa Teknikal diterajui oleh Kementerian/Agensi yang berkenaan. Jawatankuasa Teknikal mengenai ICERD adalah di bawah naungan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Setakat ini, proses perbincangan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan masih dilaksanakan. Kajian secara mendalam, teliti dan menyeluruh sedang dilaksanakan terutamanya dalam memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak

ISU & ULASAN

bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen yang disertai.

Dalam mengkaji isu hubungan antara kaum dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, adalah penting untuk menggariskan peranan penting Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjamin hak-hak kumpulan etnik dan ia berfungsi sebagai panduan untuk pembinaan negara dan perpaduan nasional. Walaupun Malaysia belum lagi menyertai ICERD, Kerajaan Malaysia sentiasa peka tentang isu perpaduan dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan berbau hasutan perkauman. Kerajaan Malaysia adalah komited untuk memerangi perbuatan berunsur perkauman mahu pun diskriminasi kaum.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah meminta pihak Institut Kajian Etnik (KITA), UKM membuat satu kajian mengenai ICERD dan hasil kajian tersebut telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICERD pada 5 Julai 2011. Satu Persidangan Meja Bulat telah diadakah pada 16 Julai 2012 di Equatorial Hotel, Bangi yang melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti PROHAM UKM, JPNIN, Wisma Putra, SUHAKAM, KOMAS dan lain-lain sebelum ia dikemukakan kepada Wisma Putra untuk dimuktamadkan pendirian Malaysia mengenai ICERD).

RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN 2011

Pada 29 November, Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan pada 20 Disember oleh Dewan Negara selepas dipinda oleh Kerajaan. Namun demikian, pindaan-pindaan tersebut adalah tidak sejajar dengan cadangan Suruhanjaya. Oleh yang demikian, Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula Akta tersebut dengan mengambil kira prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa.

Syor-Syor Suruhanjaya:

1. Perbezaan yang lebih jelas perlu dibuat di antara definisi 'perhimpunan' yang termasuk 'perarakan' dan 'protes jalanan'.
2. Hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata perlu diperluaskan kepada bukan warganegara kerana mereka juga mempunyai hak untuk bersuara dan hak untuk didengari.
3. Seharusnya terdapat penilaian semula mengenai larangan perhimpunan dalam jarak 50 meter dari kawasan larangan, kerana larangan tersebut

ISU & ULASAN

adalah tidak munasabah dan tidak praktikal bagi kebanyakan kawasan bandar dan pekan.

4. Peruntukan mengenai penyertaan kanak-kanak perlu dikaji semula bagi menurunkan had umur 15 yang dibenarkan kepada umur yang lebih munasabah, berdasarkan obligasi Malaysia di bawah CRC, yang mana reservasi ke atas Perkara 15 telah dikeluarkan.
5. Klausula 13 perlu dikaji semula bagi mengambil kira model kerjasama yang membolehkan polis dan pihak penganjur perhimpunan awam mencapai persetujuan berkenaan perhimpunan tersebut, bagi tujuan perjalanan perhimpunan yang lancar sejajar dengan objektif Akta.
6. Seharusnya diadakan kajian semula mengenai peruntukan berkenaan rayuan terhadap sekatan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh polis, bagi membolehkan dibawa ke mahkamah dan bukannya kepada Menteri yang berkenaan.
7. Klausula 19 yang menganggap penganjur merupakan individu yang mempromosi, menaja, menganjur atau mengawasi perhimpunan atau mereka yang menjemput atau mengambil peserta, atau mereka yang berucap bagi perhimpunan tersebut, perlu dikaji semula. Mereka ini hanya menjalankan hak-hak asas demokratik mereka dan tidak seharusnya dipertanggungjawab sepenuhnya apabila berlaku sesuatu yang dianggap menyalahi undang-undang.
8. Peruntukan Prinsip-prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang perlu dimasukkan ke dalam Bahagian V Akta yang berkenaan dengan penguatkuasaan.
9. Klausula 24 harus membenarkan sepenuhnya, dan bukan hanya yang munasabah berkaitan akses media kepada perhimpunan awam.
10. Satu peruntukan perlu dimasukkan bagi membenarkan anggota-anggota luar, seperti Suruhanjaya, Majlis Peguam dan badan-badan berkanun lain, untuk memantau perhimpunan awam.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Jika dikaji dari segi kronologinya, Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2012 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 29 November 2011 dan

ISU & ULASAN

seterusnya pada 20 Disember 2011 telah diluluskan di Dewan Negara. Pada 9 Februari 2012 Akta Perhimpunan Aman 2012 telah diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara. Ini membuktikan bahawa rang undang-undang tersebut telah melalui semua peringkat dalam menggubal dasar sebelum ia diluluskan untuk menjadi sesuatu undang-undang. Oleh yang demikian, merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam rang undang-undang tersebut, ia telah pun dibentangkan di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan telah pun dibahaskan oleh wakil-wakil rakyat serta diluluskan.



**LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN
KEBUDAYAAN**



ISU-ISU
LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Anti-Pemerdagangan Orang (ATIP)	51
2.	Aktiviti Meningkatkan Kesedaran Berhubung Anti-Pemerdagangan Orang	52
3.	Tumpuan/Penekanan Kepada Pesalah	53
4.	Hak Wanita - Bantuan Untuk Wanita Dan Ibu Tunggal	55
5.	Perlindungan Wanita Terhadap Hak Ekonomi, Sosial Dan Kebudayaan	57
6.	Keselamatan Sosial Di Kalangan Pekerja Wanita	59
7.	Hak Wanita Pelarian - Perlindungan Perundangan	60
8.	Ratifikasi Tatacara Antarabangsa	60
9.	Penangkapan, Penahanan Dan Layanan Terhadap Pelarian	62
10.	Hak Pelarian Untuk Bekerja Dan Perkhidmatan Asas Sosial	63
11.	Perlindungan Rohingya Di Negara Asal	64
12.	Hak Golongan Minoriti Seksual	64
13.	Perlindungan Daripada Keganasan	65
14.	Identiti Transgender	67
15.	CEDAW Dan Undang-Undang Keluarga	68
16.	Hak Orang Asal	73

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
17.	Tindakan Susulan Suruhanjaya	75
18.	Penan Tanpa Dokumen Pengenalan Diri	77
19.	Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia	78
20.	Hak Orang Kurang Upaya (OKU)	80
21.	Penerimaan CRPD Oleh Malaysia Adalah Satu Langkah Yang Tepat Untuk Mengukuhkan Komitmen Dan Kebertanggungjawaban Dalam Melindungi Hak-Hak Oku, Malaysia Perlu Meratifikasi Protokol Pilihan Kepada Konvensyen Tersebut	86
22.	Walaupun Terdapat Peningkatan Dalam Usaha Memastikan Kemudahan Dan Perkhidmatan Awam Yang Mesra OKU, Inisiatif-Inisiatif Tersebut Perlu Ditingkatkan. Generasi ' <i>Baby Boomer</i> ' Semakin Berusia, Dan Justeru Itu, Malaysia Akan Berhadapan Dengan Satu Kumpulan Yang Hidup Dengan Pelbagai Jenis Kecacatan Fizikal Dan Batasan. Sehubungan Dengan Itu, Bangunan Dan Pengangkutan Awam Serta Laluan Pejalan Kaki Yang Mesra OKU Perlu Dipastikan Dengan Serta-Merta.	86
23.	Latihan Untuk OKU Perlu Dipergiat Bagi Meningkatkan Keupayaan Mereka Mencari Pekerjaan	90
24.	OKU Perlu Diberi Peluang Untuk Mendapatkan Pekerjaan. Pada Masa Kini, Ramai OKU Yang Menghadapi Kesukaran Mendapat Pekerjaan Disebabkan Oleh Persepsi Masyarakat Awam Yang Terhad Atau Tidak Tepat Mengenai Kebolehan Dan Kemahiran OKU	90
25.	Terdapat Keperluan Untuk Meningkatkan Akses Kepada Perumahan Mesra OKU. Ianya Perlulah Mampu Dimiliki, Memandangkan Terdapatnya Kekurangan Akses Kepada Pekerjaan Dan Pendapatan Di Kalangan OKU. Kerajaan Boleh Memperuntukkan 25% Diskaun Kepada Pembeli Rumah OKU.	92

ISU & ULASAN

ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG (ATIP)

Melalui perbincangan dan temu bual, mangsa-mangsa telah memberitahu Suruhanjaya bahawa mereka berpuas hati dengan keadaan rumah perlindungan tersebut, serta kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pegawai-pegawai.

Walau bagaimanapun, mereka bimbang berhubung kelewatan mahkamah dalam menetapkan tarikh untuk merekodkan kenyataan mereka. Akibatnya, terdapat beberapa orang mangsa yang telah berada di rumah perlindungan tersebut selama hampir 10 bulan. Ramai di antara mangsa yang berkata bahawa keluarga mereka di Bangladesh tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan. Oleh itu, penempatan yang terlalu lama telah mengakibatkan tekanan psikologi kerana mereka tidak dapat membekalkan keperluan kepada keluarga mereka. Wakil MAPO kemudiannya memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa isu ini telah dipanjangkan ke perhatian Jabatan Peguam Negara, yang seterusnya membawa kepada penetapan tarikh mahkamah.

Mangsa-mangsa juga berkata bahawa Suruhanjaya Tinggi Bangladesh belum melawat mereka. Atas permintaan mangsa, pada bulan April Suruhanjaya melalui surat, telah memaklumkan kepada misi diplomatik yang berkenaan berhubung mangsa-mangsa dan bantuan yang diminta oleh mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan melalui Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sentiasa memantau pergerakan kes-kes yang melibatkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIP) di mahkamah dan memastikan kes akan berjalan tanpa memberi peluang untuk penangguhan oleh mana-mana pihak. Pejabat ini juga sentiasa memastikan setiap kes yang dibicarakan hendaklah diselesaikan dengan segera dan adil.

Bagi memastikan kes-kes ATIP ini didengar dan diadili dengan cepat dan adil, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengeluarkan satu Arahan Amalan Bil 7/2011 bertarikh 14 September 2011 berkenaan Pendaftaran Kes Akta Pemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 di Mahkamah Sesyen di mana satu kod khas telah diperkenalkan untuk kes-kes ATIP. Selain itu, satu surat penting bertarikh 14 September 2011 juga telah dikeluarkan kepada semua pegawai Kehakiman berkenaan perakaman keterangan perlu diselesaikan dalam tempoh 7 hari.

ISU & ULASAN

Jabatan Peguam Negara (AGC) memaklumkan kelewatan di pihak mahkamah bagi rakaman keterangan mangsa ATIP selalunya banyak bergantung kepada kelapangan peguam bela dan kehadiran jurubahasa. Walau bagaimanapun, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara sentiasa memantau kes-kes ATIP yang mana rakaman keterangan mangsa lewat dirakamkan. Setiap kali isu seperti ini dibangkitkan, pihak pendakwaan akan memaklumkan kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan pihak Mahkamah juga akan dimaklumkan untuk membantu bagi mempercepatkan kes tersebut.

Selain itu, Kerajaan sentiasa berusaha menambah baik aspek perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang. Oleh itu, Kerajaan telah membuktikan komitmen padu melalui kerjasama strategik dengan pihak *International Organisation for Migration* (IOM) dalam penganjuran *Bali Process Workshop* pada 12 dan 13 Januari 2012 di Kuala Lumpur. Menyedari hakikat pentingnya pendekatan '*victim-centered*', Kerajaan pada 12 Januari 2012 telah mengumumkan untuk membenarkan mangsa-mangsa pemerdagangan orang bagi kes eksploitasi buruh yang telah tamat PO (Perintah Perlindungan) untuk bekerja berdasarkan syarat-syarat berikut:

- (i) Persetujuan mangsa untuk bekerja;
- (ii) Kebenaran pihak Kedutaan;
- (iii) Kemasukan secara sah; dan
- (iv) Pengesahan bahawa keselamatan tidak terjamin jika dihantar pulang ke negara asal.

Susulan daripada ini, 32 orang mangsa warga Bangladesh telah dibenarkan bekerja pada 7 Mac 2012 yang lalu.

AKTIVITI MENINGKATKAN KESEDARAN BERHUBUNG ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

Walaupun Suruhanjaya bersetuju bahawa tindakan membuat laporan amat bergantung pada rasa tanggungjawab individu dan tanpa paksaan, ia berpendapat bahawa peranan ini boleh digalakkan. Memperkasakan peranan masyarakat awam dengan memberikan maklumat yang diperlukan, seperti perbezaan pemerdagangan orang untuk eksploitasi seks berbanding gejala

ISU & ULASAN

pelacuran, prosedur membuat laporan yang betul, dan perlindungan undang-undang kepada pemberi maklumat terutamanya jaminan keselamatan dan perlindungan identiti, boleh menggalakkan dan meningkatkan keyakinan di kalangan orang ramai untuk memberi bantuan bagi membendung gejala ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan mengambil maklum pentingnya kesedaran awam sebagai langkah pencegahan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang. Justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan bersama ahli-ahli MAPO dan organisasi lain yang berkaitan dalam penganjuran kempen kesedaran peringkat negeri, bengkel melatih jurulatih (*training of trainer*), seminar bersama komuniti dan dialog bersama kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, cadangan SUHAKAM adalah disambut baik oleh Kerajaan untuk dipanjangkan pelaksanaannya bersama ahli-ahli MAPO di kalangan NGO dan organisasi berkaitan iaitu *National Council for Women Organisation* (NCWO), Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM), *Coalition to Abolish Modern-Day Slavery in Asia* (CAMSA), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) dan tidak ketinggalan pihak SUHAKAM sendiri.

TUMPUAN/PENEKANAN KEPADA PESALAH

Suruhanjaya telah mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengenal pasti dan menahan pesalah-pesalah pemerdagangan orang, serta bertindak tegas terhadap penjawat awam yang didapati menjadi ejen pemerdagangan orang. Dalam jawapannya, Kerajaan memaklumkan bahawa setiap individu yang terbukti telah melakukan sebarang kesalahan pemerdagangan akan didakwa berdasarkan undang-undang yang bersesuaian, tanpa mengira status atau kedudukan.

Maklum balas yang diberikan pihak Kerajaan tersebut telah menimbulkan isu berkaitan keadilan dan justifikasi tuduhan yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah yang berlainan. Hukuman yang dijatuhkan ke atas beberapa pesalah-pesalah pemerdagangan orang nampaknya berbeza-beza. Sebagai contoh, pada bulan Disember 2008, Malaysia menyabitkan pesalah pemerdagangan orang yang pertama yang telah memaksa seorang pembantu rumah wanita ke kancah pelacuran. Pesalah tersebut telah dijatuhi hukuman penjara lapan tahun. Hukuman yang sama telah dikenakan oleh Mahkamah Sesyen Pulau Pinang ke atas kontraktor pada bulan Ogos 2011, apabila didapati bersalah terlibat dalam aktiviti pemerdagangan seorang warga Indonesia dua tahun sebelumnya.

ISU & ULASAN

Ini berbeza dengan kes pada Oktober 2010, apabila lapan orang pegawai imigresen ditahan atas kesalahan pemerdagangan orang. Walaupun Akta ATIP sudah berkuat kuasa, pegawai-pegawai imigresen tersebut telah disiasat dan dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Mereka dibebaskan pada Ogos 2011, kurang daripada satu tahun selepas ditahan. Satu lagi kes melibatkan pengusiran 11 warga Cina etnik Uighur kembali ke Negara China selepas didakwa terlibat dalam pemerdagangan orang.

Oleh itu, Suruhanjaya menjemput Kerajaan untuk menerangkan rasional bagi perbezaan dalam penalti yang dikenakan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Setiap kes yang didakwa di mahkamah akan didengar oleh hakim-hakim dan Majistret secara adil dan saksama. Fakta dan pertuduhan sesuatu kes yang dibawa ke mahkamah adalah berbeza bergantung pada pihak Pendakwaraya. Keputusan untuk mendakwa sesuatu kes serta jenis pertuduhan yang akan dikenakan adalah di bawah kuasa Peguam Negara seperti mana yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Pihak mahkamah pula, apabila selesai mendengar sesuatu kes mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan sesuatu hukuman. Keberatan atau peringanan sesuatu hukuman tersebut bergantung pada fakta kes serta apa-apa rayuan atau hukuman yang lebih berat jika ada yang dikemukakan oleh pihak tertuduh atau pihak pendakwaraya.

Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas dalam menangani isu pemerdagangan orang yang melibatkan penjawat awam yang didapati menjadi ejen pemerdagangan orang. Pada tahun 2009, seorang penjawat awam iaitu dari Jabatan Imigresen telah dituduh atas kesalahan pemerdagangan orang bersama dengan tiga orang awam. Selain daripada kes yang tersebut, tidak ada lagi siasatan kes yang melibatkan pegawai awam yang dituduh dalam kes pemerdagangan orang. Namun begitu, pihak penguat kuasa terutamanya dari Polis Di Raja Malaysia (PDRM) masih meneruskan usaha untuk mengesan mereka yang berkenaan dan seterusnya menjalankan siasatan terhadap penjawat awam yang terlibat dalam kes pemerdagangan orang. Walau bagaimanapun, keberkesanan PDRM melaksanakan tindakan sedemikian banyak bergantung kepada hasil maklumat dan kerjasama dari orang awam termasuk pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Dalam konteks hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah di dalam kes-kes

ISU & ULASAN

pemerdagangan orang, bentuk hukuman yang diberikan adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti latar belakang tertuduh, keseriusan kes, sama ada kes melibatkan unsur-unsur seperti kecederaan teruk terhadap mangsa pemerdagangan orang, faktor mitigasi serta lain-lain faktor yang boleh diambil kira oleh Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman mengikut prinsip keadilan. Namun demikian, jika didapati hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah adalah terlalu ringan, Pendakwa Raya akan memfailkan rayuan di atas keputusan sedemikian.

Bagi pesalah-pesalah pemerdagangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 iaitu seperti contoh penahanan lapan orang pegawai Imigresen tersebut, ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa PDRM dan Kementerian Dalam Negeri. Tindakan itu dibuat semata-mata atas alasan bahawa aktiviti mereka adalah merupakan satu ancaman kepada keselamatan Negara. Penahanan mereka dibuat melalui perintah YB Menteri Dalam Negeri dan ia merupakan perintah penahanan tanpa bicara. Berbeza dengan pertuduhan dan sabitan oleh Mahkamah di mana suatu perbicaraan penuh akan dilangsungkan terhadap pesalah-pesalah tersebut dan jika pesalah-pesalah itu disabitkan, mereka akan dihukum dengan sewajarnya mengikut prinsip peradilan. Mereka juga mempunyai hak untuk mendapat jamin (*bail*) sementara perbicaraan berlangsung. Sehubungan dengan itu, Jabatan Peguam Negara hanya akan bertindak jika siasatan kes dibuka dan seterusnya dibawa ke pengetahuan Jabatan Peguam Negara untuk tindakan pertuduhan di Mahkamah.

Berhubung dengan kes pengusiran 11 orang warga China etnik Uighur kembali ke Negara China selepas didakwa terlibat dalam pemerdagangan orang, maklumat yang diperolehi daripada PDRM menunjukkan bahawa mereka sebenarnya tidak terlibat dalam kes sedemikian tetapi terlibat dengan aktiviti yang ada hubung kait dengan kes-kes keganasan di Negara China.

HAK WANITA - BANTUAN UNTUK WANITA DAN IBU TUNGGAL

Pada 31 Oktober, Suruhanjaya dan Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor menganjurkan RTD mengenai 'Kesaksamaan Gender: Isu-Isu Hak Wanita yang Belum Ditangani'. Peserta telah mengesyorkan agar Malaysia memantau pelaksanaan Konvensyen Buruh Antarabangsa (ILO) yang telah diterima pakai. Malaysia juga perlu menangani isu peruntukan-peruntukan ILO yang masih belum dilaksanakan. Perundangan dan dasar boleh digubal untuk melindungi hak-hak pekerja wanita. Kerajaan harus mengkaji semula Kategori Klasifikasi Pekerjaan untuk menggambarkan keadaan sebenar perubahan spektrum

ISU & ULASAN

kemahiran pekerja secara umumnya dan wanita khususnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sentiasa menitik beratkan isu kesamarataan tanpa mengira jantina, agama dan kaum dan perkara ini telah diterjemahkan secara jelas di dalam setiap peruntukan undang-undang berkaitan perburuhan.

Di bawah Akta Kerja 1955, terdapat peruntukan-peruntukan yang melindungi hak-hak pekerja wanita. Untuk makluman, Akta Kerja 1955 telah diperluaskan perlindungannya kepada pekerja yang bergaji RM2,000.00. Namun kadar ini adalah tidak terpakai bagi kes-kes yang melibatkan gangguan seksual. Untuk melindungi hak-hak pekerja wanita, Akta Kerja melalui Bab VIII memperuntukkan mengenai pekerjaan wanita (*employment of women*). Seksyen 34 melarang wanita yang bekerja di dalam sektor perindustrian atau pertanian bekerja pada waktu 10.00 malam sehingga 5.00 pagi. Mereka juga tidak boleh memulakan kerja pada hari berkenaan tanpa mempunyai rehat yang secukupnya selama tempoh 11 jam berturut-turut.

Walau bagaimanapun, terdapat fleksibiliti yang diberikan. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh memberi kebenaran daripada pemakaian peruntukan di bawah seksyen 34 kepada mana-mana orang yang memohon tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan suai manfaat kepada pekerja wanita tersebut. Seksyen 35 melarang wanita untuk diambil bekerja dalam mana-mana kerja bawah tanah (*underground work*). Seksyen 44A pula memberi *maternity protection* kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gaji mereka. Akta Kerja 1955 juga dipinda dengan memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual di tempat kerja. Walaupun peruntukan ini terpakai kepada pekerja lelaki dan wanita tetapi dengan mengambil kira hak-hak wanita yang sebilangan besarnya terdedah kepada gangguan seksual di tempat kerja, maka, pihak Kementerian telah mencadangkan pindaan tersebut.

Sehingga kini, Malaysia telah meratifikasi *C100 Equal Remuneration, 1951* dan *C45 Underground Work (Women) Convention, 1935* yang menyentuh hak pekerja wanita. Sehubungan ini, Malaysia diminta untuk melaporkan pelaksanaan Konvensyen ini kepada *Committee on the Application of Standards, ILO* setiap tiga tahun sekali.

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (2008) adalah merujuk kepada standard pekerjaan yang disediakan oleh ILO untuk diguna pakai di peringkat global. Pengelasan adalah berdasarkan jenis pekerjaan dan tidak tertakluk kepada perbezaan gender.

ISU & ULASAN

ISU: PERLINDUNGAN WANITA TERHADAP HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Terdapat keperluan untuk memastikan pemberian gaji yang adil dan saksama di sektor awam dan swasta. Gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,500 perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kos hidup semasa. Ini boleh dilaksanakan melalui kajian semula atau penggubalan undang-undang dan dasar-dasar yang bersesuaian.

Kerajaan disyorkan agar menjalankan kajian terperinci yang bertujuan untuk pembentukan kapasiti institusi yang peka kepada gender, dasar dan proses membuat keputusan. Strategi pekerjaan jangka panjang negara khusus untuk wanita perlu dirumuskan dan dilaksanakan bagi memudahkan penglibatan dan mobiliti peningkatan di kalangan wanita, serta latihan dan akses kepada kemahiran dan teknologi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Di bawah Akta Kerja 1955, terdapat peruntukan-peruntukan yang melindungi hak-hak pekerja wanita. Sebagai contoh, Bab VIII memperuntukkan mengenai pekerjaan wanita (*employment of women*). Seksyen 34 melarang wanita yang bekerja di dalam sektor perindustrian atau pertanian bekerja pada waktu 10.00 malam sehingga 5.00 pagi. Mereka juga tidak boleh memulakan kerja pada hari berkenaannya tanpa mempunyai rehat yang secukupnya selama tempoh 11 jam berturut-turut.

Walaupun bagaimanapun, terdapat fleksibiliti yang diberikan. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh memberi kebenaran daripada pemakaian peruntukan di bawah seksyen 34 kepada mana-mana orang yang memohon tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan suaimanfaat kepada pekerja wanita tersebut.

Seksyen 35 melarang wanita untuk diambil bekerja dalam mana-mana kerja bawah tanah (*underground work*). Seksyen 44A pula memberi *maternity protection* kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gaji mereka. Akta Kerja 1955 juga dipinda dengan memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual di tempat kerja. Walaupun peruntukan ini terpakai kepada pekerja lelaki dan wanita tetapi dengan mengambil kira hak-hak wanita yang sebilangan besarnya terdedah kepada gangguan seksual di tempat kerja, maka, pihak Kementerian telah mencadangkan pindaan tersebut. Melalui pindaan ke atas Akta Kerja 1955, pemakaian Akta ini kepada pekerja yang mendapat RM1,500

ISU & ULASAN

telah dinaikkan kepada RM2,000.

Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 juga telah digubal bagi menggantikan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk memperluaskan lagi skop dan fungsinya. Di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011, Majlis Perundingan Gaji Negara ditubuhkan yang mana salah satu fungsinya adalah untuk mengkaji pemberian gaji yang bersesuaian kepada pekerja-pekerja dengan mengambil kira kos sara hidup mereka.

Kerajaan telah mengumumkan penetapan gaji minimum bagi sektor swasta pada 30 April 2012 dengan kadar gaji minimum di Semenanjung Malaysia sebanyak RM900 sebulan dan kadar gaji minimum di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM800 sebulan.

Seperti mana yang diperuntukan dalam Seksyen 2 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, gaji minimum adalah bermaksud gaji pokok. Penetapan gaji minimum bagi sektor swasta dibuat secara saksama iaitu meliputi semua pekerja tanpa mengira gender. Kadar gaji minimum ditentukan melalui 5 kriteria iaitu:

- (i) pendapatan garis kemiskinan;
- (ii) gaji median;
- (iii) kadar produktiviti buruh (*labour productivity*);
- (iv) perubahan kadar indeks harga pengguna (*changes in Consumer Price Index*); dan
- (v) kadar pengangguran.

Gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,500 adalah terlalu tinggi dan boleh membebankan majikan. Kadar gaji minimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dibuat berdasarkan persetujuan antara majikan dan pekerja iaitu mengambil kira kemampuan majikan secara umum dan keperluan asas pekerja. Kajian Bank Dunia mendapati bahawa penetapan gaji minimum pada RM1,200 sebulan akan meningkatkan kadar pengangguran kepada 2.7% manakala kadar pelaburan akan berkurangan sebanyak 1.3%.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 Kerajaan komited untuk memperkasa dan merealisasi potensi wanita bagi meningkatkan sumbangan wanita dalam ekonomi. Dasar Wanita Negara juga telah diwujudkan pada tahun 2009 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu

ISU & ULASAN

kesinambungan dasar yang digubal pada tahun 1989 dengan mengambil kira isu, peluang, cabaran dan persekitaran masa kini dan akan datang. Dasar ini dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil merangkumi 13 sektor iaitu ekonomi; kemiskinan; undang-undang; keganasan terhadap wanita; kesihatan; pendidikan dan latihan; sains dan teknologi; dan wanita dalam pembuat keputusan.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia adalah:

- (i) menggubal Peraturan Kerja Separa Masa (*Part Time Regulation*) sebagai pindaan kepada Akta Kerja 1955 bertujuan untuk menarik lebih ramai golongan *latent workforce* seperti ibu tunggal, suri rumah dan lain-lain untuk menceburi pasaran pekerjaan. Peraturan ini menjamin hak-hak pekerja yang bekerja separa masa dan diberi perlindungan-perindungan tertentu;
- (ii) meneruskan program bekerja dari rumah atau kawasan rumah iaitu *Homeworking* dan *Teleworking* bagi membantu kaum wanita mendapatkan pekerjaan; dan
- (iii) menggalakkan pengwujudan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) di tempat kerja bagi memudahkan wanita bekerja dengan tekun dan selesa kerana mengetahui anak-anak mereka terjaga dan memudahkan para ibu menjenguk atau menyusukan anak-anak mereka pada waktu rehat.

KESELAMATAN SOSIAL DI KALANGAN PEKERJA WANITA

Penubuhan skim pekerjaan khas yang menangani lebihan dan kemasukan semula tenaga kerja ke pasaran buruh amat diperlukan terutamanya untuk situasi di mana terjadinya ketidakstabilan ekonomi. Selain itu, laporan berhubung jaringan keselamatan sosial yang telus dan bertanggungjawab harus dipastikan kepada pekerja, terutama bagi pekerja wanita, dalam tempoh kemelesetan ekonomi, pemberhentian dan tempoh kesukaran lain dalam pekerjaan.

Cuti bersalin 90 hari dan cuti isteri bersalin empat minggu untuk suami boleh dilaksanakan dan dijamin, manakala bayaran tunai sepatutnya diperuntukkan bagi penjagaan di rumah. Selain itu, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak harus diperluaskan kepada semua.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hanya menyediakan Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat untuk semua pekerja yang layak. Tiada skim Perlindungan Keselamatan Sosial khusus untuk pekerja yang kehilangan pekerjaan kerana kemelesetan ekonomi.

HAK WANITA PELARIAN - PERLINDUNGAN PERUNDANGAN

Kerajaan haruslah memberi pengiktirafan undang-undang ke atas status 'pelarian' dengan meminda undang-undang yang berkaitan. Walau bagaimanapun, ini tidaklah termasuk pemberian kewarganegaraan. Selain itu, Akta Imigresen 1956/63 perlu dikaji semula bagi memastikan pesalah-pesalah yang didakwa mempunyai akses kepada keadilan, termasuk hak untuk memohon semakan kehakiman dan rayuan, serta akses kepada bantuan guaman dan penterjemah.

Mereka yang didapati menjadi mangsa pemerdagangan orang perlu dilindungi sepenuhnya, manakala pesalah harus disiasat dan didakwa di bawah undang-undang pemerdagangan orang berkaitan. Peserta juga mencadangkan agar Suruhanjaya diberi kuasa, melalui pindaan Akta, untuk memastikan syor-syornya dilaksanakan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan Malaysia mengambil maklum cadangan yang dikemukakan.

RATIFIKASI TATACARA ANTARABANGSA

Pihak kerajaan harus mengambil kira serta melaksanakan ulasan (*Concluding Comments*) kepada CEDAW, serta meratifikasi dan melaksana Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, Konvensyen Mengenai Status Warga Tanpa Negara 1954, dan Konvensyen Mengurangkan Warga Tanpa Negara 1961.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah

ISU & ULASAN

mengambil beberapa inisiatif untuk melaksanakan *concluding comments* kepada CEDAW. Antaranya:

(i) **Penarikan balik reservasi**

- Reservasi ke atas Artikel 5(9a), 7(b) dan 16(2) telah ditarik balik pada bulan Julai 2010.

(ii) **Latihan kehakiman**

- Kursus yang berterusan telah diadakan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).
- Kurikulum khas mengenai undang-undang tempatan dan hak-hak wanita untuk mendapatkan akses perundangan.
- Seminar berkaitan hak-hak wanita seperti Seminar Undang-undang Antarabangsa yang meneliti isu dan cabaran dalam pewujudan, penggubalan, rundingan dan pematuhan terhadap Instrumen Antarabangsa dan Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Peguam Negara mengenai Instrumen Hak Asasi Manusia.

(iii) **Wanita dalam pekerjaan**

- Latihan keusahawanan kepada wanita di bawah *National Key Results Area* (NKRA).
- Pemberian insentif bagi menggalakkan majikan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja.
- Elemen menangani isu gangguan seksual di tempat kerja diambil kira dalam Pindaan Akta Kerja 1955.
- Pemberian kemudahan cuti bersalin dari 60 hari kepada 90 hari secara fleksibel dalam sektor awam.

(iv) **Wanita di peringkat pembuat keputusan**

- Penggubalan Dasar Sekurang-kurangnya 30% Penyertaan Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Awam pada tahun 2004.
- Kelulusan Dasar Sekurang-kurangnya 30% Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada bulan Jun 2011.
- Penubuhan Jawatankuasa Khas bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.
- Pelaksanaan Program Kepimpinan Wanita bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan wanita.

(v) **Pemerdagangan orang**

- Malaysia telah meratifikasi *Protocol to Prevent Suppress and Punish Trafficking in Persons* pada tahun 2009.

ISU & ULASAN

PENANGKAPAN, PENAHANAN DAN LAYANAN TERHADAP PELARIAN

Ketiadaan pengiktirafan status 'pelarian' oleh Malaysia telah membawa kepada penangkapan dan penahanan pelarian. Terdapat banyak dakwaan pelanggaran hak-hak pelarian dalam proses penahanan tersebut. Untuk menangani isu ini, Kerajaan perlu menjalankan siasatan rasmi berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan dari Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia.

Pelarian yang tidak boleh dihantar pulang secara rasmi atau diberi penempatan, tidak sepatutnya ditahan.

Kuasa anggota RELA untuk mencari dan menangkap, termasuk tangkapan tanpa waran, perlulah terhad, manakala siasatan hendaklah dijalankan ke atas dakwaan penyalahgunaan kuasa dan pencabulan hak asasi manusia oleh kakitangan pasukan ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Penangkapan, penahanan dan layanan terhadap "pelarian" atau seorang PATI Yang Memegang Kad UNHCR, telah ditangani secara khusus di dalam Arahan MKN No. 23 di mana ia jelas menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh agensi penguatkuasa. Seperti mana yang termaktub di Bahagian IV Arahan berkenaan di bawah tajuk 'Penyelarasan Penguatkuasa Oleh Agensi Penguatkuasa Berkaitan PATI Yang Memegang Kad UNHCR' menetapkan bahawa:

"mana-mana agensi penguatkuasaan hendaklah menganggap semua warganegara asing yang masuk ke negara ini tanpa sebarang dokumen yang sah atau bertentangan dengan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Akta Paspot 1966 (Akta 150) adalah PATI."

Namun begitu, Arahan MKN No. 23 ini juga memberi kelonggaran berikut:

"agensi penguatkuasa boleh atas sebab kemanusiaan membenarkan PATI Yang Memegang Kad UNHCR tinggal sementara di negara ini."

Selain itu, di bawah Bab 4, berkaitan perenggan 9 (i)(e) juga jelas ditetapkan bahawa:

"PATI Yang Memegang Kad UNHCR yang disahkan kesahihannya hendaklah diberi pertimbangan menggunakan asas 'satu kes ke satu kes' untuk diberi pengecualian daripada penguatkuasaan"

ISU & ULASAN

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah memberhenti sepenuhnya "Operasi Tegas", iaitu operasi RELA secara bersendirian menangani Pendatang Tanpa Izin (PATI) pada tahun 2010. Sejak dari itu, anggota RELA hanya dibenarkan membantu operasi yang dilaksanakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) apabila ada permintaan. Walau bagaimanapun, anggota RELA hanya bertindak sebagai kumpulan keselamatan dan kepongkasan sahaja yang tiada sentuhan dengan PATI atau Pelarian kecuali bertindak apabila terancam. Akta baru RELA telah menggugurkan semua kuasa yang berkaitan dengan penguatkuasaan PATI.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Malaysia prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh "pelarian". Namun begitu, ia harus bertindak secara berhati-hati dalam memberi kemudahan atau bantuan kepada golongan ini agar ia tidak menjadi satu daya tarikan (*pull factor*) pertambahan bilangan mereka di Malaysia. Perlu diingatkan juga bahawa di samping 100,000 "pelarian" yang berdaftar dengan pejabat UNHCR di Kuala Lumpur, wujud hampir 1 juta PATI dan 2 juta pekerja asing. Keadaan ini meletakkan lebih 3 juta warga asing berada di dalam negara ini yang sudah pasti menimbulkan pelbagai masalah dan kehendak yang mungkin membebankan Kerajaan.

HAK PELARIAN UNTUK BEKERJA DAN PERKHIDMATAN ASAS SOSIAL

Kerajaan atas budi bicaranya, boleh melaksanakan skim kerja yang melibatkan pengeluaran Skim Kad Pelarian (atau permit IMM13), sebagai mana yang diperuntukkan oleh Seksyen 55 Akta Imigresen, sebagai langkah sementara untuk meringankan beban yang dihadapi oleh pelarian. Peserta RTD secara sebulat suara mengesyorkan agar Kerajaan memberi orang pelarian akses kepada pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam tempoh menunggu pengesahan status dan penempatan semula oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR). Lebih penting, akses kepada perkhidmatan ini harus dipastikan bagi kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak bawah umur tanpa ditemani.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pemberian kemudahan imigresen kepada Pendatang Asing Tanpa Izin yang memegang kad UNHCR perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya dengan mengambil kira implikasi dari pelbagai aspek terutamanya keselamatan negara dan kepentingan nasional bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan kemudahan yang bakal diberikan. Kementerian Dalam Negeri mengambil

ISU & ULASAN
maklum akan cadangan membenarkan PATI Yang Memegang Kad UNHCR untuk bekerja.
PERLINDUNGAN ROHINGYA DI NEGARA ASAL Penindasan etnik Rohingya di Myanmar terjadi kerana Kerajaan Myanmar tidak mengiktiraf kumpulan etnik ini. Malaysia, bersama Negara Anggota ASEAN yang lain, boleh membantu dalam menghentikan kekejaman tersebut dengan mengenal pasti langkah penyelesaian yang komprehensif dan mampan menerusi dialog dengan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia dan Suruhanjaya Mempromosi dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-kanak. MAKLUM BALAS KERAJAAN: Masalah berkaitan pelarian Rohingya di Myanmar merupakan masalah dalaman Kerajaan Myanmar yang kompleks serta sensitif dan perlu diselesaikan oleh pemimpin dan rakyat negara tersebut sendiri, tanpa campur tangan pihak lain yang mampu mengeruhkan keadaan. Pendirian Malaysia untuk tidak campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara merupakan satu pendirian teguh yang tidak berbelah bagi. Dalam masa yang sama, Malaysia juga mengamalkan polisi luar negara yang berlandaskan aspek-aspek kemanusiaan, dan telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan yang diperlukan kepada rakyat Myanmar yang menderita akibat konflik perkauman di Rakhine. Dialog di peringkat kedua-dua Menteri Luar juga diteruskan bagi memastikan Myanmar akan dapat mencari jalan penyelesaian kepada ketegangan ini dan membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan. Perwakilan Malaysia di Yangon sentiasa peka kepada perkara ini dan memantau perkembangan di Rakhine, Myanmar.
HAK GOLONGAN MINORITI SEKSUAL Orang ramai hendaklah diberi kesedaran tentang hak-hak setiap manusia yang sama rata; peruntukan perlembagaan mengenai perlindungan hak asasi manusia; dan nilai-nilai teras Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Prinsip Yogyakarta. Hasil penyelidikan Projek Kasturi harus disebarikan

ISU & ULASAN

untuk mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh golongan minoriti seksual seperti lesbian, wanita biseksual dan transgender. Mesej khidmat masyarakat diperlukan untuk mempromosi hak asasi kumpulan ini. Tanpa sebarang prejudis, pendidikan yang adil dan saksama ke atas kesihatan seksual perlu diadakan di sekolah-sekolah, manakala pelajar sekolah yang hamil tidak harus didiskriminasikan dan diaibkan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyambut baik sebarang usaha yang diambil dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai hak-hak kesamarataan setiap manusia. Walau bagaimanapun, hak-hak kesamarataan yang diperjuangkan dalam konteks pendidikan di negara Malaysia seharusnya selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan nilai kesejagatan beragama masyarakat Malaysia.

Pendidikan seksual telah diterapkan di dalam mata pelajaran di sekolah melalui mata pelajaran Sains dan Pendidikan Kesihatan. Manakala, murid yang hamil tidak pernah didiskriminasikan oleh KPM. Sehingga kini tiada peraturan yang berkuat kuasa menghalang murid hamil untuk mendapat pendidikan

PERLINDUNGAN DARIPADA KEGANASAN

Dalam membincangkan kes-kes keganasan terhadap golongan minoriti seksual, RTD telah mengesyorkan pelaksanaan penuh ulasan Jawatankuasa CEDAW pada sesi ke-35 berkenaan keganasan terhadap wanita. Terdapat keperluan untuk mewujudkan undang-undang, serta perlindungan dan pembelaan sekiranya berlaku keganasan terhadap golongan minoriti seksual, dan ini dirumuskan dengan perundingan penuh golongan tersebut. Undang-undang juga seharusnya dikuatkuasakan untuk melindungi golongan minoriti seksual daripada elemen keganasan, manakala Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 boleh diperluas bagi merangkumi perlindungan golongan minoriti seksual.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan mengambil maklum mengenai syor *Round Table Discussions* (RTD) yang telah diadakan oleh pihak SUHAKAM untuk melaksanakan secara penuh ulasan Jawatankuasa CEDAW pada sesi ke-35. Dalam hal ini, perenggan 6 *Concluding Comments of the Committee on the Elimination against Women* (CEDAW/C/MYS/CO/2) semasa sesi ke-35 Mesyuarat Jawatankuasa CEDAW yang hanya menyatakan bahawa usaha-usaha Kerajaan dalam membanteras

ISU & ULASAN

keganasan terhadap wanita dipandang tinggi dan kenyataan tersebut tidak ada membuat rujukan kepada kes-kes keganasan terhadap golongan minoriti seksual.

Oleh yang demikian, langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memenuhi tanggungjawab Malaysia di bawah Konvensyen CEDAW berkenaan dengan kes-kes keganasan terhadap golongan wanita, antara lainnya, adalah inisiatif untuk meminda:

- (i) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] untuk memperluaskan definisi keganasan rumah tangga untuk merangkumi penderaan psikologi dan perbuatan menyebabkan delusi kepada mangsa. Selain itu, pindaan Akta juga dibuat untuk meningkatkan langkah-langkah untuk melindungi mangsa dengan meluaskan kawasan larangan atau sekatan kepada orang yang terhadapnya perintah dibuat supaya meliputi tempat selamat, dan tempat berlindung mangsa serta menghalang mangsa daripada dihampiri pada jarak sekurang-kurangnya lima puluh meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; dan
- (ii) Akta Pekerjaan 1955 [Akta 265], Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] dengan menambah peruntukan yang melarang gangguan seksual di tempat kerja.

Dari segi perlindungan terhadap keganasan, wanita (dan lelaki) mempunyai perlindungan di bawah dua (2) instrumen undang-undang utama iaitu-

- (i) Perundangan am mengenai jenayah ganas seperti rogol di bawah Kanun Keseksaan; dan
- (ii) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521].

Berhubung peluasan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] untuk merangkumi perlindungan kepada golongan minoriti seksual, Jabatan ini menarik perhatian pihak SUHAKAM kepada seksyen 2(a) Akta 521 yang memperuntukkan bahawa Akta 521 hanyalah terpakai kepada:

- (i) isteri atau suaminya, isteri atau suami *de facto* (iaitu seseorang yang telah melalui bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai istiadat perkahwinan mengikut agama atau adat pihak-pihak yang berkenaan walaupun perkahwinan itu tidak didaftarkan atau tidak dapat didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan upacara dan pendaftaran

ISU & ULASAN
perkahwinan) atau bekas isteri atau suami; (ii) kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga); (iii) orang dewasa yang tidak berkemampuan (yang tinggal sebagai anggota keluarga); dan (iv) mana-mana anggota lain - seperti anak lelaki atau anak perempuan dewasa, ibu atau bapa, abang, kakak atau adik. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa perlindungan untuk golongan minoriti seksual tidak termasuk di bawah definisi Akta 521 ini. Namun demikian, keganasan yang mengakibatkan kesakitan, cedera atau cedera parah terhadap mana-mana individu adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 319-322 Kanun Keseksaan [Akta 574]. Oleh itu, walaupun perlindungan secara khusus tidak terdapat di bawah Akta 521, Akta 574 memberikan perlindungan kepada mana-mana individu termasuklah golongan seksual minoriti terhadap keganasan yang mengakibatkan kesakitan, cedera atau cedera parah. Skop perlindungan yang terdapat di bawah Akta 521 tidak meliputi golongan minoriti seksual. Walau bagaimanapun, Seksyen 3 Akta 521 menyatakan bahawa Akta ini hendaklah dibaca bersama Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan seperti menyebabkan cedera dan cedera parah kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira orientasi seksual.
IDENTITI TRANSGENDER Terdapat keperluan untuk mengiktiraf golongan transgender dengan memastikan persekitaran yang kondusif. Penyelidikan boleh dijalankan untuk mengenal pasti keperluan kumpulan ini termasuk pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Mereka harus diberi akses kepada latihan pembangunan kemahiran yang boleh memperluaskan peluang pekerjaan. Kemudahan awam juga mesti mengambil kira keperluan transgender. Berdasarkan CEDAW, undang-undang yang berkaitan perlu dikaji semula untuk mencegah diskriminasi terhadap seseorang berdasarkan identiti jantina dan orientasi seksual. Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan boleh diperluaskan untuk mencegah diskriminasi atas dasar identiti jantina dan orientasi seksual. Kerajaan juga perlu menarik balik reservasi-reservasi yang diletakkan ke atas Artikel 5(a) dan 7(b) CEDAW.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mewujudkan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di Kuala Lumpur mulai tahun 2007 bagi memberi bantuan khidmat sokongan sosial dan kebajikan kepada golongan terpinggir atau LGBT dengan menarik mereka kembali ke arus perdana pembangunan masyarakat. PBKS menyediakan ruang selamat dan persekitaran sosial yang mengutamakan nilai-nilai murni dan aktiviti yang mendatangkan faedah kepada golongan LGBT ini. Program yang dilaksanakan di pusat ini menekankan konsep pemulihan, peningkatan jati diri dan pembangunan kapasiti melalui pendekatan secara *drop in*, *outreach* dan kaunseling. Pelaksanaan PBKS adalah secara pakatan bestari antara Kementerian dan NGO berdasarkan kepada pengalaman dan penglibatan NGO di peringkat akar umbi. Kerajaan Malaysia telah menarik reservasi ke atas Artikel 5 (a) dan Artikel 7 (b) pada tahun 2010.

CEDAW DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA

Kajian semula yang menyeluruh terhadap undang-undang keluarga adalah perlu untuk memansuhkan segala peruntukan yang boleh mendiskriminasikan wanita. Mahkamah Keluarga harus ditubuhkan di semua negeri. Hanya hakim-hakim yang terlatih dan peka terhadap isu-isu gender mengendalikan kes-kes keluarga. Terdapat juga keperluan untuk menggunakan pendekatan inkuisitorial berbanding adversarial dalam sistem perundangan yang melibatkan hal-hal keluarga.

Wanita perlu disediakan akses kepada perkhidmatan bantuan guaman yang berkesan dan cekap untuk memastikan keadilan. Sebagai alternatif, keluarga boleh digalakkan untuk menyelesaikan masalah mereka melalui mediasi dengan memastikan ketersediaan dan akses kepada perkhidmatan ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sentiasa memastikan undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengutamakan perspektif keluarga yang menjamin perlindungan, keselamatan dan kesaksamaan gender dalam keluarga. Susulan daripada itu, satu bengkel Dasar Keluarga Negara Cabaran Dari Perspektif Undang-undang telah diadakan pada 29 Februari 2012 bagi mengetahui jurang yang wujud dalam undang-undang dan peraturan yang sedia ada dan Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang dan peraturan supaya lebih mesra keluarga. Untuk

ISU & ULASAN

tujuan ini dan sebagai langkah awalan, satu Jawatankuasa Kerja Teknikal telah ditubuhkan dengan kerjasama Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Langkah menubuhkan Mahkamah Keluarga perlu dirancang secara teliti dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keberkesanan kos, kesesuaian lokasi serta keperluan mendesak berdasarkan bilangan kes tertunggak. Sebagai langkah sementara, usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi mewujudkan persekitaran Mahkamah yang lebih mesra keluarga. Antara lain, pengubahsuaian ke atas bilik bicara dengan menyediakan bilik yang kondusif dan selamat bagi kanak-kanak semasa perbicaraan dijalankan.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan badan pendamai untuk mendengar sesuatu kesulitan hal ehwal berkahwin yang dirujuk oleh satu pihak pasangan/pasangan dan menyelesaikannya dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh rujukan. Jika badan pendamai itu tidak dapat menyelesaikan kesulitan hal ehwal berkahwin itu dengan memuaskan hati pihak-pihak itu dan tidak dapat meminta mereka supaya kembali hidup bersama sebagai suami isteri, ia hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal demikian.

Pada masa kini, JPN dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan badan pendamai untuk mendengar sesuatu kesulitan hal ehwal berkahwin. Selepas suatu perakuan tentang hal kesulitan hal ehwal berkahwin yang tidak dapat didamaikan dikeluarkan, tidak ada kaunseling susulan oleh badan pendamai berkenaan dibuat semasa kes perceraian dijalankan dan selepas perceraian diputuskan. JPN mencadangkan bahawa badan pendamai dikendalikan oleh Mahkamah Keluarga seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 106, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 atau mana-mana jabatan yang lebih arif mengenai kaunseling kesulitan hal ehwal berkahwin/keluarga supaya kaunseling masih boleh disambung oleh badan pendamai yang sama sehingga kes mahkamah diselesaikan. Kaunseling berterusan masih boleh dibuat oleh badan pendamai berkenaan sehingga kesulitan yang dihadapi oleh wanita serta anak-anaknya dapat diatasi dengan adil.

Majlis Sulh telah dilaksanakan di Mahkamah Syariah sejak tahun 2002 bermula di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Sehingga kini, seramai 91 orang Pegawai Sulh yang menjalankan tugas-tugas Sulh di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Seluruh Malaysia (43 lelaki dan 48 perempuan).

ISU & ULASAN

Tuntutan/permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh adalah seperti berikut:

- (i) Tuntutan Gantirugi Pertunangan
- (ii) Tuntutan Muta'ah
- (iii) Tuntutan Harta Sepencarian
- (iv) Tuntutan Nafkah Isteri
- (v) Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tidak Upaya
- (vi) Tuntutan Cagaran Nafkah
- (vii) Tuntutan Nafkah Eddah
- (viii) Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
- (ix) Tuntutan Tunggakan Nafkah
- (x) Tuntutan Nafkah Anak
- (xi) Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
- (xii) Tuntutan Mengubah Penjanjian Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
- (xiii) Tuntutan Hadhanah
- (xiv) Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
- (xv) Tuntutan Hak Tempat Tinggal
- (xvi) Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
- (xvii) Tuntutan Isteri Kembali Taat
- (xviii) Tuntutan Mas Kahwin

Pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah-Mahkamah Syariah terbukti telah banyak menyelesaikan kes-kes secara harmoni dan cepat tanpa melalui proses perbicaraan di Mahkamah. Pada tahun 2009, sebanyak 3329 kes telah berjaya diselesaikan melalui proses Sulh. Sementara pada tahun 2010 sebanyak 3925 kes telah berjaya diselesaikan. Pada tahun 2011 pula, sebanyak 4802 kes telah berjaya diselesaikan melalui proses Sulh di Mahkamah Syariah.

Pada masa ini cuma terdapat sebuah mahkamah sahaja yang khusus untuk mendengar kes-kes keluarga iaitu Mahkamah Tinggi Keluarga di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Cadangan untuk menubuhkan Mahkamah Khas Keluarga tidak dapat direalisasikan pada masa ini oleh sebab bilangan kes yang didaftarkan di setiap negeri tidak menjustifikasikan penubuhan mahkamah khas ini.

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam perkara jenayah termasuk jenayah Syariah kepada semua warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman dan permohonan ikat jamin. Ujian kemampuan hanya akan dijalankan untuk menentukan kelayakan penerima bantuan guaman di peringkat perbicaraan dan

ISU & ULASAN

rayuan di mahkamah sahaja bagi mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM36,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, bantuan ini tidak meliputi kesalahan yang membawa hukuman mati kerana Mahkamah Tinggi akan menyediakan perkhidmatan peguam yang dilantiknya (*assigned counsel*) kepada tertuduh dalam kes sedemikian.

Bagi Semenanjung Malaysia, YBGK telah beroperasi di seluruh negeri. Walau bagaimanapun sebagai permulaan, perkhidmatan YBGK di Sabah hanya akan meliputi Kota Kinabalu, Papar, Penampang dan Tuaran manakala di Sarawak ia melibatkan Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu setelah mengambil kira kemampuan sumber manusia YBGK pada masa ini di kedua-dua negeri tersebut.

Mekanisme pemberian perkhidmatan YBGK dilaksanakan melalui agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), apabila seseorang warganegara ditangkap atas kesalahan jenayah, PDRM akan menghubungi Pusat Bantuan Guaman Negeri di bawah seliaan Majlis Peguam di Semenanjung Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui talian tol percuma 1-800-88-9245 atau menghantarkan faks ke nombor 1-300-88-9245 bagi mendapatkan khidmat peguam yang berdaftar dengan YBGK.

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah menyediakan akses untuk wanita mendapatkan hak mereka di mahkamah sejak tahun 1970 lagi. Sejak penubuhannya lebih 41 tahun yang lalu, kebanyakan kes yang dikendalikan oleh JBG ialah kes kekeluargaan dan sebahagian besar pelanggan JBG ialah wanita. Bantuan guaman JBG adalah kepada golongan yang kurang berkemampuan (mempunyai sumber kewangan kurang daripada RM30,000.00 setahun). Namun begitu, bagi pemohon yang mempunyai sumber kewangan melebihi jumlah tersebut, bantuan masih boleh diberikan dengan mendapatkan kelulusan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah subseksyen 12 (3) Akta Bantuan Guaman 1971 dengan syarat pemohon dapat membuktikan bahawa kesusahan tertentu yang dialaminya dan bantuan wajar diberikan bagi memastikan kepentingan keadilan dapat ditegakkan.

Walaupun bagaimanapun, JBG juga mempunyai kekangan tertentu seperti sumber kewangan dan sumber manusia dalam menjalankan fungsi dan peranan Jabatan ini. Selain itu, dalam pengendalian kes para pelanggan, Jabatan ini juga banyak bergantung pada pihak luar seperti mahkamah, pihak yang dituntut/menuntut dan peguam pihak yang dituntut/menuntut yang banyak mempengaruhi perjalanan sesuatu kes itu.

Sebagai contoh, JBG sering menerima kritikan apabila gagal menguatkuasakan

ISU & ULASAN

sesuatu perintah nafkah anak yang diperoleh di mahkamah. Namun begitu, pada hakikat sebenarnya kebanyakan kes yang tidak dapat dikuatkuasakan berpunca daripada defendan yang tidak dapat dikesan. Dalam keadaan ini, JBG hanya boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan defendan melalui saluran rasmi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (namun begitu maklumat ini tidak semestinya terkini). Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula dihalang oleh Akta masing-masing untuk mendedahkan maklumat pelanggannya. Oleh yang demikian, pelanggan merupakan pihak yang terbaik untuk mendapatkan alamat terkini/ tempat kerja defendan kerana berkemungkinan defendan masih menghubungi anak-anaknya atau anak-anak masih menghubungi datuk dan nenek sebelah bapa.

Penghakiman ingkar dalam kes sebegini adalah tidak praktikal kerana fokus utama JBG adalah mendapatkan hak pelanggan dalam bentuk kewangan bagi meneruskan kelangsungan hidup anak-anaknya dan untuk memastikan perkara ini berlaku, defendan tersebut perlu dibawa ke hadapan mahkamah.

Berkaitan dengan penyelesaian kes melalui pengantaraan (mediasi), JBG sememangnya menyediakan perkhidmatan ini kepada pelanggan JBG. Kebanyakan kes yang melibatkan isu kekeluargaan akan dirujuk kepada unit mediasi terlebih dahulu sebelum difailkan ke mahkamah kecuali dalam kes yang melibatkan elemen jenayah dan kekerasan yang serius.

Pihak-pihak perlu menyedari faedah mediasi yang amat mementingkan kerahsiaan dan meletakkan pihak-pihak dalam keadaan menang-menang. Pengantara hanya bertindak sebagai orang tengah untuk mengelakkan ada pihak yang tertindas dan tidak mempunyai hak untuk bersuara dan tidak bertindak sebagai hakim.

Namun begitu, kesedaran tentang mediasi di kalangan masyarakat amat rendah kerana apabila berlaku pertikaian, mereka lebih gemar untuk ke mahkamah tanpa mengambil kira kesannya. Oleh yang demikian, JBG amat komited dalam mempromosikan mediasi dan amat berharap agensi Kerajaan yang berkaitan dan badan bukan Kerajaan turut bersesama mempromosikan faedah mediasi. Sama rata itu tidak selalunya adil, kerana adil itu adalah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

Kerajaan sentiasa memastikan undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengutamakan perspektif keluarga yang menjamin perlindungan, keselamatan dan kesaksamaan gender dalam keluarga. Susulan daripada itu, satu bengkel Dasar Keluarga Negara Cabaran Dari Perspektif Undang-undang telah diadakan pada 29 Februari 2012 bagi mengetahui jurang yang wujud dalam undang-

ISU & ULASAN
undang dan peraturan yang sedia ada dan Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang dan peraturan supaya lebih mesra keluarga. Untuk tujuan ini dan sebagai langkah awalan, satu Jawatankuasa Kerja Teknikal telah ditubuhkan dengan kerjasama Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
HAK ORANG ASAL Kesan Projek Empangan Hidroelektrik Murum (HEP Murum) ke atas masyarakat Orang Asal di Sarawak adalah antara isu yang terus diberi perhatian oleh Suruhanjaya.¹ Suruhanjaya berpeluang untuk memerhati rundingan di antara masyarakat yang terkesan dari HEP Murum dan Unit Perancang Negeri (SPU) serta agensi-agensi lain, apabila ia dijemput oleh Kerajaan Negeri untuk memerhatikan dialog antara pihak-pihak ini pada 29 Mac. Wakil-wakil Penan menggesa Kerajaan Negeri supaya melaksanakan penempatan di tapak yang terletak di Tegulang dan Melatun di Daerah Belaga dengan kadar segera. Dialog tersebut juga mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi peruntukan kewangan bagi membolehkan penganut animisme Penan untuk melaksanakan upacara tahunan <i>Batu Tungun Miring</i>². Sarawak Elektrik Berhad pula akan membina 'gereja' berhampiran <i>Batu Tungun</i> bagi membolehkan masyarakat melaksanakan acara tersebut. Jurucakap Penan telah mengingatkan mereka yang hadir mengenai tuntutan lain. Antaranya ialah elaun bagi setiap ketua kaum, elaun bagi perbelanjaan Krismas dan peruntukan pengangkutan untuk kegunaan di waktu kecemasan. Mereka mahukan maklum balas dalam masa terdekat.

¹ ECOSOCWG telah membuat kajian dan telah mengeluarkan laporan berhubung Projek Hidroelektrik Murum (HEP Murum) dan Impaknya terhadap Hak Ekonomi, Sosial, Kebudayaan masyarakat Penan di Sarawak. Suruhanjaya terus memantau projek ini, terutamanya impak ke atas masyarakat Orang Asal di sekelilingnya. Rancangan untuk membina empangan tersebut telah bermula pada tahun 1985 dan telah diberikan kepada China Three Gorges Project Corporation oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pembinaan telah bermula pada tahun 2008 dan dijangka siap akhir tahun 2012, dan dijangka beroperasi pada tahun berikutnya.

² Batu Tungun adalah batu yang terletak di Belaga dan masyarakat Penan mempercayai bahawa tempat tersebut adalah tempat ketibaan moyang Penan yang pertama. Majlis Miring diamalkan oleh penganut animisme Penan untuk memujuk roh moyang mereka. Majlis tersebut adalah penting bagi Penan mendapat persetujuan daripada moyang mereka untuk berpindah ke tempat baru dan juga untuk meminta perlindungan daripada sebarang nasib buruk.

ISU & ULASAN

Peserta juga membincangkan mengenai bantuan kepada penduduk kampung Long Luar yang kehilangan rumah panjang mereka akibat kebakaran. Pegawai Daerah Belaga menyatakan komitmennya untuk membantu penduduk kampung berkenaan. Beliau berkata beliau telah menghubungi pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW) yang kemudiannya telah bersetuju untuk membina semula rumah panjang mangsa-mangsa selepas mencapai persetujuan berhubung tapak penempatan semula.

Pejabat Daerah Belaga dan SPU telah mengambil inisiatif untuk membuat lawatan ke semua kampung di kawasan-kawasan terlibat bagi mendapatkan penama-penama yang masih belum mempunyai MyKad. Nama-nama ini akan dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk tindakan selanjutnya. Pegawai Daerah memberi jaminan bahawa beliau akan mendapatkan kerjasama JPN untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya dua kali setahun ke semua kampung di kawasan itu mulai tahun ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pejabat Daerah Belaga memaklumkan bahawa penempatan semula ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak Sarawak Energy Berhad. Sarawak Energy telah diamanahkan untuk melaksanakan projek penempatan semula di Tegulang dan Metalun (Murum) di kawasan Murum fasa pertama yang merangkumi pembinaan rumah panjang dan kemudahan lain seperti dewan masyarakat, rumah ibadat dan tadika dengan menyediakan kemudahan elektrik dan air. Fasa pertama pembangunan ini dijangka akan siap pada bulan Februari 2013. Pemindahan komuniti terjejas akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijadual bermula pada bulan Disember 2012. Kerajaan Negeri melalui SPU dan SEB telah mendapat maklum balas dan persetujuan daripada penduduk di tujuh (7) penempatan yang terjejas berhubung lokasi untuk pembinaan rumah panjang dan juga konsep reka bentuk rumah panjang. Setakat ini, penduduk Penan dan Kenyah telah memberikan kerjasama yang baik dan berpuas hati dengan pelaksanaan projek penempatan semua di Tegulang dan Metalun.

Sarawak Energy telah membantu dalam menganjurkan Miring (upacara ritual) bagi Batu Tungun sebagai upacara tahunan bagi masyarakat tempatan. Struktur persembahan termasuk Kayu Belawing turut dibina dengan bantuan Sarawak Energy untuk upacara ini. Upacara ini telah disambut meriah oleh penduduk tempatan dengan kehadiran tetamu-tetamu dari agensi Kerajaan. Sarawak Energy juga turut menyumbang untuk perayaan hari Krismas untuk penganut Kristian dan upacara sembahyang bagi kumpulan Bungan.

ISU & ULASAN

Secara dasarnya, pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di Kg. Long Luar telah diluluskan oleh KKLW pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya ditangguhkan kerana tapak projek tersebut terlibat secara langsung dengan projek Hidro Elektrik Murum dan kemungkinan akan tenggelam apabila proses penakungan air "*impoundment*" dilakukan. Sehubungan itu, pada November 2011 Pejabat Daerah Belaga telah mengemukakan cadangan pembinaan rumah sementara (sebelum dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Tegulang dan Melatun) bagi penduduk Kg. Long Luar ini berkonsepkan *Tug House* (Rumah Tarik) dengan kos RM25,000 per unit. Seterusnya KKLW pada Disember 2011 telah meluluskan cadangan ini dengan syarat rumah tersebut direka bentuk dan disahkan oleh jurutera perunding bertauliah.

Sebagai usaha mempergiatkan lagi pendaftaran MyKad/MyKid dan sijil lahir untuk mengatasi masalah penduduk yang masih belum memiliki MyKad/MyKid dan sijil lahir, Sarawak Energy telah mengembleng tenaga dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk melakukan operasi pendaftaran dan pengagihan dokumen pengenalan diri di penempatan-penempatan di Murum termasuk juga sebahagian penduduk yang tidak terjejas oleh Murum HEP dalam kawasan Murum. Berdasarkan catatan Sarawak Energy, seramai lebih kurang 300 orang masih belum memiliki MyKad ketika ini.

TINDAKAN SUSULAN SURUHANJAYA

Sungguhpun Suruhanjaya memuji usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan perunding bagi memastikan penglibatan aktif penduduk berkenaan dalam proses membuat keputusan, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa pemindahan penduduk adalah secara terpaksa berikutan pembinaan HEP Murum dan bukannya atas pilihan bebas yang dibuat oleh masyarakat berkenaan. Ini adalah bertentangan dengan Artikel 10 UNDRIP.

Oleh itu, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan memastikan persetujuan bebas, awal dan bermaklumat diguna pakai melalui perubahan dasar yang meliputi keseluruhan proses sesuatu projek.³

Bagi perumahan untuk masyarakat yang akan ditempatkan semula di Tegulang dan Melatun, Suruhanjaya mengesyorkan agar:

³ Sila lihat <http://www.2ohchr.org/english/issues/indigenous/doc/guidelines.pdf> p 28 mengenai elemen persetujuan bebas, awal dan bermaklumat.

ISU & ULASAN

- (i) Rumah-rumah baru dibina mengikut reka bentuk yang dipersetujui serta dalam kualiti yang baik dan tidak menggunakan bahan-bahan bawah mutu standard;
- (ii) Penyediaan perumahan mengambil kira komponen lain hak kepada perumahan yang wajar, termasuklah aspek keselamatan, jaminan perundangan kepada pemilikan, ketersediaan perkhidmatan, bahan-bahan, kemudahan dan infrastruktur, kebolehmampuan, boleh diduduki, lokasi, dan sesuai dengan tuntutan budaya penduduk;⁴ dan
- (iii) Kawasan penempatan semula di Tegulang dan Melatun disiapkan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan beroperasi sepenuhnya sebelum masyarakat dipindahkan, termasuklah aspek-aspek yang telah diutarakan oleh pihak berkuasa dalam pembentangan mereka pada 29 Mac

Suruhanjaya berpendapat bahawa bantuan untuk penduduk kampung tidak harus berakhir dengan penempatan mereka. Sokongan perlu dikekalkan untuk memudahkan masyarakat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru mereka. Pembinaan kapasiti mesti diutamakan dalam sistem pembangunan komuniti untuk memastikan agar masyarakat mencapai tahap berdikari.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sarawak Elektrik Bhd (SEB) telah mengambil kira tradisi kaum Penan dan Kenyah serta keselesaan dan kewajaran fungsi (*functionality*) dalam menyediakan reka bentuk dan konsep rumah panjang. Reka bentuk dan konsep tersebut telah dipersetujui oleh penduduk Penan dan Kenyah melalui dialog dan perbincangan bersama mereka yang telah diadakan.

Pembinaan rumah panjang adalah jenis pembinaan hybrid yang mengguna pakai kayu dan konkrit dalam struktur pembinaan. Bahan-bahan yang digunakan termasuk kayu adalah mengikut cadangan-cadangan dalam laporan ethnography Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA, *Social and Environmental Impact Assessment*) serta mematuhi piawaian pembinaan secara umum. Pembangunan rumah panjang serta infrastruktur lain adalah tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan seperti ciri-ciri pencegahan kebakaran (BOMBA) serta peraturan yang berkaitan dengan kesihatan (*sanitation*). Selain memberi peluang kepada penduduk tempatan terlibat dalam pembinaan sebagai

⁴ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laporan Suruhanjaya berhubung Adequate Housing: A Human Right (A Report of the Commission's Seminar on Human Rights Pertaining to Basic Needs), 2004; laporan boleh didapati di http://www.theCommission.org.my/conf_forum_wshop_report

ISU & ULASAN
tenaga kerja, SPU/SEB akan merangka program berkala untuk bakal-bakal penghuni supaya berpeluang meninjau dan memberi maklum balas terhadap pembinaan rumah panjang mereka. Kerajaan melalui RISDA akan melaksanakan pembangunan projek fizikal iaitu projek pembangunan ladang tambahan di Sungai Asap bagi menjana ekonomi penduduk setempat yang terlibat.
PENAN TANPA DOKUMEN PENGENALAN DIRI Isu Penan yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri perlu diselesaikan segera kerana mereka terhalang daripada mengakses keperluan asas seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pekerjaan dan program pembasmian kemiskinan yang dikendalikan oleh Kerajaan. Ini juga boleh menyukarkan proses pembayaran pampasan semasa pengambilalihan tanah. Lebih-lebih lagi, mereka mungkin disalah anggap sebagai pendatang tanpa izin dan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang imigresen. MAKLUM BALAS KERAJAAN: Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak melalui Unit Khas Bergerak (UKB) yang ditempatkan di Bintulu telah mengenal pasti 9 buah rumah panjang yang menghadapi masalah Dokumen Pengenalan Diri dan telah pun melaksanakan 2 operasi pada 9 hingga 22 Februari dan 27 hingga 30 Mac di Daerah Belaga. Selain itu, UKB Bintulu telah merancang sebanyak 6 operasi mengikut takwim tahun 2012 dan 6 lagi operasi khas sebagai tambahan dalam tahun ini yang akan melibatkan UKB Bintulu dan Betong. Jabatan Pendaftaran Negeri sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Daerah setempat dalam hal urusan untuk mengenal pasti penduduk pedalaman yang tiada Dokumen Pengenalan Diri. UKB Negeri Sarawak telah melaksanakan sebanyak 79 operasi bagi tahun 2011 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 19 operasi khusus dilaksanakan untuk kaum Penan sahaja. Selain itu, UKB Sarawak juga telah mengadakan 4 lagi operasi khas (tambahan) bagi kaum Penan. Bagi takwim tahun 2012 UKB Sarawak telah merancang sebanyak 101 operasi 'outreach' bagi penduduk pedalaman. Usaha JPN ini adalah untuk memastikan bahawa setiap penduduk memiliki Dokumen Pengenalan Diri yang sah dan hanya dikeluarkan kepada mereka yang layak sahaja melalui permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat dan peraturan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

Lanjutan daripada sesi-sesi RTD dengan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan, SUHAKAM telah menganjurkan sesi ketiga mengenai 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia' pada 16 Mac.

Isu-isu yang dibangkitkan peserta:

(i) Kurang kesedaran

Kesedaran hak asasi manusia di kalangan sektor perniagaan adalah rendah. Sesetengah entiti perniagaan masih tidak sedar tentang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Oleh demikian, para peserta menegaskan kepentingan pembangunan program dan aktiviti-aktiviti yang akan menggalakkan amalan hak asasi manusia dalam sektor ini.

(ii) Hak Asasi Manusia melalui CSR

Ramai dalam sektor perniagaan memberikan perhatian penuh terhadap usaha CSR mereka. Banyak syarikat, secara sukarela, telah membangunkan program-program demi kepentingan masyarakat. Pemuliharaan alam sekitar dan penajaan pelajar untuk pendidikan tinggi menunjukkan contoh usaha tersebut. Untuk mengukuhkan inisiatif sebegini, peserta mencadangkan agar prinsip-prinsip hak asasi manusia diserapkan ke dalam amalan-amalan CSR. Syarikat-syarikat juga harus membangunkan dasar-dasar untuk mengelak pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

(iii) Kod amalan terbaik

Tiada garis panduan sesuai berkaitan dengan hak asasi manusia yang boleh dicontohi oleh sektor perniagaan. Oleh itu, para peserta bersetuju tentang kepentingan membangunkan kod amalan terbaik bagi membolehkan mereka mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian dan diperbaiki. Ini akan mengurangkan risiko pencabulan hak asasi manusia terhadap pekerja dan pihak-pihak lain yang terjejas akibat aktiviti-aktiviti perniagaan.

(iv) Hak Pekerja

Dakwaan-dakwaan mengenai penderaan atau layanan buruk terhadap pekerja asing di Malaysia telah meningkat. Sektor perniagaan perlu diingatkan bahawa hak pekerja hendaklah dilindungi dan mereka harus dilayan dengan perikemanusiaan. Pihak pengurusan haruslah memastikan agar mereka menyediakan persekitaran kerja yang selamat yang mana pekerja dihormati dan dilayan dengan bermaruah, tanpa mengira asal,

ISU & ULASAN

bangsa, warna kulit, agama, jantina, kebolehan fizikal dan ciri-ciri identiti yang lain.

(v) **Pertimbangan Kos**

Sambil menekankan kepentingan sektor perniagaan untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam aspek hak asasi manusia, kebimbangan terhadap implikasi kewangan telah dibangkitkan. Memandangkan kebanyakan perniagaan adalah berorientasikan keuntungan, peserta telah mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan insentif cukai, geran korporat dan bantuan kewangan lain untuk mengimbangi kos yang dibelanjakan untuk merealisasi amalan hak asasi manusia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Geran Latihan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang diluluskan kepada majikan berdaftar untuk melatih pekerja mereka telah mengambil kira keperluan untuk merealisasikan hak asasi manusia, di mana ia telah diluluskan kepada semua peringkat pekerja majikan selaras dengan keperluan perniagaan syarikat. Daripada RM288.49 juta geran latihan yang diluluskan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) sepanjang tahun 2011, RM181.17 juta (62.80%) adalah daripada kategori Bukan Eksekutif manakala hanya RM107.32 juta (37.20%) saja telah diluluskan kepada kategori Eksekutif.

Bagi tempat latihan pula, daripada 618,354 tempat latihan yang diluluskan pada tahun yang sama di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL), 425,289 (68.78%) adalah daripada kategori Bukan Eksekutif manakala 193,065 (31.22%) saja telah diluluskan bagi kategori Eksekutif.

Selain dari Geran Latihan di bawah KWPSM, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) juga turut melaksanakan skim dan program latihan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran lepasan sekolah dan graduan menganggur yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira jantina atau kaum. Antara skim dan program latihan yang dijalankan pada tahun 2011 ialah Skim Perantisan dan program '*Specialised Training And Advanced Recruitment (STAR)*' yang bertujuan untuk melengkapkan pelatih dengan kemahiran terkini yang diperlukan oleh industri bagi memperluaskan peluang pekerjaan mereka selepas menamatkan latihan.

Selain itu, Undang-undang berkaitan perburuhan di Malaysia tidak menetapkan sebarang perbezaan terhadap pekerja asing dan tempatan. Semua pekerja tempatan atau pekerja asing yang sah tanpa mengira asal, bangsa, warna kulit,

ISU & ULASAN

agama, jantina, kebolehan fizikal dan ciri-ciri identiti lain adalah dilayan dengan sama rata dan dilindungi di bawah undang-undang bertulis di Malaysia.

Kementerian Sumber Manusia turut mempromosikan *Corporate Social Responsibility* (CSR) melalui Program 3P (Program Penempatan Pekerjaan) yang mana melalui pendekatan ini, pihak industri dijemput dan diajak secara sukarela untuk mentertai Program 3P dengan mengadakan *walk ini interview* serta lain-lain aktiviti untuk mencari pekerjaan. Melalui program ini juga secara tidak langsung, membantu para pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan serta memaksimumkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran selaras dengan dasar negara untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam memenuhi keperluan industri dan majikan bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Seminar mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) telah dianjurkan pada 5 Disember 2011. Walaupun Akta OKU memberi hak orang-orang kurang upaya kepada pelbagai kemudahan dan perkhidmatan, ia tidak menjamin hak mereka daripada sebarang bentuk diskriminasi. Sebagai contoh, di Malaysia, OKU tidak berhak kepada perlindungan insurans, dan ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang jelas. Perspektif hak asasi manusia harus menjadi asas Akta tersebut. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Akta OKU dilaksanakan secara tegas dengan memastikan agar mekanisme untuk pemantauan pelaksanaan ditubuhkan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pada masa ini, hanya Syarikat Takaful Malaysia sahaja yang membenarkan OKU mencarum tetapi dalam bentuk berkelompok. Semua peserta PDK dan ibu bapa, pelatih institusi di bawah JKM wajib didaftarkan di bawah skim insurans berkelompok takaful Malaysia.

Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta OKU 2008 yang menjalankan fungsinya di bawah Seksyen 9 Akta yang sama antaranya untuk menyelia, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan pelan tindakan negara yang berkaitan dengan OKU dengan kementerian, agensi Kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan, seterusnya membuat penilaian dan syor kepada Kerajaan meliputi semua aspek pembangunan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan OKU seperti akses kepada bangunan dan kemudahan awam, pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, teknologi

ISU & ULASAN

maklumat dan komunikasi, rekreasi dan sosial serta perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang berkaitan.

Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah kementerian/agensi Kerajaan yang berkaitan serta individu OKU sendiri. Di samping itu, sebanyak 6 jawatankuasa kecil telah ditubuhkan bagi membantu Majlis menjalankan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan iaitu:

- (i) Jawatankuasa *Quality Life Care*;
- (ii) Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina;
- (iii) Jawatankuasa Pengangkutan;
- (iv) Jawatankuasa Pendidikan;
- (v) Jawatankuasa Pekerjaan; dan
- (vi) Jawatankuasa Pendaftaran OKU.

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menerajui Jawatankuasa Pengangkutan Bagi OKU sejak tahun 2009 di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti keperluan dan kemudahan OKU dari segi reka bentuk kenderaan, peruntukan-peruntukan perundangan bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang *universal access*;
- (ii) Bekerjasama dengan pengendali pengangkutan awam untuk menyediakan serta meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam supaya bebas halangan (*barrier free*), *universally accessible design* dan lebih mesra OKU;
- (iii) Memastikan pengendali pengangkutan awam dan agensi pelaksana mematuhi piawaian yang ditetapkan dalam garis panduan dan keputusan-keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan;
- (iv) Memantau supaya pengendali pengangkutan awam menyediakan kakitangan bantuan OKU yang terlatih, mesra dan cekap;
- (v) Merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan aksesibiliti pengangkutan awam bagi OKU;
- (vi) Bekerjasama dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU serta agensi berkaitan untuk merancang dan melaksanakan program-program bagi meningkatkan aksesibiliti pengangkutan awam bagi OKU; dan

ISU & ULASAN

- (vii) Melapor dan mengusulkan apa-apa cadangan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pengangkutan kepada Majlis Kebangsaan Bagi OKU.

Ahli-ahli tetap Jawatankuasa ini terdiri daripada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) serta wakil-wakil Persatuan OKU daripada kategori kurang upaya fizikal, pendengaran dan penglihatan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 sehingga kini adalah seperti berikut:

(i) **Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bagi OKU**

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bagi OKU diadakan bagi membincangkan inisiatif-inisiatif jawatankuasa dan juga isu-isu berkaitan kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh operator pengangkutan kepada golongan OKU. Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2010 iaitu pada 30 Mac 2010 dan 23 September 2010. Pada tahun 2011, Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 7 Mac 2011, 28 Julai 2011 dan 9 Disember 2011. Pada tahun ini, Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan pada 3 Mei 2012. Di samping mesyuarat Jawatankuasa, beberapa siri mesyuarat *task force* dan mesyuarat penyelarasan serta sesi perbincangan diadakan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan dengan pengangkutan awam.

(ii) **Sesi Audit Akses Kemudahan Bercirikan ‘Universal Access’**

Sesi audit dilaksanakan bagi memantau dan memastikan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan golongan OKU. Sesi audit ini juga diadakan untuk mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan dan mendapatkan maklum balas daripada semua pihak dalam memastikan penyediaan perkhidmatan pengangkutan menepati spesifikasi dan keperluan semua golongan termasuk golongan OKU. Sesi audit ini telah mendapat kerjasama daripada Persatuan OKU dan pelbagai agensi seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan lain-lain. Sesi audit yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Sesi Audit Bagi Projek Menaiktaraf Hentian Bas Di Selayang pada 19

ISU & ULASAN

Julai 2012

- Pemeriksaan/Sesi Audit Di Stesen KTM Komuter Batu Caves pada 28 Disember 2011
- Pra-Audit Stesen LRT Aliran Ampang Masjid Jamek dan Titiwangsa pada 6 Disember 2011
- Pelaksanaan Sesi Audit *Universal Access* Di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) & LCCT pada 27 April 2011
- Pelaksanaan Sesi Audit Di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (LTSAAS) pada 1 Mac 2011
- Sesi Audit Akses di Stesen KTM Komuter Batu Caves dan Sentul pada 23 Disember 2010
- Sesi Audit Akses di Stesen KTM Komuter Bandar Tasik Selatan dan Sg. Buloh pada 2 September 2010
- Sesi Audit Perkhidmatan Pengangkutan Khas 'Rapid Mobiliti' pada 17 April 2010

Selain itu, Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif dalam menambah baik infrastruktur pengangkutan awam dan perkhidmatan. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkaitan adalah seperti berikut:

(i) **Pembelian Bas Yang *Universal Access***

Pihak Prasarana telah membeli bas-bas yang bercirikan universal akses secara berperingkat. Pembelian bas yang telah dibuat adalah 100 buah bas universal akses jenis Volvo B7RLE (*Low Floor*), Pembelian 400 buah bas tambahan jenis 12-meter tanpa halangan (*barrier-free*) dan pembelian 70 buah bas tambahan jenis 8-meter tanpa halangan. Kesemua bas tersebut telah beroperasi di Lembah Klang di bawah Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL). Selain itu, 200 buah bas yang universal akses jenis Scania turut dibeli dan telah beroperasi di Pulau Pinang di bawah Rapid Penang sejak tahun 2007. Hasil daripada beberapa sesi audit akses yang dijalankan bersama-sama dengan pihak JPJ, Prasarana dan Persatuan OKU, perkhidmatan bas ini telah ditambah baik oleh Prasarana di mana kerja menaik taraf telah siap sepenuhnya bagi memenuhi ciri-ciri yang universal akses.

(ii) **Penyediaan Garis Panduan Bas Yang *Universal Access***

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menyediakan Garis Panduan Reka Bentuk Bas Yang *Universal Access*. Garis panduan tersebut turut mengambilkira ciri-ciri asas seperti *ramp*, ruang khas untuk pengguna kerusi roda, *handrail*, sistem audio dan visual. Pada peringkat awal, dua

ISU & ULASAN

pengusaha bas iaitu RapidKL dan RapidPenang telah dipilih sebagai projek perintis sebelum dikembangkan kepada pengusaha-pengusaha bas yang lain pada masa hadapan.

(iii) **Perkhidmatan Pengangkutan Khas “*Rapid Mobility*”**

Pihak Prasarana juga telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan khas Rapid Mobility untuk kegunaan golongan OKU berkerusi roda. Perkhidmatan ini telah mula beroperasi pada bulan Januari 2011 di sekitar Lembah Klang

(iv) **Penggunaan *Portable Ramp* di Stesen KTM Komuter dan Stesen KTM Antarabandar**

Pihak KTMB juga telah menyediakan *portable ramp* di stesen-stesen keretapi untuk memudahkan golongan OKU berkerusi roda masuk dan keluar daripada tren. Sebanyak 56 *portable ramp* telah disediakan di Stesen-stesen KTM Komuter dan 28 unit *portable ramp* telah disediakan di stesen-stesen KTM Antarabandar bagi sektor Timur, Utara dan Selatan.

(v) **Penyediaan perkhidmatan kerusi roda secara percuma**

Semua syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menghapuskan caj perkhidmatan kerusi roda semasa sesi dialog dengan YB. Menteri Pengangkutan pada 4 Mei 2010 dengan syarat mendaftar dan mempunyai kad OKU dari JKM.

(vi) **Penyediaan *Code of Practice (COP)* dan *Standard Operating Procedure (SOP)***

Pihak MAHB sedang dalam proses menyediakan COP dan SOP *for Special Handling Passengers and Person With Disabilities* bagi pengangkutan udara. Draf pertama COP dan SOP tersebut telah siap dirangka dan akan dibincangkan dengan Persatuan OKU/NGO OKU sebelum dimuktamadkan.

(vii) **Menaiktaraf Tandas di Kuala Lumpur International Airport (KLIA)**

Pihak MAHB juga telah menaiktaraf 5 set tandas di Balai Pelepasan, Aras 5, KLIA yang dilengkapi dengan ciri-ciri *Universal Access* untuk kegunaan golongan OKU.

Di samping itu, terdapat inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengangkutan Awam Bandar yang turut melibatkan penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang *Universal Access*. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

(i) **Pembelian Tren Yang *Universal Access***

ISU & ULASAN

Prasarana telah membeli 26 set kereta api empat gerabak untuk laluan Kelana Jaya (LRT RapiKL) manakala Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah membeli 38 set unit Tren Elektrik Pelbagai Guna (EMU) 6 gerabak. Set tren yang baharu dibeli ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan tetapi juga memberi keselesaan kepada semua penumpang termasuk golongan OKU kerana dilengkapi dengan kemudahan yang universal akses.

(ii) **Menaiktaraf Stesen-Stesen Keretapi**

Selain itu, kerja-kerja menaiktaraf stesen-stesen keretapi juga sedang giat dilaksanakan dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang mesra OKU. Prasarana sedang menaiktaraf 24 stesen LRT Aliran Ampang manakala KTMB sedang menaiktaraf 10 stesen KTM Komuter. Kerja-kerja menaiktaraf mengambil kira semua aspek termasuklah menaiktaraf tandas, surau, pelebaran platform dan menyediakan *ramp, lift, tactile, escalator*, dan *handrail*.

(iii) **Stesen Integrasi**

Di samping itu, inisiatif NKRA yang lain iaitu Projek Pengintegrasian Stesen LRT yang melibatkan Stesen Masjid Jamek, KL Sentral, Hang Tuah, dan Titiwangsa juga sedang dilaksanakan bagi menghapuskan halangan kepada pengguna untuk akses kepada pengangkutan awam yang lain.

(iv) **Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT)**

Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Bandar Tasik Selatan (BTS) telah beroperasi dan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang moden dan boleh diakses kepada rangkaian rel ERL, KTM dan LRT. Hasil daripada sesi audit yang dilaksanakan di ITT BTS oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina pada 22 September 2011 mendapati 80 peratus mematuhi keperluan OKU dan *Universal Access*.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan beberapa perkara di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- (i) seksyen 34A dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 telah memperuntukkan keperluan penyediaan akses dan kemudahan di bangunan untuk pengguna orang kurang upaya (OKU);
- (ii) KPKT melalui surat bertarikh 16 April 2012 telah memaklumkan kepada semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Bil. 2/2012 bertarikh 29 Mac 2012 agar pengurusan parkir OKU ditambah baik

ISU & ULASAN

bagi mengelakkan pencerobohan oleh pemandu bukan OKU seperti berikut:

- pemilik premis diwajibkan melakukan pengawasan berkala yang kerap ke atas parkir OKU di premis masing-masing; dan
- pemilik-pemilik premis digalak meletakkan penghalang seperti kon atau rantai mudah alih di sekeliling parkir OKU di premis masing-masing.

(iii) KPKT juga sedang mengkaji keperluan memasukkan peruntukan menambah baik pengurusan dan penguatkuasaan parkir OKU dalam kajian semula Undang-undang Kecil (UUK) Tempat Letak Kereta; dan

(iv) Garis Panduan Perancangan (GPP) Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*) untuk semua golongan termasuk OKU telah digubal dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2011. Seterusnya, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-64 pada 23 Mei 2011 telah bersetuju dengan pelaksanaan GPP tersebut. Ekoran dari itu, Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT telah dipanjangkan untuk pemakaian kepada semua pihak berkuasa negeri (PBN) dan PBT berkuatkuasa pada 8 Julai 2011. Sehingga 31 Julai 2012, GPP ini telah diterima pakai di Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis.

PENERIMAAN CRPD OLEH MALAYSIA ADALAH SATU LANGKAH YANG TEPAT UNTUK MENGUKUHKAN KOMITMEN DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM MELINDUNGI HAK-HAK OKU, MALAYSIA PERLU MERATIFIKASI PROTOKOL PILIHAN KEPADA KONVENSYEN TERSEBUT

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pada masa ini, Malaysia masih belum bersedia untuk menerima Protokol Pilihan CRPD tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperhalusi semula untuk pertimbangan pada masa hadapan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang mendapatkan maklum balas dan pandangan agensi berkaitan bagi melihat kemungkinan untuk negara menyertai Protokol Pilihan CRPD.

WALAUPUN TERDAPAT PENINGKATAN DALAM USAHA MEMASTIKAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG MESRA OKU, INISIATIF-INISIATIF TERSEBUT PERLU DITINGKATKAN. GENERASI 'BABY BOOMER'

ISU & ULASAN

SEMAKIN BERUSIA, DAN JUSTERU ITU, MALAYSIA AKAN BERHADAPAN DENGAN SATU KUMPULAN YANG HIDUP DENGAN PELBAGAI JENIS KECACATAN FIZIKAL DAN BATASAN. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BANGUNAN DAN PENGANGKUTAN AWAM SERTA LALUAN PEJALAN KAKI YANG MESRA OKU PERLU DIPASTIKAN DENGAN SERTA-MERTA.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Isu aksesibiliti kepada golongan OKU merupakan salah satu isu yang memerlukan perhatian secara berterusan oleh pihak Kerajaan dan semua penyedia perkhidmatan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpandangan langkah yang lebih progresif wajar diambil bagi mengatasi isu aksesibiliti kepada OKU.

Dalam hal ini, Jemaah Menteri pada 7 September 2011 telah bersetuju dengan cadangan KPWKM bagi meningkatkan aksesibiliti OKU kepada bangunan dan persekitaran awam supaya:

- (i) wakil OKU dilantik dalam jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan di setiap kawasan PBT; dan
- (ii) satu Unit Audit Akses ditubuhkan di setiap PBT bagi menjalankan audit ke atas bangunan dan kemudahan awam di kawasan PBT.

Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) Tahun 2011 yang merupakan hasil semakan semula ke atas Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Orang Kurang Upaya Tahun 2000. Garis Panduan ini menggariskan keperluan merancang kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat yang boleh diakses oleh semua golongan masyarakat secara inklusif untuk semua peringkat umur dan keupayaan fizikal, termasuk OKU.

KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menghasilkan Panduan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) Taman Awam pada tahun 2010. Panduan ini memberi penekanan khusus kepada penyediaan reka bentuk bagi kawasan laman awam yang dapat diakses oleh semua golongan terutamanya golongan OKU. JLN juga akan melaksanakan kajian implementasi reka bentuk sejagat di kawasan taman awam terpilih sebagai projek perintis pada tahun 2012.

ISU & ULASAN

Bagi memastikan piawaian yang disediakan mengambil kira perkembangan dan keperluan semasa, *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Teknikal Aksesibiliti OKU. Kini, Kumpulan Kerja tersebut dalam proses menyemak semula dan membuat pindaan kepada MS 1184:2002 dan MS 1331:2003. Kedua-dua standard ini akan digabungkan untuk dijadikan standard lebih komprehensif dan akan dinamakan sebagai *Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice*.

Dari segi akses kepada pengangkutan awam pula, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi kemudahan OKU seperti berikut:

(i) **Pembelian bas Rapid KL dan Rapid Penang yang universal akses**

- 100 buah bas universal akses jenis Volvo B7RLE (*Low Floor*) Rapid KL. Perkhidmatan ini telah mula beroperasi sejak tahun 2007. Hasil daripada audit akses yang dijalankan, perkhidmatan bas ini telah ditambah baik di mana kerja menaik taraf telah siap sepenuhnya pada 16 Disember 2010 bagi memenuhi keperluan piawaian universal akses.
- Pembelian 400 buah bas tambahan jenis 12 meter tanpa halangan. Sebanyak 400 buah bas telah diterima (100 buah jenis Kinglong, 150 buah jenis Scania dan 150 buah jenis Man) pada 26 Ogos 2011.
- Pembelian 70 buah bas tambahan jenis 8-meter tanpa halangan (*barrier-free*). Perolehan secara berperingkat mulai bulan September 2011 hingga November 2011 (20 buah bas – September, 25 buah bas - Oktober dan 25 buah bas - November 2011).
- 200 buah bas universal akses jenis Scania Rapid Penang. Perkhidmatan ini telah mula beroperasi secara berperingkat mulai awal tahun 2009. Hasil daripada audit akses yang dijalankan, perkhidmatan bas ini akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan piawaian *Universal Access*.

(ii) **Perkhidmatan Pengangkutan Khas “*Rapid Mobility*”**

- Perkhidmatan ini telah mula beroperasi mulai Januari 2011. Sebagai permulaan, perkhidmatan ini boleh dimanfaatkan oleh OKU di sekitar Petaling Jaya, USJ dan Subang dan akan diperluaskan ke seluruh Lembah Klang. Perkhidmatan ini boleh digunakan bagi tujuan temu janji

ISU & ULASAN

perubatan, membeli-belah, perbankan, rekreasi dan lain-lain.

(iii) **Garis Panduan Bas *Universal Access***

- Garis Panduan ini telah dimuktamadkan pada bulan Januari 2011 dan akan dijadikan panduan oleh semua pengusaha bas semasa membuat pembelian sebaik sahaja arahan JPJ dikeluarkan kelak.

(iv) **Menaik taraf 24 stesen LRT secara berperingkat supaya mesra OKU**

- Kerja-kerja menaik taraf di 24 stesen LRT dijalankan secara berperingkat mulai bulan Disember 2009 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2012. Stesen-stesen yang telah siap dinaik taraf adalah Stesen Plaza Rakyat, Cahaya, Cempaka, Pandan Jaya dan Pandan Indah.
- Baki 19 stesen lagi dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2012 secara berperingkat.

(v) **Menaik taraf stesen-stesen KTM Komuter (penyediaan kemudahan untuk OKU)**

- Sebanyak 12 stesen KTM Komuter telah siap dinaik taraf iaitu Stesen KL Sentral, Bank Negara, Subang Jaya, Kajang, Seremban, Mid Valley, Kepong Sentral, Rawang, Sungai Buloh, Shah Alam, Bandar Tasik Selatan dan Serdang.
- 10 stesen KTM Komuter lagi akan dinaik taraf (Projek RMK-10 di bawah inisiatif NKRA *Urban Public Transportation*) mulai bulan Mac 2011 hingga Jun 2012. Stesen yang terlibat adalah Kuala Lumpur, Putera, Kepong, Petaling, Batu Tiga, Klang, Padang Jawa, Bangi, UKM dan Nilai.

(vi) **Pembelian *portable ramp* untuk diedarkan di 27 Stesen KTM Komuter**

- Sebanyak 29 unit *portable ramp* bagi kemudahan OKU (berkerusi roda) untuk keluar masuk tren telah diterima dan diedarkan pada bulan Mac 2011.
- Sebanyak 27 unit *portable ramp* lagi telah siap diedarkan pada Jun 2011.

ISU & ULASAN

- Sebanyak 28 unit *portable ramp* telah diedarkan sepenuhnya pada tahun 2010 di stesen-stesen KTM Intercity Sektor Timur, Utara dan Selatan.

LATIHAN UNTUK OKU PERLU DIPERGIAT BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA MENCARI PEKERJAAN.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Latihan berkenaan *Job Coach* telah diberikan kepada majikan dan juga kakitangan lain bagi membolehkan mereka memahami keperluan pekerja OKU seperti yang akan dijalankan di Mydin dan syarikat KFC.

Selain itu, OKU di institusi seperti di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi didedahkan dengan keperluan-keperluan pekerjaan seperti ceramah daripada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Perkhidmatan kaunseling juga diberikan kepada bakal graduan OKU mengenai hala tuju mereka selepas tamat belajar. Selain itu pengiktirafan sijil kepada latihan-latihan vokasional yang dijalankan kepada OKU telah mengikut *National Occupational Skill Standard* (NOSS). Ini membolehkan sijil tersebut diterima pakai oleh semua agensi. Kini, agensi lain seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan kolej komuniti juga memberi ruang kepada OKU untuk melanjutkan pengajian mereka.

OKU PERLU DIBERI PELUANG UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN. PADA MASA KINI, RAMAI OKU YANG MENGHADAPI KESUKARAN MENDAPAT PEKERJAAN DISEBABKAN OLEH PERSEPSI MASYARAKAT AWAM YANG TERHAD ATAU TIDAK TEPAT MENGENAI KEBOLEHAN DAN KEMAHIRAN OKU.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan khususnya dalam sektor awam, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar 1% Peluang Pekerjaan di Sektor Awam Kepada OKU pada tahun 1988. Bagi memastikan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya, Dasar ini telah diperkukuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Usaha ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan

ISU & ULASAN

dalam sektor awam kepada golongan OKU yang berkelelahan.

Di samping itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2011 yang menyarankan agar Kementerian/ Jabatan / SUK Negeri menetapkan bilangan atau kuota golongan OKU untuk mengisi jawatan-jawatan kosong di organisasi masing-masing selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Kekosongan jawatan bagi jawatan-jawatan yang tidak memerlukan syarat-syarat fizikal boleh diisi oleh golongan OKU yang berkelelahan memandangkan mereka juga boleh melakukan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan sebagaimana rakan-rakan yang lain.

Selain itu, KPWKM melalui JKM dengan kerjasama strategik *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah menjalinkan kerjasama pintar bagi melaksanakan *Project to Support Participation of Persons with Disabilities* bermula pada September 2009 dan akan tamat pada bulan Ogos 2012. Projek ini memberi penekanan antara lain kepada aspek latihan dan pembangunan juru latih kerja atau *Job Coach*.

Sepanjang tempoh tersebut, seramai 97 orang *Job Coaches* telah dilatih yang terdiri daripada pegawai Kerajaan dan juga pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Di samping itu, seramai 22 orang *Job Coaches* telah berjaya mengikuti kursus sebagai jurulatih *Job Coach* di Jepun yang terdiri daripada pegawai JKM, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Mulai bulan September 2011, JKM dengan kerjasama JICA telah mula menyediakan perkhidmatan *Job Coach* kepada pekerja OKU yang memerlukan. Perkhidmatan *Job Coach* kepada OKU dapat membantu OKU menyesuaikan diri dengan lebih baik di tempat kerja. Di samping itu, *Job Coach* juga bertindak untuk mewujudkan sokongan semulajadi antara OKU dengan rakan sekerja supaya mereka boleh menerima pekerja OKU sebagai sebahagian daripada organisasi mereka. *Job Coach* juga berperanan untuk meyakinkan majikan terhadap kemampuan OKU bekerja dan menerima keupayaan mereka seadanya.

Kini, latihan *Job Coach* diperluaskan kepada sektor swasta yang meliputi pegawai sumber manusia dalam sektor perhotelan, peruncitan dan perkilangan. Dengan sokongan yang diberikan oleh *Job Coach*, diharapkan peluang pekerjaan kepada OKU akan semakin luas dan kadar *drop out* OKU daripada pekerjaan dapat dikurangkan.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah membangunkan Sistem

ISU & ULASAN

Penempatan Pekerjaan OKU (SPOKU) bagi membantu OKU mencari pekerjaan secara atas talian. SPOKU merupakan sistem penjodohan pekerjaan antara majikan dan OKU yang ingin mendapatkan pekerjaan di sektor swasta. Berdasarkan kepada rekod dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dari tahun 1990 sehingga Disember 2011, seramai 13,339 OKU yang berdaftar dalam SPOKU dan daripada jumlah tersebut seramai 9,074 (68%) OKU telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan berkhidmat di sektor swasta.

JKM juga menggalakkan pelaksanaan program *Disability Equality Training* (DET) bagi memberi kefahaman tentang hak OKU kepada orang ramai dan salah faham mereka terhadap OKU perlu dikurangkan.

TERDAPAT KEPERLUAN UNTUK MENINGKATKAN AKSES KEPADA PERUMAHAN MESRA OKU. IANYA PERLULAH MAMPU DIMILIKI, MEMANDANGKAN TERDAPATNYA KEKURANGAN AKSES KEPADA PEKERJAAN DAN PENDAPATAN DI KALANGAN OKU. KERAJAAN BOLEH MEMPERUNTUKKAN 25% DISKAUN KEPADA PEMBELI RUMAH OKU.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara, KPKT telah menggubal Dasar Perumahan Negara bagi mengatasi isu-isu perumahan secara menyeluruh. Salah satu teras yang digariskan dalam Dasar Perumahan Negara adalah penyediaan perumahan yang mencukupi mengikut keperluan khusus golongan yang memerlukan termasuk OKU.

Selain itu, DBKL turut mengambil inisiatif untuk membuka lebih banyak peluang kepada OKU untuk memiliki rumah. Antara langkah yang diambil adalah:

- (i) Menyediakan peruntukan khas di mana 1.2% dari jumlah unit kediaman atau 4 unit dari setiap 350 unit kediaman hendaklah diperuntukkan untuk keperluan perumahan golongan OKU;
- (ii) Bagi perumahan pangsapuri, tingkat bawah bangunan hendaklah direka bentuk dengan memenuhi piawaian mobiliti untuk golongan OKU terutamanya yang sukar bergerak dan menggunakan kerusi roda;
- (iii) Menyediakan *ramp* sama ada di kawasan laluan awam (tempat letak kereta, koridor dan lain-lain) sehingga ke pintu masuk utama unit kediaman;
- (iv) Setiap unit kediaman untuk golongan OKU perlu mematuhi piawaian MS 1184:2002 – *Code of Practice for Access of Disabled Persons Inside*

ISU & ULASAN
<i>Buildings; dan</i> Potongan harga sewa rumah dikurangkan sebanyak 20% untuk golongan OKU.



**LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA
ANTARABANGSA**



ISU-ISU
LAPORAN JAWATANKUASA ISU DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF)	98

ISU DAN ULASAN

FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA (SEANF)

Selaku ketua NHRI bagi projek SEANF tentang pekerja asing, Suruhanjaya telah meneruskan usaha untuk menggesa pelaksanaan syor-syor yang terkandung dalam Kertas SEANF Mengenai Pekerja Asing yang telah diterbitkan pada bulan November 2010. Pada 9 Ogos, Suruhanjaya telah mengadakan Mesyuarat Konsultasi Susulan dengan agensi-agensi Kerajaan di Malaysia untuk mendapatkan maklum balas rasmi Kerajaan berkenaan syor-syor tersebut. Selain maklum balas yang dikemukakan semasa mesyuarat tersebut, agensi-agensi Kerajaan telah bersetuju untuk menyerahkan satu laporan bersepadu mengandungi maklum balas yang komprehensif terhadap syor-syor tersebut. Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima laporan bersepadu tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan dan secara umumnya semua agensi telah mengemukakan maklum balas, namun agensi-agensi Kerajaan telah diminta untuk menilai semula maklum balas berkenaan kerana ia mengambil kira semula status SEANF itu sendiri yang mana ia tidak diiktiraf oleh Malaysia. Maklumat di dalam maklum balas tersebut dikhuatiri akan disalahgunakan oleh pihak SEANF bagi tujuan menekan Kerajaan agar patuh dengan syor-syor yang berkaitan dengan isu-isu pekerja asing. Untuk makluman, maklum balas yang telah diterima oleh KSM pada masa sekarang akan dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara untuk pandangan lanjut.



LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI



ISU-ISU
LAPORAN JAWATANKUASA HAK ORANG ASAL/ASLI

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Seminar Mengenai Hak Orang Asal/Asli Dan Hak Untuk Terlibat Dalam Membuat Keputusan	102
2.	Bengkel Sistem Perundangan Orang Asli/Asal	102
3.	Perayaan Hari Orang Asal/Asal Sedunia	103
4.	Cadangan Pindaan Kepada Akta Orang Asli	104
5.	Forum Mengenai 'Pendidikan Orang Asal/Asli	105
6.	Mengurangkan Kadar Keciciran Di Kalangan Pelajar Orang Asal/Asli	106
7.	Memasukkan Elemen Penting Bagi Sistem Pendidikan Yang Sesuai Dengan Budaya	107
8.	Mengamalkan Sistem Kepelbagaian Bahasa Dalam Sistem Pendidikan	107
9.	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Untuk Memperkasakan Pendidikan Dan Pedagogi Pengajian Orang Asli	108
10.	Cadangan Kepada JAKOA	109
11.	Cadangan Umum Kepada Kerajaan	110

ISU DAN ULASAN

SEMINAR MENGENAI HAK ORANG ASAL/ASLI DAN HAK UNTUK TERLIBAT DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Suruhanjaya secara konsisten telah mengesyorkan agar Kerajaan perlu memastikan terdapat perwakilan Orang Asal/Asli yang sesuai di semua peringkat membuat keputusan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sehingga 5 Jun 2012, terdapat seramai 1,349 Orang Asal/ Asli (Semenanjung) yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, seramai 90 orang (6.7% berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) iaitu daripada Gred 41 hingga 54). Pegawai yang berada dalam Kumpulan P&P ini secara tidak langsung turut terlibat dalam proses membuat keputusan.

BENGKEL SISTEM PERUNDANGAN ORANG ASLI/ASAL

Beberapa isu dan cadangan diutarakan. Di Sabah dan Sarawak, sistem perundangan Orang Asal/Asli masih diamalkan secara meluas dalam menyelesaikan pertikaian dalaman komuniti meskipun ia tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Sistem perundangan Orang Asal/Asli berkait rapat dengan adat resam suku kaum masing-masing. Terdapat cadangan utama mengenai penubuhan mahkamah adat di Semenanjung Malaysia, sama seperti Mahkamah Anak Negeri Sabah dan Sarawak.

Terdapat cadangan bahawa dasar sedia ada untuk melantik batin melalui JAKOA dipinda untuk mengiktiraf batin yang dipilih oleh masyarakat Orang Asal/Asli sendiri, dan untuk memastikan peranan utama batin adalah untuk mempromosi adat masyarakat Orang Asal/Asli.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Cadangan mengenai penubuhan mahkamah adat di Semenanjung Malaysia dalam sistem perundangan Orang Asli yang berkait rapat dengan adat resam suku kaum masing-masing dalam menyelesaikan pertikaian dalaman komuniti mereka dan perkara ini hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Seksyen 4 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] mengenai Pentadbiran Orang Asli.

Dalam Seksyen tersebut menyatakan bahawa Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab mengenai pentadbiran, kebajikan dan kemajuan Orang Asli

ISU DAN ULASAN

dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menghalang mana-mana Ketua Orang Asli daripada menjalankan kuasanya dalam hal adat dan kepercayaan Orang Asli dalam mana-mana masyarakat Orang Asli atau mana-mana kumpulan etnik Orang Asli.

Sehubungan dengan itu, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 telah pun memperuntukkan perundangan kepada mana-mana Ketua Orang Asli dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan apa-apa pertikaian dalaman komuniti dan apa-apa keputusan yang telah dipersetujui adalah terpakai oleh komuniti tersebut dan pihak Jabatan atau orang luar tidak boleh menghalang atau mencampuri atau mempengaruhi Ketua Orang Asli dalam membuat keputusan. Untuk makluman juga, Institusi Tok Batin/Penghulu Orang Asli adalah merupakan Ketua Adat dan ia telah diiktiraf oleh JAKOA yang mewakili Kerajaan Malaysia.

Mengenai cadangan bahawa dasar sedia ada untuk melantik Batin melalui JAKOA dipinda untuk mengiktiraf Batin yang dipilih oleh masyarakat Orang Asli sendiri dan perkara ini hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Akta 134 Akta Orang Asli 1954 Seksyen 16 (1) dan (2). Dalam Seksyen 16 (1) Ketua turun-temurun bagi suatu masyarakat Orang Asli hendaklah menjadi Ketua masyarakat itu atau mengenai suatu masyarakat Orang Asli yang jawatan ketua itu bukan turun temurun, seorang yang dipilih sebagai ketua oleh orang daripada masyarakat itu hendaklah menjadi masyarakat itu, tertakluk dalam tiap-tiap kes kepada pengesahan oleh Menteri. Dalam Seksyen 16 (2), Menteri boleh memecat mana-mana ketua daripada jawatannya.

Merujuk kepada Garis Panduan tatacara Pelantikan dan Penamatan Perkhidmatan Jawatan Batin/Penghulu Orang Asli jelas telah memberi mandat kepada masyarakat Orang Asli itu sendiri untuk memilih ketua mereka (Batin/Penghulu) melalui secara keturunan atau proses pemilihan melalui pengundian. Untuk pelantikan Batin/Penghulu Orang Asli bagi Negeri Sembilan boleh mengguna pakai samada Garis Panduan Tatacara Pelantikan/Penamatan Perkhidmatan Jawatan Batin/Penghulu Orang Asli atau memilih kaedah adat (Adat Mempatih Orang Asli).

PERAYAAN HARI ORANG ASAL/ASAL SEDUNIA

Pada ucapan penutupan perayaan tersebut, Pesuruhjaya Jannie Lasimbang mencadangkan supaya Kerajaan, termasuk Kerajaan Negeri menyokong sambutan tersebut dan menyertainya di masa akan datang. Pihak penganjur juga digesa supaya mengadakan sesi dialog dengan jabatan Kerajaan dalam

ISU DAN ULASAN

sambutan tersebut, untuk membincangkan mengenai isu dan pembangunan Orang Asal/Asli

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sememangnya terbuka dalam menjayakan sambutan perayaan Orang Asli terutamanya yang melibatkan kebudayaan dan warisan Orang Asli. Selain itu, persiapan sambutan Hari Moyang setiap tahun bagi suku kaum Mahmeri turut melibatkan pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan juga sentiasa mengalu-alukan sesi dialog sekiranya dijemput oleh pihak penganjur.

CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA ORANG ASLI

Suruhanjaya membuat rayuan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk menangguhkan pembentangan pindaan Akta Orang Asli 1954 yang dicadangkan sehingga selesai National Inkuiri pada bulan Julai 2012. Suruhanjaya juga mencadangkan supaya Kerajaan menangguhkan sebarang proses memuktamadkan dasar-dasar atau undang-undang baru ke atas tanah adat untuk diserahkan kepada Kabinet dan Majlis Tanah Negara (MTN), sehingga segala usaha telah dibuat untuk mendapatkan persetujuan bebas, awal dan bermaklumat dari semua pihak yang berkepentingan, terutamanya Orang Asal/Asli yang terjejas.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berasa kecewa dengan pengumuman yang dibuat oleh JAKOA pada 16 Ogos bahawa mereka telah selesai perbincangan dengan Kerajaan Negeri mengenai dasar memberi pemilikan tanah kepada Orang Asal/Asli dan akan membawa perkara tersebut kepada Kabinet dan seterusnya kepada MTN. Walaupun secara rasminya Kerajaan masih belum memberikan maklum balas kepada rayuan Suruhanjaya, ia telah membatalkan cadangan asal untuk membentangkan pindaan pada sesi Parlimen bulan November.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) ditangguhkan sehingga Penambahbaikan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah (DPPTOA) selesai. Ini adalah kerana isu tanah merupakan salah satu isu utama perundangan masyarakat Orang Asli. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan turut mempertimbangkan dapatan dari Laporan Akhir Inkuiri Nasional berhubung Tanah Orang Asli untuk diambil kira dalam cadangan penambahbaikan DPPTOA.

ISU DAN ULASAN

FORUM MENGENAI 'PENDIDIKAN ORANG ASAL/ASLI'

Antara isu-isu utama yang dibangkitkan oleh peserta adalah kekurangan sokongan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar Orang Asal/Asli melanjutkan pelajaran. Sesetengah peserta mendakwa Skim Kumpulan Wang Amanah Pelajar sama ada tidak sampai kepada kumpulan sasaran atau kelewatan dalam pengagihan. Para peserta juga meluahkan rasa kecewa apabila tiada bantuan kewangan disediakan jika pelajar-pelajar menghadiri sekolah rendah Cina dan Tamil atau melanjutkan pelajaran ke institut pendidikan tinggi swasta. Kesannya, mereka terpaksa menolak tawaran melanjutkan pelajaran ke kolej-kolej swasta.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pelbagai bantuan-bantuan pendidikan disediakan oleh JAKOA. Antaranya ialah:

- (i) Skim Bantuan Galakan Pendidikan;
- (ii) Bantuan Kualiti Hidup;
- (iii) Bantuan Pakaian Seragam;
- (iv) Bantuan Tambang Pengangkutan;
- (v) Bantuan Bayaran Yuran;
- (vi) Bantuan Catuan Makanan Sekolah;
- (vii) Bantuan Wang Saku Pelajar;
- (viii) Bantuan Keperluan Asrama; dan
- (ix) Biasiswa Kemasukan ke IPT.

Manakala bagi isu Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP), Surat Pekeliling Kewangan Bil.5 Tahun 2012 Bantuan KWAMP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan bahawa pembayaran bantuan KWAMP hanya kepada ibu bapa murid Orang Asli yang berstatus miskin yang pendapatan RM720 dan miskin tegar pendapatan RM430 sahaja. Dari segi agihan pula, ia hendaklah dilaksanakan oleh Pengetua/Guru Besar kepada murid dengan cara memasukkan ke akaun bank murid. Agihan secara tunai, cek atau barangan hanya boleh dilaksanakan apabila tiada kemudahan bank di kawasan berdekatan sekolah. Manakala Bantuan Bulanan boleh dibayar secara bulanan atau sekali gus (*lump sum*) tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan peringkat sekolah.

Pihak sekolah digalakkan menyimpan buku rekod murid yang menerima bantuan bulanan bagi mengawal perbelanjaan. JAKOA tiada sebarang kuasa bagi pengagihan KWAMP.

ISU DAN ULASAN

Dalam pada itu, pada Oktober 2011 satu semakan semula Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) di mana JAKOA bersetuju supaya pelajar Orang Asli yang bersekolah di sekolah rendah/ menengah cina dan tamil di bawah kategori Sekolah Rendah dan Menengah kerajaan dan Bantuan Kerajaan layak menerima bantuan SBGP. Manakala pelajar yang melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi swasta layak menerima elaun makan sebanyak RM200 sebulan sepanjang pengajian. Walau bagaimanapun yuran pengajian bagi melanjutkan pengajian di IPTS adalah tanggungjawab pelajar sendiri.

Cadangan semakan semula SBGP sedang diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Dasar Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

MENGURANGKAN KADAR KECICIRAN DI KALANGAN PELAJAR ORANG ASAL/ASLI.

- (i) Mengubahsuai sistem/kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan budaya dan persekitaran masyarakat Orang Asal/Asli.
- (ii) Memberikan keutamaan kepada kualiti pengangkutan dan kemudahan asrama; mendedahkan guru-guru dan pelajar-pelajar yang berlainan bangsa dengan sensitiviti dan budaya masyarakat Orang Asal/Asli untuk mengatasi masalah diskriminasi di sekolah-sekolah.
- (iii) Menyemai program yang membentuk keyakinan diri untuk meningkatkan tahap keyakinan di kalangan pelajar atau ibu bapa Orang Asal/Asli.
- (iv) Memasyarakatkan sekolah dengan mengadakan program-program yang membolehkan guru-guru memahami masyarakat Orang Asal/Asli dan ibu bapa menjadi sebahagian daripada komuniti sekolah, dalam usaha untuk menghapuskan persekitaran yang memisahkan sekolah-sekolah dan komuniti sebagai entiti berasingan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan yang dilancarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggariskan beberapa inisiatif untuk pembangunan kapasiti pendidikan Orang Asli. Antara inisiatif yang dicadangkan ialah penyediaan pengangkutan dan menaik taraf kemudahan asrama berpusat. Inisiatif ini diperkenalkan bertujuan memberikan

ISU DAN ULASAN
keutamaan kepada kualiti pengangkutan murid Orang Asli ke sekolah, dan kemudahan asrama khususnya kepada anak-anak Orang Asli yang tinggal jauh dari sekolah. Guru-guru yang dihantar bertugas di Sekolah Orang Asli juga akan diberikan pendedahan kepada sosio budaya masyarakat Orang Asli agar perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat dapat dielakkan. Menerusi program Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP) yang dilaksanakan oleh pihak KPM, masyarakat Orang Asli yang mengikuti program ini dapat meningkatkan tahap keyakinan diri, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan di samping memberikan galakan kepada anak-anak mereka di dalam bidang pelajaran. Pihak KPM juga memberikan kerjasama dengan pihak JAKOA di dalam penganjuran program 'Mesra Minda' yang melibatkan penyertaan masyarakat Orang Asli sepenuhnya.
MEMASUKKAN ELEMEN PENTING BAGI SISTEM PENDIDIKAN YANG SESUAI DENGAN BUDAYA (i) Memperkenalkan sejarah, budaya dan sukan/kraf tangan/ekonomi/muzik tradisional masyarakat Orang Asal/Asli sebagai mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah, yang terdapat kanak-kanak Orang Asal/Asli. (ii) Melantik lebih ramai guru Orang Asal/Asli untuk mengajar pelajar-pelajar Orang Asal/Asli. (iii) Mereka kandungan kurikulum dan pembelajaran pedagogi yang sesuai dengan keadaan dan persekitaran Orang Asal/Asli. MAKLUM BALAS KERAJAAN: Pada asasnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) melantik seseorang calon ke dalam Perkhidmatan Pelajaran jika individu berkenaan memenuhi syarat yang dikehendaki oleh Skim Perkhidmatan. Sekiranya Kerajaan menetapkan dasar untuk melantik lebih ramai guru Orang Asal/Asli, SPP akan mengambil kira perkara ini dalam urusan pengambilan guru.
MENGAMALKAN SISTEM KEPELBAGAIAN BAHASA DALAM SISTEM PENDIDIKAN (i) Melantik guru-guru bahasa asli yang berkeelayakan.

ISU DAN ULASAN

- (ii) Ujian dan penghasilan buku-buku dalam bahasa Orang Asal/Asli.
- (iii) Memperkenalkan program bahasa asas di peringkat prasekolah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

KPM telah menerima draf awal Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 4 dari Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan sedang dalam proses merangka konsep buku teks Bahasa Semai Tahun 4. Buku Teks Bahasa Semai Tahun 4 dijadualkan untuk kegunaan mulai tahun 2014.

CADANGAN KEPADA KEMENTERIAN PELAJARAN UNTUK MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN DAN PEDAGOGI PENGAJIAN ORANG ASLI

- (i) Mengiktiraf bahasa ibunda Orang Asal/Asli dan mengguna pakai dalam sistem pendidikan kebangsaan.
- (ii) Melibatkan secara aktif semua agensi pelaksana dan masyarakat Orang Asal/Asli termasuk organisasi kampung dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
- (iii) Menambahbaikkan sistem pendidikan dari semua peringkat.
- (iv) Melonggarkan syarat dan meningkatkan lebih banyak kuota untuk pelajar Orang Asal/Asli memasuki Universiti, maktab perguruan dan pusat pengajian tinggi lain.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

KPM menyambut baik sebarang cadangan penambahbaikan kepada sistem pendidikan negara khususnya untuk pendidikan masyarakat orang Asli. KPM juga telah menyediakan strategi dan tindakan bagi meningkat pendidikan masyarakat dan kanak-kanak orang Asli antaranya dengan menyediakan kurikulum Asli Penan yang memberi pendidikan kepada ibu bapa murid orang Asli, melibatkan komuniti setempat dalam aktiviti sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan meningkatkan Kepimpinan Guru Besar yang mengajar di sekolah-sekolah orang Asli. Peluang kemasukan murid orang Asli ke institusi pendidikan di bawah KPM sentiasa diberi keutamaan.

ISU DAN ULASAN

CADANGAN KEPADA JAKOA

- (i) Memberi penerangan secara mendalam mengenai prosedur bantuan biasiswa kepada Orang Asal/Asli.
- (ii) Memperkemaskan dan memperbaiki sistem penyampaian, termasuk menyediakan maklumat/data yang tepat untuk kelancaran penyampaian bantuan dan sokongan kepada kumpulan sasaran.
- (iii) Memaklumkan kepada batin untuk memastikan penyebaran maklumat yang lebih berkesan.
- (iv) Memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar Orang Asal/Asli yang ingin belajar di sekolah rendah Cina dan Tamil

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pelbagai pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak JAKOA dalam menerangkan prosedur bantuan biasiswa kepada anak-anak Orang Asli antaranya memaklumkan mengenai Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) kepada pelajar Orang Asli melalui kursus motivasi anjuran JAKOA , serta melalui hebahan Radio Asyik FM, laman web JAKOA, mengadakan *road show* kepada batin serta JKKK melalui program-program mesra minda di perkampungan Orang Asli.

Bantuan kewangan kepada pelajar Orang Asli diperkenalkan oleh JAKOA sejak tahun 1996 yang dinamakan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP). Objektif bagi SBGP ini adalah untuk memberikan bantuan pendidikan kepada kumpulan sasar jabatan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan untuk meringankan kesulitan kewangan mereka dalam memberi pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Pada Oktober, 2011 satu semakan semula SBGP dimana JAKOA bersetuju bahawa pelajar yang bersekolah di sekolah rendah/ menengah cina dan tamil di bawah kategori Sekolah Rendah dan Menengah kerajaan dan Bantuan Kerajaan layak menerima bantuan SBGP. Walaubagaimanapun cadangan semakan semula SBGP sedang diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Dasar Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

ISU DAN ULASAN

CADANGAN UMUM KEPADA KERAJAAN

Semua agensi dan jabatan yang terlibat dengan Orang Asal/Asli perlu bekerjasama dalam penyusunan semula dan penggubalan dasar-dasar yang berkaitan. Melantik lebih banyak Orang Asal/Asli dalam jabatan Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sehingga 5 Jun 2012, seramai 1,349 orang pegawai dalam perkhidmatan awam adalah dari kalangan kaum Orang Asal / Asli (Semenanjung). Daripada jumlah tersebut, 90 (6.7%) berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) manakala 1,259 (93.3%) berada dalam Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 40). Dari segi dasar pelantikan, ia ditentukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan dan Pihak Berkuasa Melantik masing-masing. Pelantikan akan dibuat berasaskan merit (kelayakan akademik, kepakaran dan prestasi temu duga) calon.



LAPORAN PEJABAT SABAH



**ISU-ISU
LAPORAN PEJABAT SABAH**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Forum Dan Latihan Ke Atas Sistem Perundangan Orang Asal/Asli (FTILS)	114
2.	Sambutan Hari Orang Asal/Asli Sedunia	117
3.	Taklimat Mengenai Geran Komunal	118
4.	Mesyuarat Berkaitan Isu-Isu Hutan Simpan	122

ISU DAN ULASAN

FORUM DAN LATIHAN KE ATAS SISTEM PERUNDANGAN ORANG ASAL/ASLI (FTILS)

Lima sesi forum telah dianjurkan, meliputi semua daerah di Sabah berikutan syor yang dibuat semasa FTILS Peringkat Negeri yang diadakan pada bulan Oktober 2010.

Cadangan utama daripada lima sesi tersebut telah dipanjangkan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan parti-parti politik yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya:

- (i) Beberapa Ketua Anak Negeri telah terlibat dalam kajian Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 dan Peraturan-Peraturan 1995, yang mana tiadanya kesinambungan dari segi aliran maklumat dan maklum balas. Ia mencadangkan agar Jabatan Peguam Negara dan Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengawasi kajian ini harus meluaskan penglibatan pegawai Mahkamah Anak Negeri agar sebarang pindaan yang dilaksanakan adalah sejajar dengan adat.
- (ii) Adalah dicadangkan agar pindaan kepada Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 termasuk peruntukan yang membolehkan Mahkamah Anak Negeri memainkan peranan menasihati dan/atau mengesahkan peranan yang berkaitan tanah adat dan sejarah penempatan Orang Asal/Asli dan untuk memberi kuasa kepada pembesar-pembesar daerah dalam memberi nasihat mengenai urusan tanah adat dengan jabatan-jabatan yang berkaitan, termasuk semasa mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan tanah;
- (iii) Garis panduan yang jelas perlu dalam melantik ketua anak negeri dan ketua kampung bagi memastikan integriti dan kebebasan mereka dalam menegakkan adat bebas daripada gangguan parti-parti politik.
- (iv) Tafsiran (Takrif Anak Negeri) Ordinan 1952 perlu dikaji semula, dan Kerajaan Negeri harus menjalankan kaji selidik dalam mengesahkan status Orang Asal/Asli.
- (v) Mahkamah Anak Negeri perlu disokong dalam mendokumentasikan adat resam yang berkaitan dengan *sogit* (denda) bagi setiap kumpulan etnik, sebagai rujukan kepada Mahkamah Anak Negeri dan ketua-ketua kampung.
- (vi) Kerajaan Negeri dan Persekutuan harus terus memberikan sokongan dari segi kewangan dan politik kepada Mahkamah Anak Negeri dan kepada

penubuhan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri. Sokongan demikian bukan sahaja berbentuk pembangunan infrastruktur tetapi juga berbentuk sumber manusia dan teknikal. Ini bagi membolehkan Institut untuk merancang dan melaksanakan program-program melatih kakitangan mahkamah, belia dan ahli-ahli masyarakat lain, Orang Asal/Asli dalam menghargai adat mereka.

- (vii) Mahkamah Anak Negeri perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam pengajaran adat khususnya kepada generasi belia.
- (viii) Mahkamah Anak Negeri harus mengadakan dialog dengan Mahkamah Syariah bagi menjelaskan bidang kuasanya dalam menggalakkan harmoni dan rasa hormat kepada dua sistem ini. Khususnya, Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri perlu dikaji semula berhubung proses pengambilan anak angkat dan tuntutan warisan tanah.
- (ix) Struktur dan pentadbiran Mahkamah Anak Negeri harus dikaji semula dalam meningkatkan kecekapannya selaras dengan adat dan budaya Orang Asal/Asli. Cadangan untuk menubuhkan Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri mendapat sokongan yang kuat daripada pelbagai pihak.
- (x) Pejabat Daerah seharusnya memberikan sokongan penuh kepada kakitangan Mahkamah Anak Negeri terutamanya mereka yang bergantung kepada Pejabat Daerah untuk kakitangan pentadbiran dan ruang pejabat. Dalam hal ini, ia telah menunjukkan bahawa Pegawai Daerah Beluran telah menghalang kakitangan Mahkamah Anak Negeri daripada menghadiri FTILS walaupun Pengarah Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah – telah meluluskan penyertaan mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan (PP), Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Perkara 95B(1) PP selanjutnya pula memperuntukkan dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak, tambahan kepada Senarai II yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Senarai Negeri, dan perkara yang disebut satu persatu dalamnya hendaklah disifatkan tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama.

Dalam hal ini, antara perkara yang disenaraikan di bawah perenggan 13 Senarai

ISU-ISU
LAPORAN KUMPULAN KERJA PROMOSI DAN PENDIDIKAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Program Di Sekolah-Sekolah	8
2.	Kajian Formatif Oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	8
3.	Hak Kepada Pendidikan Untuk Kanak-Kanak Orang Asal/Asli	9
4.	Hak Kepada Air Yang Bersih	10
5.	Bekalan Elektrik	11
6.	Kemudahan Asrama	12
7.	Makanan	12
8.	Penolong Pengurusan Pelajar (SMA)	13
9.	Kurikulum Alternatif Untuk Kanak-Kanak Orang Asli	14
10.	Kanak-Kanak Tidak Bersekolah	15
11.	Hal-Hal Lain Berkaitan Pendidikan	16
12.	Hak Orang Kurang Upaya (OKU)	17

untuk disemak. Setakat ini 6 buah bangunan Mahkamah Anak Negeri telah dibina dan 3 buah lagi masih dalam pembinaan pada tahun 2012. Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah telah menganjurkan Seminar Sehari bagi Seluruh Mahkamah Anak Negeri Sabah untuk memberi penjelasan tentang Enakmen Mahkamah Anak Negeri termasuk Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri.

SAMBUTAN HARI ORANG ASAL/ASLI SEDUNIA

- (i) Kerajaan harus menyediakan bantuan kewangan untuk aktiviti tahunan dan turut melibatkan diri di dalamnya.
- (ii) Pihak penganjur perlu melibatkan sesi dialog bersama Kerajaan bagi membincangkan status dan pembangunan IP.
- (iii) Pihak penganjur perlu terus mengetengahkan isu-isu Orang Asal/Asli melalui forum dan pameran awam pada acara tahunan seperti ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tiada peruntukan khusus bagi tujuan Sambutan Hari Orang Asli/ Asal sedunia. Walau bagaimanapun, JAKOA telah mengetengahkan beberapa aktiviti masyarakat Orang Asli seperti persembahan kebudayaan, pameran, jualan produk kraf, demonstrasi masakan tradisional dalam program-program seperti berikut

- (i) Karnival Usahawan Desa (KUD) anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (ii) Mini Karnival Usahawan Desa anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (iii) Karnival Usahawan dan Kebudayaan Orang Asli anjuran JAKOA;
- (iv) Hari Moyang (etnik Mahmeri) dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan, Kementerian Pelancongan dan Agensi Lain; dan
- (v) Hari Kraf Kebangsaan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

TAKLIMAT MENGENAI GERAN KOMUNAL

Tanpa memprejudiskan hasil Laporan NI yang bakal diterbitkan pada bulan Julai 2012, Suruhanjaya menawarkan cadangan berikut untuk pertimbangan Kerajaan Negeri:

- (i) Tempoh masa yang mencukupi harus diperuntukkan bagi sesi dialog dengan masyarakat yang terjejas sebelum pengeluaran Geran Komunal, bukan hanya bergantung kepada pemimpin masyarakat dengan pemimpin lain.
- (ii) Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah harus perlu menyediakan bahan-bahan bertulis dalam menangani kebimbangan utama masyarakat mengenai Geran Komunal dan memastikan ia disebarkan secara meluas.
- (iii) Keputusan kolektif yang jelas dalam proses membuat keputusan dan mekanisme perlu digariskan dalam menentukan masyarakat peribumi bersetuju ke atas hak tanah adat yang jatuh di bawah Geran Komunal.
- (iv) Masyarakat yang terjejas perlu diberikan pilihan untuk membangunkan tanah Geran Komunal termasuklah pengiraan faedah dan dividen yang realistik yang akan dibayar kepada waris hasil usaha sama yang dijalankan.
- (v) Syarat khas yang dilampirkan (dalam cetakan halus pada akhir setiap Geran Komunal) perlu dikaji semula dalam rundingan bersama masyarakat yang terjejas.
- (vi) Bagi mengelak berlakunya pertindihan konflik dan salah faham, garis pemisah dalam proses membuat keputusan dan proses meluluskan Geran Komunal perlu ada buat masa ini, Jabatan Tanah dan Ukur banyak terlibat dalam kedua-dua proses tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Jabatan Tanah dan Ukur Sabah berpendapat, sesi dialog dengan masyarakat yang terlibat dalam pengeluaran geran komunal tidak perlu diadakan kerana perkara-perkara berikut:

Dari segi undang-undang, melalui pindaan di bawah seksyen 76 Ordinan Tanah Sabah, YAB Ketua Menteri telah diberikan kuasa untuk meluluskan pengeluaran geran komunal ke atas mana-mana tanah kerajaan yang telah dirancang dan diperakukan oleh Pengarah Tanah dan Ukur.

Pindaan peruntukan di bawah seksyen 76 Ordinan Tanah Bab 68 adalah merupakan satu lagi kaedah untuk menjaga kepentingan Anak Negeri Sabah dalam pemberimilikan tanah melalui geran komunal selain daripada kaedah yang asal iaitu mengeluarkan geran komunal ke atas tanah kerajaan yang telah diwujudkan NCR melalui pembicaraan tanah di bawah seksyen 14 Ordinan tanah Sabah Bab 68.

Dasar dan Objektif pengeluaran geran komunal adalah untuk melindungi kepentingan Anak Negeri Sabah dalam pemberimilikan tanah. Prosedur yang telah diwujudkan adalah untuk memastikan dasar dan objektif pengeluaran geran komunal dapat dilaksanakan dengan teratur, telus dan berkesan berteraskan kepada kriteria pembasmian kemiskinan.

Proses pengeluaran geran komunal boleh dilakukan dengan dua pendekatan seperti berikut:

- (i) Penduduk kampung yang terdiri daripada Anak Negeri Sabah memajukan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Ukur melalui Yang Berhormat Ahli Dewan Undang Negeri untuk pengeluaran geran komunal ke atas tanah kerajaan di sekitar perkampungan mereka.
- (ii) Jabatan Tanah dan Ukur mengenal pasti tanah kerajaan di sekitar perkampungan Anak Negeri Sabah untuk pengeluaran geran komunal.

Statistik permohonan Anak Negeri Sabah untuk menyertai geran komunal sebaga benefisiari adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah dikeluarkan geran komunal dan tanah Kerajaan yang telah dirancang dan diperakukakn untuk pengeluaran geran komunal ialah 35, 822.85 hektar (88,520.05 ekar)
- (ii) Bilangan kampung yang terlibat ialah 122 buah kampung di 8 buah daerah.
- (iii) Jumlah pemohon Anak Negeri Sabah yang memohon untuk menjadi peserta (benefesiari) geran komunal ialah sebanyak 13,569 peserta.
- (iv) Jumlah pemohon yang layak untuk menjadi peserta setelah melalui proses penapisan ialah sebanyak 8,208 peserta (benefesiari).

Berdasarkan statistik tersebut, jelas menunjukkan bahawa majoriti penduduk kampung yang terlibat telah memohon untuk menjadi peserta dalam geran komunal. Oleh itu, Jabatan ini berpendapat sesi dialog yang dicadangkan oleh

SUHAKAM tidak diperlukan.

Jabatan Tanah dan Ukur telah menyediakan booklet berkaitan dengan dasar, objektif dan prosedur pengeluaran geran komunal. Booklet tersebut juga mengandungi maklumat berkaitan dengan kawasan tanah Kerajaan yang telah dikeluarkan geran komunal dan kawasan tanah kerajaan yang telah dirancang untuk pengeluaran geran komunal bagi tahun 2012. Selain daripada itu, booklet tersebut juga telah memberikan penjelasan berkaitan dengan projek usaha sama untuk membangunkan geran komunal melalui konsep agropolitan yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah di daedah Lalampas, Tongod dan Kabintaluan-Kemabong, Tenom.

YAB Perdana Menteri telah menyampaikan geran komunal Kabintaluan-Kemabong, Tenom pada 30 Jun 2011 dan telah memberi kenyataan bahawa konsep pengeluaran geran komunal adalah untuk masa depan Anak Negeri yang lebih baik. (Kenyataan dipetik daripada New Sabah Times dan Daily Express bertarikh 1 Julai 2011).

Berkaitan dengan isu tuntutan NCR yang terdapat dalam kawasan tanah Kerajaan yang telah dirancang untuk pengeluaran geran komunal, akan diproses melalui perbicaraan tanah sekiranya Anak Negeri Sabah yang berkepentingan tidak bersetuju untuk menyertai geran komunal. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan perbicaraan tanah diadakan Anak Negeri Sabah yang berkepentingan tersebut hendaklah terlebih dahulu membuat tuntutan bertulis kepada Penolong Pemungut Hasil tanah (PPHT) yang berkenaan. Prosedur untuk tuntutan NCR telah diperuntukkan di bawah seksyen 13,14,15 dan 16 Ordinan Tanah Sabah. Oleh itu, cadangan SUHAKAM di bawah perkara 3 tidak diperlukan.

Anak Negeri Sabah yang terlibat dengan pengeluaran geran komunal di kawasan Lalampas Tongod pada mulanya membantah cadangan pengeluaran geran komunal tetapi selepas melalui dua siri penerangan, akhirnya mereka telah bersetuju untuk pengeluaran geran komunal. Pada masa ini, kawasan tersebut telah dibangunkan secara usaha sama di antara benefisiari dengan agensi pelaksana iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) melalui surat perjanjian usaha sama.

Dasar dan objektif geran komunal serta syarat dan terma geran komunal telah memberi pilihan kepada peserta (benifisiari) geran komunal sama ada membangunkan sendiri atau membangunkan tanah tersebut secara usaha sama dengan syarikat persendirian atau agensi Kerajaan negeri tertakluk kepada persetujuan pihak berkuasa kerajaan negeri yang mengambil kira tentang kepentingan anak negeri. Oleh itu, sebarang cadangan usaha sama

hendaklah disertakan dengan surat perjanjian agar kepentingan anak negeri selaku benefisiari atau pewarisnya akan sentiasa terpelihara.

Jabatan Tanah dan Ukur sentiasa terbuka untuk menerima cadangan secara bertulis dari semasa ke semasa untuk memperbaiki syarat-syarat khas geran komunal. Ini adalah merupakan amalan Jabatan Tanah dan Ukur untuk memperbaiki sistem pentadbiran tanah yang menjaga kepentingan pemilik tanah dan juga Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, satu jawatankuasa telah diwujudkan di antara Jabatan Tanah dan Ukur dan Persatuan Guaman Sabah untuk menambah baik dari semasa ke semasa Ordinan Tanah Sabah dan juga prosedur urus niaga tanah agar sistem pentadbiran tanah dapat menangani isu-isu semasa dan mendatang yang berkaitan dengan pembangunan dan urus niaga tanah.

Sejak Ordinan Tanah Bab 68 digunapakai pada tahun 1930 dalam urus tadbir tanah untuk pengeluaran geran komunal oleh Jabatan Tanah dan Ukur, masalah pertindihan konflik dan salah faham tidak berlaku. Terdapat beberapa peringkat proses dalam pengeluaran geran komunal seperti berikut:

(i) **Peringkat Kampung**

Proses penyenaraian peserta di peringkat kampung adalah dilakukan oleh pemimpin di peringkat kampung seperti Ketua Kampung, Wakil Ketua Kampung atau Ketua Daerah.

(ii) **Peringkat Pejabat Tanah Daerah**

- Jawatankuasa Penapisan Tanah Daerah menapis dan memilih peserta yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan untuk menjadi benefisiari geran komunal.
- Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah (Khas) – mengendos dan membuat rekomendasi peserta yang layak untuk pengeluaran geran komunal
- Penolong Pemungut Hasil tanah mengemukakan perakuan untuk kelulusan kepada Pengarah Tanah dan Ukur.

(iii) **Peringkat Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur**

Pengarah Tanah dan Ukur membuat rekomendasi dan mengemukakan perakuan kelulusan peserta yang layak untuk pengeluaran geran komunal.

(iv) **Peringkat Pejabat YAB Ketua Menteri**

YAB Ketua Menteri memberi kelulusan dan persetujuan untuk pengeluaran geran komunal.

Berdasarkan kepada penjelasan tersebut di atas, ternyata bahawa tidak wujud pertindihan konflik dan salah faham dalam proses membuat kelulusan. Amalan

ini telah diguna pakai dalam proses pengeluaran geran komunal mengikut peruntukan di bawah Ordinan Tanah Bab 68.

(Maklumat mengenai Geran Komunal adalah seperti di **Lampiran 2**).

MESYUARAT BERKAITAN ISU-ISU HUTAN SIMPAN

Pada 31 Mac, Pengarah dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan Sabah dan dua wakil NGO telah bertemu Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan tanah dan NI.

Tanpa memprejudiskan hasil Laporan NI, Suruhanjaya telah membuat cadangan berikut untuk pertimbangan Kerajaan Negeri:

- (i) Jabatan Perhutanan perlu menjalankan latihan penyelesaian yang melibatkan tanah yang dituntut oleh masyarakat Orang Asal/Asli yang ditemui di dalam hutan simpan dan mengenal pasti penyelesaian konflik yang mengiktiraf hak Orang Asal/Asli.
- (ii) Pihak polis harus mengambil pendirian yang bebas semasa konflik dan memainkan peranan mereka dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Tuntutan terhadap *Native Customary Rights* (NCR) tidak diiktiraf di bawah undang-undang jika kawasan termasuk di dalam kawasan hutan simpan selaras dengan Enakmen Hutan 1968.

Tuntutan terhadap NCR hanyalah terhad kepada kawasan Tanah Kerajaan. Setiap tuntutan dikaji kesahihannya dan diurus oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) selaras dengan Ordinan Tanah 1930.

Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu terdapat kawasan-kawasan yang telah diduduki lebih awal di mana telah diwartakan menjadi kawasan Hutan Simpan. Bagi kes yang '*genuine*', selepas penelitian yang mendalam terhadap undang-undang sedia ada keadaan di lapangan melalui '*social baseline survey*' dan faktor-faktor yang telah diperhalusi dengan mengambil kira semua aspek maka kerajaan akan mempertimbangkan untuk membubarkan kawasan terlibat dan terpulang kepada kerajaan sendiri memberi hakmilik tanah terhadap tuntutan yang dibuat.

Bagi kes-kes di mana kawasan hutan simpan telah diduduki selepas diwartakan ternyata ini adalah merupakan pencerobohan dan aktiviti menyalahi undang-

undang di bawah Enakmen Hutan 1968. Berdasarkan kepada kesahihan kes maka tindakan akan diambil untuk mengeluarkan penceroboh dan seterusnya didakwa di mahkamah atau sebaliknya penyelesaian dilakukan dengan membenarkan penduduk asal dari kawasan tersebut sahaja untuk terus menduduki kawasan hutan simpan dengan kebenaran melalui '*occupation permit*' dengan syarat mereka tidak lagi memperluaskan kawasan asal atau membuka kawasan baru.

Di samping itu, Jabatan Perhutanan Sabah berusaha terus untuk membantu penduduk-penduduk kampung menerusi Projek Perhutanan Masyarakat (PPM) di mana kawasan-kawasan terpilih akan diusahakan secara bersama dengan mengutamakan konsep '*win-win basis*'. Contoh terbaik adalah seperti di Hutan Simpan Pin-Supu dan Hutan Simpan Bengkokadi mana ladang getah telah ditubuhkan dengan biayaan Kerajaan negeri Sabah melalui Jabatan Perhutanan Sabah yang diurus oleh para penduduk kampung sendiri.

Jabatan Perhutanan juga menjalankan aktiviti-aktiviti melibatkan badan-badan bukan kerajaan bagi penyelesaian isu-isu sahih terhadap tanah dan hutan simpan seperti PACOS Trusts, LEAP, WWF dan lain-lain yang merupakan sebahagian daripada rangkaian '*stakeholders*' Jabatan.

Kontrak pekerjaan juga diberikan kepada para penduduk terlibat oleh Jabatan Perhutanan Sabah untuk memastikan mereka memperoleh faedah daripada aktiviti pengurusan dan pemeliharaan hutan. Contohnya melalui kerja-kerja silvikultur dan penanaman semula pokok-pokok hutan.

Jabatan Perhutanan juga mengutip ses sebanyak RM2.00 semeter per segi untuk Projek Perhutanan Masyarakat (Ses PPM) daripada semua pengeluar balak di mana seterusnya akan digunakan untuk pembangunan projek perhutanan masyarakat di kawasan hutan simpan terlibat dengan membina keperluan infrastruktur seperti kemudahan perumahan yang lebih baik dan lain-lain keperluan asas.

Jabatan ini juga berusaha terus ke arah meningkatkan lagi keupayaannya ke arah usaha untuk menangani situasi sedemikian melalui program-program latihan yang melibatkan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran tertentu dalam bidang tersebut.



LAPORAN PEJABAT SARAWAK



MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011

ISU-ISU
LAPORAN PEJABAT SARAWAK

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Inkuiri Nasional Ke Atas Hak Tanah Orang Asal/Asli (NI)	128

ISU DAN ULASAN

INKUIRI NASIONAL KE ATAS HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI (NI)

Di Suai, Batu Niah, syarikat perladangan didapati telah menebang pokok yang ditanam oleh penduduk dan jumlah pampasan yang diperoleh tidak memadai untuk pokok-pokok yang telah ditebang. Syarikat-syarikat tersebut juga didapati telah menebang pokok-pokok di luar kawasan konsesi yang diberikan kepada mereka.

Isu-isu lain yang dibangkitkan adalah rasa tidak puas hati penduduk kampung dengan jumlah pampasan bagi tanah yang diambil untuk tujuan pembangunan. Pihak berkuasa dinasihatkan supaya lebih peka dan prihatin dalam isu-su berkaitan tanah adat untuk mengelakkan berlakunya pembangunan tanpa pengawasan. Mereka juga perlu melibatkan masyarakat Orang Asal dalam proses pembangunan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Setakat ini, tiada projek pembangunan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang telah diluluskan atau sedang dilaksanakan di Suai, Batu Niah. Oleh itu, besar kemungkinan bahawa tanah yang terbabit adalah tanah Kerajaan yang telah diberi milik kepada syarikat swasta untuk perladangan.

Di bawah konsep Baru Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera, pengambilan tanah tidak wujud. Setiap pemilik tanah Hak Adat Bumiputera mempunyai hak untuk memutuskan sama ada mereka hendak menyertai sesebuah projek atau tidak. Tambahan pula, pemilik tanah yang mahu menyertai projek mempunyai pilihan untuk memasuki kesemua atau hanya sebahagian daripada bidang-bidang tanahnya dan menyimpan bidang-bidang yang lain untuk kegunaan sendiri.

Setiap bidang tanah Hak Adat Bumiputera yang dimasuki ke dalam sesebuah projek hendaklah disukat terlebih dahulu bagi menentukan sempadan, keluasan sebenar dan pemilik tanah tersebut. Sempadan-sempadan di antara setiap bidang tanah yang hendak dibangunkan mesti juga di rentis dan ditanda bersama-sama oleh pemilik-pemilik tanah berdekatan. Ini akan memudahkan lagi kerja mengukur dan mencegah perselisihan antara mereka. Dengan adanya tanda-tanda sempadan tanah serupa ini, maka kerja-kerja pembangunan tanah tidak akan terkeluar dari kawasan sebenar projek. Manakala, bidang-bidang tanah yang disimpan oleh pemilik-pemilik untuk kegunaan mereka sendiri akan dikecualikan daripada pembangunan.

ISU DAN ULASAN

Secara amnya, jika tidak dapat dielakkan, pengambilan tanah memang wujud sekiranya tanah tersebut diperlukan untuk kegunaan awam. Proses pengambilan serta kadar dan jumlah pampasan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Tanah dan Survei.
--

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AHRD	Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN
AICHR	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
ATIP	Anti-Pemerdagangan Orang
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
AWAM	<i>All Women's Action Society Malaysia</i>
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BPA	Biro Pengaduan Awam
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah
CCTV	Kamera Litar Tertutup
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CFNHRI	Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
CHOGM	Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel
CIWG	Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan
CO2	Karbon dioksida
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sipil
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DO	Pegawai Daerah
DUN	Dewan Undangan Negeri
ECOSOCWG	Kumpulan Kerja Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
EPG	Kumpulan Tokoh-tokoh Komanwel
EU	Kesatuan Eropah
EWG	Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi
FORUM-ASIA	Forum Asia Bagi Hak Asasi Manusia dan Pembangunan
FTILS	Forum dan Latihan ke Atas Sistem Perundangan Orang Asal/Asli
GHG	Gas Rumah Hijau
HRC	Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi Nasional Untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia

MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011

ICERD	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman
IICC	Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
IPRC	Jawatankuasa Hak Orang Asal/Asli
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAIS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JOAS	Jaringan Orang Asal SeMalaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KAP	Kurikulum Asli Penan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KOMAS	Pusat Komunikasi Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWAMP	Skim Kumpulan Wang Amanah Pelajar
LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bi-seksual dan Transgender</i>
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
LINUS	<i>Literacy and Numeracy Screening Programme</i>
LRITWG	Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Terti Antarabangsa
MAPO	Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran
MDG	Matlamat Pembangunan Milenium
MNHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Murum	HEP Projek Empangan Hidroelektrik Murum
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
NI	Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia
NLC	Majlis Tanah Negara
OA	Orang Asal/ Asli
OCS	Ketua Polis Balai
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia

PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPPA	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
PROHAM	Persatuan Promosi Hak Asasi Manusia
PULAPOL	Pusat Latihan Polis
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RTD	Perbincangan Meja Bulat
SDC	Koridor Raya Pembangunan Sabah
SEANF	Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara
SEB	Sarawak Elektrik Bhd
SEDIA	Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMA	Penolong Pengurusan Pelajar
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPU	Unit Perancang Negeri
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
TIP	Pemerdagangan Orang
TSCR	Jawatankuasa Teknikal Mengenai Tanggungjawab Sosial
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNCHR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian
UNCT	Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNDRIP	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal
UNFPA	Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNGA	Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

LAMPIRAN 1

STATISTIK BILIK SOALSIASAT DENGAN CCTV DAN PERAKAM
BAGI SELURUH KONTIJEN

JABATAN SIASATAN JENAYAH

BIL.	KONTINJEN	JUMLAH
1.	Kontinjen Johor	14
2.	Kontinjen Pulau Pinang	10
3.	Kontinjen Kuala Lumpur	5
4.	Kontinjen Selangor	11
5.	Kontinjen Perlis	1
6.	Kontinjen Kedah	1
7.	Kontinjen Perak	1
8.	Kontinjen Negeri Sembilan	1
9.	Kontinjen Melaka	1
10.	Kontinjen Pahang	1
11.	Kontinjen Terengganu	1
12.	Kontinjen Kelantan	1
13.	Kontinjen Sabah	1
14.	Kontinjen Sarawak	1
JUMLAH KESELURUHAN BILIK SOAL SIASATAN CCTV		50

SENARAI BILIK SOAI SIASAT YANG DILENGKAPI KEMUDAHAN CCTV DAN PERAKAM MENGIKUT KONTINJEN

NEGERI: KONTINJEN JOHOR

BIL.	TEMPAT		CCTV / PERAKAM	JUMLAH
	KONTINJEN / DAERAH	LOKASI		
1.	IPK Johor	Bangunan JSJ	Disediakan	1
2.	IPD Johor Bahru Selatan	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
3.	IPD Johor Bahru Utara	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
4.	IPD Seri Alam	Bangunan Balai Polis Johor Jaya	Disediakan	1
5.	IPD Nusajaya	Bangunan Balai Polis Gelang Jaya	Disediakan	1
6.	IPD Kulai Jaya	KawasanBangunan IPD	Disediakan	1
7.	IPD Pontian	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
8.	IPD Mersing	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
9.	IPD Batu Pahat	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
10.	IPD Kluang	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
11.	IPD Segamat	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
12.	IPD Muar	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
13.	IPD Ledang	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
14.	IPD Kota Tinggi	Bangunan Pejabat	Disediakan	1
JUMLAH KESELURUHAN				14

NEGERI: PULAU PINANG

BIL.	TEMPAT		CCTV / PERAKAM	JUMLAH
	KONTINJEN / DAERAH	LOKASI		
1.	IPK Pulau Pinang	Tingkat 1, D6 JSJ	Disediakan	1
2.	IPD Pulau Pinang	Stor Narkotik Timur Laut	Disediakan	1
3.	IPD Timur Laut	Tingkat 3 Pasukan A	Disediakan	1
4.	IPD Timur Laut	C.I.U Tingkat 3	Disediakan	1
5.	IPD Timur Laut	Tingkat 2 Bah.D7	Disediakan	1
6.	IPD Barat Daya	Tingkat 1 BP Bayan	Disediakan	1
7.	IPD Seberang Perai Utara	Lokap IPD SPU	Disediakan	1
8.	IPD Seberang Perai Tengah	Lokap (L) DAN (W)	Disediakan	1
9.	IPD Seberang Perai Tengah	Bahagian D7	Disediakan	1
10.	IPD Seberang Perai Tengah	Tingkat 1 D9	Disediakan	1
JUMLAH KESELURUHAN				10

NEGERI: SELANGOR

BIL.	TEMPAT		CCTV / PERAKAM	JUMLAH
	KONTINJEN / DAERAH	LOKASI		
1.	IPD Petaling Jaya	IPD Petaling Jaya	Disediakan	1
2.	IPD Subang Jaya	Balai Polis USJ Subang Jaya	Disediakan	1
3.	IPD Sabak Bernam	IPD Sabak Bernam	Disediakan	1
4.	IPD Gombak	IPD Gombak	Disediakan	1
5.	IPD Klang	Balai Polis Port Klang	Disediakan	1
6.	IPD Ampang	Balai Polis Hulu Klang	Disediakan	1
7.	IPD Kuala Selangor	IPD Kuala Selangor	Disediakan	1
8.	IPD Shah Alam	IPD Shah Alam	Disediakan	1
9.	IPD Kajang	IPD Kajang	Disediakan	1
10.	IPD Sepang	IPD Sepang	Disediakan	1
11.	IPD Kuala Langat	Balai Polis Telok Panglima Garang	Disediakan	1
JUMLAH KESELURUHAN				11

MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011

NEGERI: KUALA LUMPUR

BIL.	TEMPAT		CCTV / PERAKAM	JUMLAH
	KONTINJEN / DAERAH	LOKASI		
1.	IPK Kuala Lumpur	Tingkat 7, D9	Disediakan	1
2.	IPK Kuala Lumpur	Tingkat 8, D7	Disediakan	1
3.	IPK Kuala Lumpur	Tingkat 2, D4	Disediakan	1
4.	IPD Cheras	Tingkat Bawah Blok B	Disediakan	1
5.	IPD Dang Wangi	Tingkat 1 IPD Dang Wangi	Disediakan	1
JUMLAH KESELURUHAN				5

**NEGERI: LAIN-LAIN KONTINJEN (YANG MEMPUNYAI HANYA SATU BILIK
SOAL SIASAT LENGKAP DENGAN PERALATAN CCTV)**

BIL.	TEMPAT		CCTV / PERAKAM	JUMLAH
	KONTINJEN / DAERAH	LOKASI		
1.	Perlis	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
2.	Kedah	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
3.	Perak	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
4.	Negeri Sembilan	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
5.	Melaka	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
6.	Pahang	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
7.	Terengganu	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
8.	Kelantan	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
9.	Sabah	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
10.	Sarawak	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Disediakan	1
JUMLAH KESELURUHAN				10

LAMPIRAN 2

GERAN KOMUNAL

1. **OBJEKTIF PENGELUARAN GERAN KOMUNAL**

- (i) Melindungi kepentingan Anak Negeri Sabah ke atas tanah Kerajaan di sekitar kawasan perkampungan Anak Negeri;
- (ii) Mempercepatkan proses pengeluaran hak milik tanah jenis NT/FR kepada Anak Negeri Sabah secara berkelompok (*Communal*);
- (iii) Menyelesaikan isu tuntutan tanah Hak Adat Negeri Sabah tanpa melalui Siasatan Tanah;
- (iv) Menyelesaikan isu pertindihan permohonan tanah dan pemberimilikan tanah yang seimbang dan adil;
- (v) Menghalang Anak Negeri Sabah daripada menjual hakmilik tanah dan kelulusan permohonan tanah; dan
- (vi) Membasmi kemiskinan melalui pemberimilikan tanah yang terancang dan pembangunan tanah yang optima.

2. **DASAR PENGELUARAN GERAN KOMUNAL**

- (i) YAB Ketua Menteri boleh memberi persetujuan ke atas mana-mana tanah Kerajaan yang telah dirancang dan dicadangkan untuk pengeluaran geran komunal di bawah pindaan seksyen 76 Ordinan Tanah Sabah.
- (ii) Pemungut Hasil tanah adalah Pemegang Amanah kepada geran komunal.
- (iii) Geran Komunal adalah merupakan syarat khas kepada geran NT/FR. Hanya Anak Negeri Sabah yang ditakrifkan di bawah Ordinan Interpretasi Anak Negeri Bab 64 yang boleh menjadi benefisiari kepada geran komunal.
- (iv) Nama setiap benefisiari tercatat dalam geran komunal.
- (v) Premium dan sewa tanah tidak dikenakan ke atas geran komunal.
- (vi) Penambahan, penyingkiran dan penggantian benefisiari hanya boleh dilakukan melalui siasatan terperinci oleh Penolong Pemungut Hasil

Tanah Daerah berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Tanah dan Ukur.

3. **KRITERIA PEMILIHAN PESERTA GERAN KOMUNAL**

Syarat-syarat dan kelayakan untuk menjadi benefisiari kepada geran komunal adalah seperti berikut:

(i) **Kategori Pertama**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk in-situ/sekitar yang tidak mempunyai tanah dan tergolong dalam kategori rakyat termiskin;

- (a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- (b) Berkahwin, ibu tunggal atau duda yang mempunyai tanggungan anak yang ramai.

(ii) **Kategori Kedua**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk In-situ/sekitar yang tidak mempunyai tanah dan tergolong dalam kategori rakyat termiskin;

- (a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- (b) Berkahwin, ibu tunggal atau duda yang tidak mempunyai tanggungan anak yang ramai.

(iii) **Kategori Ketiga**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk In-situ/sekitar yang tidak mempunyai tanah dan tergolong dalam kategori rakyat termiskin;

- (a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- (b) Bujang.

(iv) **Kategori Keempat**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk In-situ/sekitar yang tidak mempunyai tanah tetapi sedang menduduki tanah tersebut;

- (a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- (b) Berkahwin atau bujang.

(v) **Kategori Kelima**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk In-situ/sekitar yang mempunyai tanah kurang daripada 5 ekar dan tergolong dalam kategori rakyat termiskin;

- (a) Berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- (b) Berkahwin atau bujang.

(vi) **Kategori Keenam**

Anak Negeri Sabah yang merupakan penduduk In-situ/sekitar yang tidak tersenarai dalam kategori pertama hingga kelima

4. **KEBAIKAN-KEBAIKAN PENGELUARAN GERAN KOMUNAL**

- (i) Melindungi kepentingan Anak Negeri Sabah ke atas tanah di kawasan perkampungan mereka;
- (ii) Mengambil kira tuntutan Anak Negeri Sabah ke atas tanah yang dipertikaikan.
- (iii) Memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk luar Bandar *in-situ* (jika dibangunkan secara usahasama)
- (iv) Pemberimilikan tanah yang sistematik dan teratur.
- (v) Pengagihan tanah secara telus dan adil.
- (vi) Memperkukuhkan institusi kekeluargaan dengan menjadikan suami dan isteri yang layak sebagai pewaris bersama;
- (vii) Membantu golongan ibu tunggal, duda dan janda dalam pemilikan tanah.
- (viii) Tanah dapat dibangunkan secara bersepadu.
- (ix) Pengukuran secara sistematik.
- (x) Pengoptimaan kos pengukuran.
- (xi) Mengurangkan kerja penguatkuasaan tanah.

**DISELARASKAN OLEH:
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
2012**